

DURI DALAM DAGING

SINGAPURA DALAM MALAYSIA

Nik Anuar Nik Mahmud



PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR
2001

© Persatuan Sejarah Malaysia 2001

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Persatuan Sejarah Malaysia terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Nik Anuar Nik Mahmud

Duri dalam daging : Singapura dalam Malaysia / Nik Anuar
Nik Mahmud.

Mengandungi rujukan bibliografi

ISBN 983-2140-05-6

1. Singapura--History. 2. Singapura--Politics and government.
3. Malaysia--Politics and government. I. Judul.
959.57

D
959.57
1584

✓ D

1048727

Dicetak oleh
Percetakan Watan Sdn. Bhd.
26, Jalan Daud, Kg. Baru
50300 Kuala Lumpur

23 JAN 2002

Perpustakaan Negara

Senarai Singkatan

BS	Barisan Sosialis
CAB	Cabinet Office
CO	Colonial Office
CRO	Commonwealth Relations Office
GEMALA	Gerakan Kebangsaan Melayu Singapura
FO	Foreign Office
FSKK	Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
HMG	Her Majesty's Government
ISA	Internal Security Act
ISC	Internal Security Council
PAP	People's Action Party
MCA	Malayan Chinese Association
MIC	Malayan Indian Congress
MSC	Malaysian Solidarity Convention
PAS	Parti Islam Se-Malaya
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PMIP	Pan Malayan Islamic Party
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PETA	Pembela Tanah Air
PREM	Prime Minister's Office
SAP	Singapore Alliance Party
SEATO	South East Asia Treaty Organisation
SUPP	Sarawak United People's Party
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMNO	United Malays' National Organisation
UN	United Nations
UPP	United Peoples' Party
UPKO	United Pasukan Kadazan Organisation
USNO	United Sabah National Organisation

Kandungan

	Muka surat
<i>Senarai Singkatan</i>	v
<i>Seungkap Kata</i>	ix
<i>Prakata</i>	xi
I Dari Ketuanan Melayu ke Ketuanan Inggeris	1
II Singapura menuju Pemerintahan Sendiri	5
III Pilihan Raya 1959, PAP dan Komunis	14
IV PAP dan Perjuangan untuk Percantuman	22
V Tunku, Gagasan Malaysia dan Reaksi British	31
VI Menangani Bantahan	50
VII Duri dalam Daging	62
VIII Menyingkirkan Duri dari dalam Daging	85
<i>Kesimpulan</i>	95
<i>Lampiran</i>	97
<i>Bibliografi</i>	167
<i>Indeks</i>	171

Seungkap Kata

Saya mengucapkan tahniah kepada Profesor Dr. Nik Anuar Nik Mahmud kerana berjaya menghasilkan buku *Duri Dalam Daging: Singapura Dalam Malaysia*, yang walaupun ringkas tetapi padat dengan dokumentasi sejarah hasil penyelidikan beliau tentang peristiwa pemisahan Singapura daripada Malaysia serta pelbagai detik penting yang membawa kepada peristiwa itu.

Peristiwa yang berlaku pada 9 Ogos 1965 ini sudah diulas oleh banyak pihak sama ada oleh mereka yang terlibat secara langsung maupun yang hanya berperanan sebagai pemerhati sahaja. Walaupun peristiwa itu sudah berlaku lebih 30 tahun lalu, perbincangan tentangnya sentiasa menjadi isu yang menarik perhatian banyak pihak. Keadaan ini mungkin disebabkan hubungan Malaysia-Singapura mempunyai sejarah yang panjang, kerana Singapura atau Temasik merupakan sebahagian daripada Kesultanan Melayu Lama dan kini sebagai jiran terdekat hubungan tersebut pula sentiasa panas dengan pelbagai isu semasa.

Namun begitu ulasan yang diberi kemungkinan dipengaruhi emosi atau berkepentingan politik peribadi. Ada juga penulisan tentang peristiwa itu yang hanya berdasarkan perspektif individu sehingga gagal melihatnya sebagai satu peristiwa sejarah secara menyeluruh. Agak membimbangkan juga apabila penulisan yang sering mendapat perhatian bukannya berpunca daripada kita di Malaysia. Dalam keadaan kebanyakan tokoh penting Malaysia yang terlibat secara langsung dengan peristiwa itu sudah meninggal dunia, apakah sandaran kita untuk menyanggah hujah palsu atau membetulkan fakta yang dipesongkan.

Dari sudut inilah penulisan Dr. Nik Anuar Nik Mahmud ini begitu penting kerana buku ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh tentang urutan sebenar peristiwa yang berlaku pada pertengahan tahun 1960-an itu. Buku ini menjadi bukti bagaimana seharusnya seorang sejarawan berperanan dalam pembinaan sebuah

bangsa yang memahami sejarah negaranya, terutamanya dari segi memberi penilaian terhadap peristiwa silam yang membawa kesan begitu mendalam. Pihak Persatuan Sejarah Malaysia bersetuju menerbitkan buku ini kerana diharapkan bahan seperti ini akan menjadi satu iktibar penting dan peringatan kepada generasi muda dan sebagai salah satu rujukan utama bagi pihak yang ingin mengkaji sejarah hubungan Malaysia-Singapura.

Dato' Haji Omar Mohd. Hashim

Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif

Persatuan Sejarah Malaysia

9 Ogos 2001

Prakata

Asalnya Singapura adalah sebahagian daripada tanah jajahan kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga. Pada tahun 1824 pulau itu telah diserahkan oleh Sultan Hussain Muhammad Syah kepada British. Di bawah dasar pintu terbuka, Singapura telah berubah wajah. Daripada sebuah perkampungan Melayu, ia telah bertukar menjadi penempatan Cina. Pada tahun 1963 Singapura telah bercantum semula dengan Persekutuan Tanah Melayu melalui gagasan Malaysia. Kehadiran Singapura dalam Malaysia bagaimanapun telah menimbulkan pelbagai masalah sehingga diumpamakan bagai 'duri dalam daging'. Selepas dua kali berlaku rusuhan kaum di Singapura pada tahun 1964, Tunku membuat keputusan untuk memisahkan Singapura daripada Malaysia. Pada 9 Ogos 1965, Singapura dipisahkan daripada Malaysia.

Sebahagian besar daripada penyelidikan untuk menghasilkan buku ini telah dilakukan di *Public Record Office*, London, *National Archives*, Virginia dan juga Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Selain itu bahan yang terdapat di Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM juga telah dirujuk. Oleh itu dengan rasa rendah diri saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua institusi tersebut atas bantuan dan kerjasama yang diberikan. Juga ucapan ribuan terima kasih kepada UKM kerana membiayai projek penyelidikan ini dan kepada Persatuan Sejarah Malaysia atas kesudian untuk menerbitkannya bagi mengisi khazanah sejarah negara. Saya ingin juga menyampaikan penghargaan kepada Nik Nur Adnin selaku Pembantu Penyelidik kerana banyak memberi pertolongan kepada saya dalam usaha menyiapkan kajian ini. Sokongan dan galakan rakan di Jabatan Sejarah, FSKK juga amat dihargai. Tidak lupa kepada keluarga saya, Rahilah, Adnin, Husna, Adham, Zafir, Anis, Hazlan dan Amira atas galakan dan semangat yang diberi untuk menjayakan penulisan karya ini.

Nik Anuar Nik Mahmud

Jabatan Sejarah

UKM

9 Ogos 2001

Dari Ketuanan Melayu ke Ketuanan Inggeris

Singapura pada asalnya adalah sebahagian daripada tanah jajahan kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga. Nama asalnya ialah Temasik, dan merupakan sebuah perkampungan nelayan Melayu. Berdasarkan *Sejarah Melayu*, Temasik telah dibuka oleh Sang Nila Utama pada tahun 1299. Sumber China pula menceritakan bahawa pada tahun 1349 pulau itu diperintah oleh seorang raja yang bernama Tamagi. Sultan Iskandar Syah (Parameswara), pengasas kerajaan Melayu Melaka, pernah menjadi pemerintah di pulau ini selama lebih kurang lima tahun (1391-1397) sebelum beliau membuka Melaka pada awal abad ke-15.¹ Setelah kerajaan Melayu Melaka ditubuhkan, Temasik kekal sebagai tanah jajahannya. Sebagai penempatan nelayan, jumlah bilangan penduduknya tidaklah begitu ramai. Pada awal abad ke-19, Temasik berada di bawah tanggungjawab Temenggung Abdul Rahman. Pada ketika itu kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga bersultankan Sultan Abdul Rahman Muazam Syah yang bersemayam di Lingga.

Kehadiran kuasa Eropah seperti Inggeris dan Belanda di perairan Johor-Riau pada awal abad ke-19 telah mengancam keutuhan kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga. Belanda yang datang lebih awal daripada Inggeris telah bertapak di Riau, manakala Inggeris pula telah bertapak di Pulau Pinang. Selepas tamat perang Napoleon (1815), Kompeni Hindia-Inggeris mencari tapak baru di Selat Melaka yang lebih strategik daripada Pulau Pinang. Kedudukan Temasik yang strategik telah mendapat perhatian Stamford Raffles, Leftenan Gabenor Bengkulu. Dengan bertapak di kawasan itu, kompeni telah dapat mengawal Selat Melaka yang merupakan laluan utama perdagangan antarabangsa.

Pada 28 Januari 1819, Raffles telah mendarat di Temasik. Selepas meninjau pulau itu, Raffles mengambil keputusan untuk menjadikannya sebagai pangkalan Kompeni Hindia Timur Inggeris. Raffles membuat perjanjian awal dengan Temenggung Abdul Rahman bagi membolehkan Kompeni membuka pangkalan di pulau itu dengan bayaran tahunan sebanyak 3,000 *dollar Spanish*. Perjanjian itu dibuat atas andaian bahawa perjanjian Belanda dengan Riau tidak meliputi Johor dan pemerintah Johor yang sebenarnya bukan Sultan Abdul Rahman tetapi Tengku Hussain Muhammad Syah, kekandanya. Pada masa Sultan Mahmud II mangkat (1810), Tengku Hussain Muhammad Syah berada di Pahang dan dengan itu adindanya Abdul Rahman telah ditabal sebagai Sultan baru. Oleh sebab Raffles telah diarah untuk berurusan dengan pemerintah Johor sahaja, maka beliau telah menabalkan Tengku Hussain Muhammad Syah sebagai Sultan. Pada 6 Februari 1819, Raffles memeterai perjanjian dengan Sultan Hussain bagi membolehkan Kompeni membuka pangkalan di pulau Temasik. Sebagai balasannya, Kompeni membayar sebanyak 5,000 *dollar Spanish* kepada Sultan dan sebanyak 3,000 *dollar Spanish* kepada Temenggung. Kompeni berjanji tidak akan mencampuri urusan dalaman Sultan manakala Sultan pula tidak akan membenarkan mana-mana kuasa asing bertapak di pulau itu. Kompeni juga berjanji akan mempertahankan kedudukan Sultan dan Temenggung daripada sebarang ancaman.

Pada bulan Jun 1823 satu lagi perjanjian dimeterai antara Kompeni dengan Sultan Hussain Muhammad Syah dan Temenggung Abdul Rahman. Perjanjian itu membenarkan kompeni menguasai keseluruhan pulau tersebut. Sebagai balasannya Kompeni membayar kepada Sultan Hussain Muhammad Syah dan Temenggung Abdul Rahman sebanyak 1,500 dan 700 *dollar Spanish*. Dengan perolehan itu Kompeni telah menukar nama pulau itu kepada Singapura.

Pihak Belanda telah membantah pendudukan Kompeni di Temasik kerana mereka mendakwa pulau itu berada di bawah naungan Sultan Abdul Rahman yang mempunyai perjanjian dengan Belanda. Dakwaan itu ditolak oleh Raffles atas alasan bahawa Temenggung Johor dan Bendahara Pahang tidak pernah mengiktiraf pertabalan Abdul Rahman sebagai Sultan Johor-Riau-Lingga. Bagi mengatasi perbalahan itu, rundingan telah berlangsung antara kerajaan Inggeris dengan Belanda di

London. Pada 24 Mac 1824 kedua-dua kuasa Eropah tersebut memeterai Perjanjian London. Nasib Singapura telah ditentukan oleh Artikel 12 dalam perjanjian itu yang berbunyi seperti berikut:

Raja Belanda menarik balik semua bantahan yang telah dibuat terhadap pendudukan rakyat Yang Mulia Raja Inggeris di Singapura. Walau bagaimanapun Yang Mulia Raja Inggeris berjanji bahawa tidak ada petempatan Inggeris yang akan dibuka di Pulau Karimon, Bantam, Bintang dan Pulau Linggi atau mana-mana pulau yang terletak di selatan Selat Singapura; juga pihak Inggeris tidak akan menandatangani sebarang perjanjian dengan ketua-ketua pulau ini.²

Artikel itu telah mengabsahkan pendudukan Inggeris di Singapura. Perjanjian London juga mengakibatkan keutuhan dan kedaulatan Kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga terjejas. Kerajaan yang besar ini telah terbahagi kepada dua, iaitu Kerajaan Melayu Johor dan Kerajaan Melayu Riau-Lingga.

Setelah termeterainya Perjanjian London, John Crawford, Residen Kompeni di Singapura telah memaksa Sultan Hussain Muhammad Syah dan Temenggung Abdul Rahman supaya menyerahkan Singapura sepenuhnya, kecuali kawasan kediaman Sultan Hussain Muhammad Syah dan Temenggung. Justeru tekanan dan desakan Crawford, pada 2 Ogos 1824, Sultan dan Temenggung terpaksa menandatangani perjanjian Persahabatan dan Perikatan dengan Kompeni. Dengan termeterainya perjanjian itu Singapura telah menjadi kepunyaan Kompeni buat selama-lamanya. Sebagai balasannya pihak Kompeni bersetuju untuk membayar kepada Sultan Hussain dan Temenggung masing-masing sebanyak 33,000 dan 26,800 *dollar Spanish*, termasuk bayaran bulanan setiap seorang sebanyak 1,300 dan 700 *dollar Spanish*. Fasal VII perjanjian itu memperakui penyerahan itu tidak membabitkan kawasan kediaman Sultan dan Temenggung di Kampong Gelam yang mempunyai keluasan lebih kurang 56 ekar.³

Sejak itu Singapura telah menjadi milik kompeni Hindia Timur British. Pada tahun 1867 Singapura, Pulau Pinang dan Melaka telah diletak di bawah Pentadbiran Negeri-negeri Selat yang berpusat di Singapura dan di bawah tanggungjawab seorang Gabenor. Singapura juga menjadi ibu pejabat Pesuruhjaya Tinggi British bagi Negeri-negeri

Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Bagi memudahkan hubungan antara Singapura dengan Semenanjung, sebuah *causeway* telah dibina dan siap pada tahun 1923.

Di bawah pemerintahan British, Singapura telah membangun dengan pesat. Dari sebuah perkampungan nelayan, Singapura berubah menjadi pusat perdagangan serantau. Banyak syarikat asing telah membuka cawangan masing-masing di pulau itu. Antara yang awal ialah Syarikat *Johnston and Company*, *Guthrie, Syme and Company*, *Paterson* dan *Simons and Company*. Bilangan pendatang asing, khususnya kaum Cina, juga semakin meningkat. Pada tahun 1863 jumlah penduduk di Singapura telah meningkat kepada 80,000 orang. Daripada jumlah tersebut hanya 14% sahaja terdiri daripada bangsa Melayu. Bakinya adalah terdiri daripada kaum pendatang Cina (62%) dan India (16%). Menjelang tahun 1901, Singapura mempunyai 227,000 orang penduduk. Daripada jumlah itu, 72% adalah terdiri daripada kaum pendatang Cina. Di bawah ketuanan British, bangsa Melayu Singapura terus terpinggir dan dipinggirkan daripada arus pembangunan.

NOTA

1. Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 106
2. Graham Irwin (terj. Mohd. Nor Ghani & Noraini Ismail), *Borneo Abad Kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 79.
3. Pada tahun 1897 berlaku perebutan kuasa dalam keluarga keturunan Sultan Hussain Muhammad Syah sehingga Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan membuat keputusan meletakkan kawasan seluas 56 ekar itu sebagai 'Crown Land'. Satu rang undang-undang Sultan Hussain Muhammad Syah 1905 digubal bagi melindungi istana itu. Pada 12 Mac 1999 kerajaan Singapura telah mengumumkan cadangan kerajaan untuk menjadikan istana Sultan Hussain sebagai Pusat Warisan Melayu. Lihat, *Utusan Malaysia*, 4 Jun 1999.

II

Singapura menuju Pemerintahan Sendiri

(Peperangan tercetus di Tanah Melayu pada 7 Disember 1941 apabila tentera Jepun mendaratkan tenteranya di Kelantan, disusuli dengan serangan ke atas Pearl Harbour. Dalam tempoh 70 hari Singapura telah dikuasai oleh Jepun. British terpaksa mengaku kalah. Bermula pada bulan Februari 1942, Persekutuan Tanah Melayu dan Negeri-negeri Selat telah diletak di bawah pentadbiran tentera Jepun dengan Singapura atau *Syonan* nama barunya, sebagai pusat pentadbirannya.

Setelah perang tamat, para pejuang Melayu khususnya Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) berusaha untuk mencantumkan semula Singapura dengan Tanah Melayu, tetapi dihalang oleh British. Di bawah perlembagaan Malayan Union atau Kesatuan Tanah Melayu, Pulau Pinang dan Melaka telah menjadi sebahagian daripada Tanah Melayu, tetapi Singapura kekal sebagai koloni British. Semenjak itu Semenanjung dan Singapura berkembang secara berasingan dalam bidang politik, perlembagaan dan ekonomi.

Keengganan British untuk memberi hak pemerintahan sendiri kepada Persekutuan Tanah Melayu telah mencetuskan bantahan di Persekutuan Tanah Melayu. Parti Komunis Malaya dan parti kiri Melayu seperti PKMM, PETA dan Hisbul Muslimin telah memelopori gerakan kemerdekaan. Pihak British telah bertindak balas dengan mengisytiharkan darurat, mengharamkan parti kiri dan menahan pucuk pimpinan dan ahlinya. Di Singapura pihak British juga telah menangkap ahli serta penyokong PKM dan parti kiri Melayu.) Antara tahun 1948 dan 1953, seramai 1,200 orang telah ditahan oleh pihak berkuasa British, termasuklah C.V. Nair dan James Puthucheary.¹

Pada tahun 1950-an, pihak British telah melonggarkan sedikit kekangan terhadap kegiatan politik sebagai persiapan ke arah pemerintahan sendiri. Pada tahun 1953, Pejabat Tanah Jajahan telah melantik Suruhanjaya Perlembagaan yang dipengerusikan oleh Sir George Rendell untuk menggubal perlembagaan Singapura. Dalam laporannya yang dikeluarkan pada awal tahun 1954, Suruhanjaya Rendell mencadangkan supaya Singapura diberi status pemerintahan sendiri yang terhad. Sebuah Dewan Legislatif yang mengandungi seramai 32 orang anggota telah ditubuhkan. Daripada jumlah itu seramai 25 orang akan dipilih menganggotainya melalui proses pilihan raya. Sebuah Majlis Menteri yang mengandungi 9 orang Menteri akan dibentuk. Majlis Menteri ini bertanggungjawab terhadap semua urusan pentadbiran melainkan hal ehwal keselamatan, undang-undang dan kewangan dan urusan luar negara yang masih menjadi tanggungjawab kerajaan British.

Apabila laporan Suruhanjaya Rendell diluluskan oleh Parlimen British, pilihan raya umum pertama telah dijadualkan pada April 1955. Justeru itu, beberapa parti politik telah ditubuhkan, seperti Parti Buruh Bersatu (*Labour Front*), *People's Action Party* (PAP), UMNO Singapura, Parti Buruh Singapura dan Parti Progresif. Antara parti politik yang paling berpengaruh ketika itu ialah Parti Buruh Bersatu dan PAP.

Parti Buruh Bersatu telah ditubuhkan oleh Lim Yew Hock dan David Marshall, seorang peguam. Lim Yew Hock adalah seorang aktivis Kesatuan dan ahli Majlis Legislatif manakala David Marshall pula adalah seorang peguam keturunan Yahudi yang terkenal serta berjiwa anti-penjajah. Dasar perjuangan Parti Buruh Bersatu ialah untuk membebaskan Singapura daripada penjajahan dan bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu.

PAP, saingan utama Parti Buruh Bersatu, telah ditubuhkan pada bulan November 1954 oleh siswazah lulusan universiti di United Kingdom. Sama seperti Parti Buruh Bersatu, matlamat perjuangan Parti PAP ialah untuk membebaskan Persekutuan Tanah Melayu, termasuk Singapura, daripada belenggu penjajahan British. Antara tokoh PAP yang terkenal ialah Lee Kuan Yew, Goh Keng Swee, Toh Chin Chye dan S. Rajaratnam. Untuk mencapai matlamat perjuangannya, PAP merapatkan hubungan dengan golongan pendidik Cina dan pimpinan Kesatuan Sekerja yang dikuasai oleh Komunis. Oleh sebab itu PAP tidak bersikap anti-komunis.

Dalam satu kenyataan akhbar pada Mei 1955, Setiausaha PAP, Lee Kuan Yew, pernah mengatakan bahawa '*any man in Singapore who want to carry the Chinese-speaking people with him cannot afford to be anti-communist*'.² PAP mengisytiharkan dirinya sebagai sebuah parti yang bukan komunis. Walaupun PAP dianggap sebagai sebuah parti *reactionary*, tetapi justeru imejnya sebagai sebuah parti pro-kemerdekaan dan anti-barat, PKM memilih untuk menyokongnya.

*Although they are essentially reactionary, yet in the present phase of the anti-colonial struggle for the attainment of the rights of national self-determination, we shall support all PAP policies and measures that are beneficial to us and oppose those that are not. Every comrade must take this principle as a guide for his own utterances and activities.*³

Pilihan raya umum pertama diadakan di Singapura pada 2 April 1955. Parti Buruh Bersatu memenangi pilihan raya itu dengan 10 kerusi manakala PAP memenangi 4 buah kerusi. UMNO-MCA hanya memenangi 3 kerusi sahaja. Keputusan itu membolehkan Parti Buruh Bersatu membentuk kerajaan dengan David Marshall sebagai Ketua Menteri Singapura yang pertama.

Kemenangan Parti Buruh Bersatu mengecewakan pihak British yang mengharapkan Parti Progresif yang pro-British mengambil-alih teraju pemerintahan. Sikap David Marshall yang anti-kolonial dan keengganannya untuk bertindak terhadap puak kiri dan komunis menyebabkan beliau tidak begitu popular dengan pihak kolonial British di Singapura. Pada awal bulan Jun 1956, beliau telah meletakkan jawatannya sebagai Ketua Menteri apabila kerajaan British enggan memberi hak pemerintahan sendiri sepenuhnya kepada Singapura. Ketua Menteri tidak mempunyai saluran kepada laporan sulit Cawangan Khas. Oleh sebab sumber kewangan dikawal oleh pihak British, maka ketua Menteri mempunyai masalah untuk melaksanakan rancangan pembangunan dalam aspek perumahan dan pendidikan.

Pada 8 Jun 1956, pemangkunya Lim Yew Hock telah mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri. Pada 11 Disember 1957, Sir William Goode telah dilantik sebagai Gabenor Singapura. Menyedari bahawa kerajaan British tidak akan memberikan kemerdekaan kepada Singapura sehingga Komunis tidak lagi menjadi ancaman, maka Lim Yew Hock

memilih untuk bekerjasama dengan Gabenor dan Ketua Polis dalam menangani masalah komunis walaupun beliau dianggap oleh musuh politiknya sebagai 'boneka penjajah'. Beliau adalah Cina Peranakan yang berjiwa anti-komunis. Oleh sebab itu juga beliau dapat berhubung rapat dengan Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri bagi Tanah Melayu, seorang tokoh yang juga anti-komunis.⁴ Kerajaan Persekutuan agak bimbang dengan kegiatan komunis di Singapura. Walaupun PKM telah diharamkan, tetapi komunis masih berpengaruh di kalangan Kesatuan Sekerja dan sekolah Cina.

Sebaik sahaja dilantik sebagai Ketua Menteri, Lim Yew Hock, dengan kerjasama Gabenor Goode dan Ketua Polis, telah mengambil tindakan terhadap komunis. Pada 23 Ogos 1956, Lim Yew Hock mengeluarkan Kertas Putih tentang kegiatan dan matlamat Komunis di Singapura serta penyelusupan anasir itu dalam PAP. Pada bulan September, Kesatuan Sekerja seperti *Singapore Factory and Shop Workers* telah ditutup. Bermula 1 Oktober 1956, satu operasi besar-besaran telah dijalankan di Singapura untuk memberkas anggota komunis serta para penyokongnya.

Akibat tindakan keras Lim Yew Hock, gerakan komunis di Singapura hampir lumpuh. Operasi itu dikenali sebagai *Operation Photo*. Berikutan dengan berlakunya rusuhan di *Chinese High School* pada 26 Oktober 1956, Lim Yew Hock telah bertindak dengan menahan pemimpin kiri dan komunis dalam PAP dan Kesatuan Sekerja. Antara yang ditahan di bawah Akta *Preservation of Public Security* ialah Lim Chin Siong, S. Woodhull dan James Puthuicheary. Pada tahun 1957, lima orang ahli Jawatankuasa Tertinggi PAP turut ditahan. Dari satu segi, penahanan beberapa orang pucuk pimpinan tertinggi Jawatankuasa Pusat PAP yang pro-Komunis telah membolehkan Lee Kuan Yew, seorang tokoh moderat dan bekas Setiausaha Agung PAP, menguasai semula PAP. Lennox-Boyd, Setiausaha Tanah Jajahan, telah memuji Lim Yew Hock kerana berjaya membunuh '*the communist snake*'.⁵ Satu daripada senjata sulit pihak British dalam menangani masalah komunis ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun *Preservation of Public Security Act*. Akta ini memberi kuasa sepenuhnya untuk menahan mana-mana individu ataupun menutup mana-mana persatuan atau kesatuan yang dipercayai mengancam keselamatan negara tanpa memerlukan perintah mahkamah.

Justeru itu akta tersebut telah ditentang oleh komunis dan menjadi isu utama dalam perjuangan politik di Singapura.

Perlembagaan Baru

Pada bulan April 1958 Lim Yew Hock telah mengetuai rombongan ke London. Turut mengiringi rombongan itu ialah Lee Kuan Yew. Pada 11 April 1957 perjanjian telah dimeterai antara kerajaan Lim Yew Hock dengan kerajaan British mengenai perlembagaan baru bagi Singapura. Perlembagaan baru itu membolehkan penubuhan sebuah Dewan Legislatif dengan 51 orang wakil yang dipilih. Seorang Perdana Menteri dan beberapa orang Menteri akan dipilih daripadanya. Dewan ini mempunyai kuasa dalam semua hal kecuali urusan pertahanan dan luar negara. Berkaitan soal keselamatan dalam negeri, sebuah majlis yang dikenali sebagai Majlis Keselamatan Negara akan dibentuk. Majlis ini akan dianggotai oleh tiga orang wakil British, tiga orang wakil dari Singapura dan seorang wakil dari Tanah Melayu. Singapura akan diketuai oleh seorang Yang di-Pertuan Negara dan bukan lagi Gabenor. Kerajaan British masih mempunyai kuasa untuk menggantung perlembagaan sekiranya keselamatan dalam negeri Singapura terganggu ataupun kerajaan Singapura menjalankan dasar yang bertentangan dengan Perlembagaan.

Tuntutan Melayu

Secara umumnya perlembagaan baru itu telah diterima oleh rakyat Singapura. Ini kerana perlembagaan itu telah mengubah status Singapura daripada sebuah koloni kepada Negara (*State*). Sempena dengan itu, Yusof Ishak telah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Negara Singapura yang pertama. Sungguhpun begitu terdapat sekumpulan orang Melayu mempertikaikan perlembagaan itu atas alasan bahawa perlembagaan itu tidak menjamin kedudukan orang Melayu sebagai bumiputera di negeri itu malahan kedudukan orang Melayu akan semakin tenggelam. perlembagaan baru itu telah melonggarkan syarat-syarat kerakyatan. Kerakyatan Singapura telah dibuka seluas-luasnya kepada semua kaum. Syarat kerakyatan yang berasaskan prinsip *jus soli* telah diperkenalkan. Bagi rakyat United Kingdom dan Tanah Jajahan, mereka layak untuk

memohon kerakyatan selepas dua tahun bermastautin di Singapura manakala bagi rakyat asing pula ialah selepas bermastautin selama 8 tahun.

Apabila syarat-syarat kerakyatan ini dikuatkuasakan, seramai 325,000 orang asing telah diterima sebagai rakyat Singapura. Jelas bahawa peraturan kerakyatan baru itu meninggalkan kesan buruk kepada bangsa Melayu di pulau itu. Daripada 1,466,000 juta orang penduduk di Singapura, bilangan orang Melayu hanyalah dalam anggaran 228,000 orang sahaja. Tambah membimbangkan orang Melayu lagi ialah apabila perlembagaan itu tidak memberi jaminan terhadap kedudukan istimewa orang Melayu sebagai kaum minoriti akan dihormati, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Bimbang dengan masa depan mereka, pada 12 Mac 1959, satu pertubuhan yang dikenali sebagai *Gerakan Kebangsaan Melayu Singapura* atau GEMALA telah ditubuhkan di Singapura.⁶ Peranan utama GEMALA ialah untuk mempertahankan hak dan kepentingan bangsa Melayu di Singapura. GEMALA dipengerusikan oleh Hashim bin Salim manakala Setiausahanya ialah Othman Abdullah. Penaung GEMALA ialah Tengku Muda, cicit kepada Sultan Hussain.

Pada 19 April 1959, GEMALA menganjurkan satu persidangan di istana Kampong Gelam untuk membincangkan nasib dan masa depan orang Melayu di Singapura. Persidangan itu dihadiri oleh seramai 250 orang peserta. Antara keputusan penting yang dibuat oleh persidangan itu ialah desakan GEMALA supaya kerajaan British memulihkan taraf orang Melayu Singapura seperti pada zaman sebelum penjajahan dahulu. Kedua, mendirikan semula kerajaan bersultan. Ketiga, menuntut supaya Perlembagaan baru Singapura dibatalkan dan dengan itu mendesak supaya pilihan raya umum ditangguhkan.

Keputusan persidangan GEMALA untuk memulihkan semula kesultanan Melayu telah ditegur oleh PAS dan Parti Rakyat. Abdullah Zawawi, Yang diPertua PAS Singapura, menganggap cadangan itu sebagai tidak praktikal. Tegas beliau:

Kesultanan Singapura tidak akan tercapai. Hanya bila Singapura bercantum dengan Persekutuan maka tanah jajahan ini dapat kembali kepada bangsa Melayu.⁷

Berita Harian pula menganggap kepentingan utama perjuangan rakyat Singapura pada amnya dan orang Melayu khususnya adalah untuk 'memperjuangkan kemerdekaan rakyat yang terjajah' dan bukan memulihkan kesultanan Melayu.'

Kritikan dan teguran itu bagaimanapun tidak menghalang GEMALA daripada mengirimkan memorandum kepada baginda Queen Elizabeth II pada 25 April 1959.⁹ Seperti yang diputuskan dalam Persidangan itu, GEMALA mendesak kerajaan British melindungi hak dan kepentingan orang Melayu di Singapura, seperti yang termaktub dalam perjanjian antara Sultan Hussain Muhammad Syah dengan Raffles pada 30 Januari 1819 dan 6 Februari 1819. Salinan memorandum itu telah dikirim juga kepada Perdana Menteri British Harold MacMillan.

No doubt Your Majesty's Government must be fully aware of the provisions of both the Treaties, the principal burden of which was that in return for the right of the British to maintain its administrative machinery on the island, they were also responsible not only to safe-guard, but also to foster and actively encourage Malay rights, special privileges and advancement in the field of education, economic, political and social development.

GEMALA bimbang bahawa jika langkah tertentu tidak diambil untuk menangani kebimbangan kaum Melayu ditakuti orang Melayu akan menggunakan kekerasan untuk mencapai matlamatnya.

One apparent result which will adversely affect the Malay people if the new constitution of Singapore came into being, is the certain deprivation of their rightful claim to ownership of this island of 'equality' with the other immigrant races and we maintain that to be so placed would be to endanger our very position and would jeopardise our immediate future on this island. It would mean a compromise with death. We cannot at this juncture compete, with them on such a basis, because, presumably, through the accidents of history and the years of British neglect of our welfare, we are weak people, small in number and politically and economically 'insignificant'.

GEMALA mempertikaikan keputusan kerajaan British membuka hak kerakyatan kepada orang asing berjumlah 200,000 orang yang kesetiaan mereka masih diragui. Keputusan itu dibuat tanpa merujuk kepada orang Melayu. GEMALA bimbang bahawa jika pada masa hadapan tindakan

seumpama itu juga akan diambil, masa depan orang Melayu di Singapura adalah gelap. GEMALA merayu agar hak dan kedudukan orang Melayu diberi perlindungan yang sewajarnya bagi mengelakkan orang Melayu daripada terpusus di pulau itu.

Your Majesty's Government has a moral responsibility in safeguarding Malay interests, rights and privileges, notwithstanding the claims of the non-Malays on this island. How great then was their consternation and how helpless they felt, when they realised that though their rights and privileges are embodied in the Proposed Constitution, and rather loosely at that, there appeared to be no constitutional guarantees that those rights and privileges would be observed and carried out by the Government in power. In simple language the party that forms the next government is not legally bound to observe, much less to carry out its obligations to the Malays.

GEMALA mencadangkan supaya kerajaan British memulihkan semula kesultanan Melayu di Singapura serta memperkasakan kedudukan orang Melayu di pulau itu. Di samping itu tuntutan juga dibuat agar Kerajaan British membatalkan hasrat untuk mengadakan pilihan raya umum seperti yang dicadangkan.

Tuntutan GEMALA itu bagaimanapun tidak dilayan oleh pihak Istana Buckingham. Perlembagaan Baru telah dikuatkuasakan di Singapura seperti yang dijadualkan.

NOTA

1. Devan Nair dan James Puthuchery - telah dianggap oleh pihak Keselamatan British sebagai 'open front leaders' Parti Komunis Malaya. Lihat, Richard Clutterbuck, *Conflict and Violence in Singapore & Malaysia, 1945-1983*, Graham Brash (Pte) Ltd., Singapore, 1984. hal. 66.
2. *Ibid.* hal. 105.
3. Lim Chin Siong juga dikategorikan sebagai 'open front leader' untuk PKM tetapi tidak pernah membuat pengakuan terbuka bahawa beliau adalah seorang komunis. Lihat, Richard Clutterbuck, op. cit., hal. 99.
4. 'Rancangan Penubuhan Malaysia', ucapan Tunku Abdul Rahman di Perhimpunan Agung Khas UMNO pada 4 November 1961. hal. 394-401. Lihat, Wan Mohd. Mahyiddin & Haji Nik Mustaffa Yusoff (peny.), *Amanat Presiden: Landasan bagi Pembinaan Bangsa dan Negara*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, Shah Alam, 1997.

5. Richard Clutterbuck, op. cit. hal. 112.
6. *Berita Harian*, 21 April 1959.
7. *Ibid.* 24 April 1959.
8. *Ibid.* 21 April 1959.
9. Memorandum Gerakan Kebangsaan Melayu Singapura, 25 April 1959
dlm. Buckingham Palace - CO, 3 Nov 1959, CO 1030/447.

III

Pilihan Raya 1959, PAP dan Komunis

Bersesuaian dengan perlembagaan baru itu, pilihanraya umum telah diadakan pada bulan Mei 1959. Penamaan calon telah berlangsung pada 25 April 1959. Pemimpin-pemimpin Perikatan di Tanah Melayu tidak begitu senang dengan kebangkitan PAP sebuah parti yang dianggap menjadi kuda tunggangan Komunis. Perikatan masih mengharapkan SAP, sebuah parti yang anti-komunis, akan terus kekal berkuasa. Pada Tunku hanya SAP sahaja yang dapat menjamin keselamatan orang Melayu di Singapura memandangkan SAP bersedia bekerjasama dengan UMNO dan Lim Yew Hock pula adalah seorang Cina Peranakan. Justeru itu Tunku telah memainkan peranan aktif dalam kempen pilihan raya di Singapura bagi memastikan SAP menang dalam pilihan raya tersebut.

Pencabar utama SAP dalam pilihan raya 1959 ialah PAP yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew. PAP menjadikan isu pembebasan tahanan politik dan kemerdekaan melalui percantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu sebagai agenda utama pilihan raya. Bagi memancing sokongan masyarakat Cina, Lee Kuan Yew berikrar bahawa sekiranya PAP menang pilihan raya tersebut beliau tidak akan membentuk kerajaan sebelum tahanan politik dibebaskan. Pendirian tegas PAP telah mendapat sokongan padu daripada pertubuhan-pertubuhan buruh. Tanda awal populariti PAP di kalangan pengundi Cina ialah apabila PAP memenangi 14 daripada 15 kerusi pilihan raya Majlis Perbandaran pada Disember 1957. Melalui kemenangan itu Ong Eng Guan telah dilantik menjadi Datuk Bandar pertama Singapura.

PAP dan Komunis

Pada awal 1959 tanda-tanda telah menunjukkan bahawa PAP akan memenangi pilihan raya. Menyedari bahawa kemenangan itu juga kerana sokongan Komunis, maka Lee Kuan Yew perlu memenuhi kempen pilihanrayanya, iaitu membebaskan tahanan politik. Menjelang pilihan raya Lee Kuan Yew telah mengadakan pertemuan dengan Gabenor Sir William Goode untuk mendesak supaya Lim Chin Siong dan beberapa orang lagi tahanan politik dibebaskan sebelum penubuhan kerajaan baru.¹ Lee Kuan Yew memaklumkan kepada Goode bahawa Lim Chin Siong dan rakan-rakannya bersetuju untuk menentang anasir komunis yang cuba mengganggu kegiatan parti serta menerima sistem pemerintahan demokrasi. Sekiranya Lim Chin Siong dan rakan-rakannya menyeleweng daripada ikrar tersebut, PAP mempunyai alasan politik yang kukuh untuk menghukum mereka.

Goode menganggap tuntutan itu sebagai tidak praktikal. Arahan pembebasan tahanan hanya boleh dibuat oleh Ketua Setiausaha atas nasihat Majlis Keselamatan Dalam Negeri ataupun Menteri Dalam Negeri atas persetujuan Kabinet. Lee Kuan Yew mendesak Goode menggunakan kuasa *reservenya* ataupun mendapatkan persetujuan anggota tidak rasmi Majlis tersebut untuk membebaskan tahanan politik tersebut. Lee menjelaskan tahanan politik tersebut perlu dibebaskan bersesuaian dengan ikrar pilihanraya. Andainya tahanan politik itu tidak dibebaskan kedudukan serta maruahnyanya sebagai pemimpin PAP di kalangan masyarakat Cina sudah pasti akan terjejas.

Dalam suratnya kepada Pejabat Tanah jajahan British bertarikh 15 Mei 1959, Goode menasihatkan kerajaan British supaya memenuhi permintaan Lee Kuan Yew sekiranya PAP memenangi pilihan raya umum.² Pejabat Tanah Jajahan bersetuju dengan pandangan Goode.

... We should not stand against PAP over this if they get a clear win at elections. To do so would precipitate public squabble immediately before introduction of new constitution. It might lead to embarrassing delay in introducing it and thus to public accusation that the British were dragging their feet because PAP had won elections. Meanwhile Lim and his colleagues would have resigned and Governor would be left to carry on with rump Council of three officials - a difficult situation in face of popular mandate to PAP.

On balance advice, which I think we should accept, is clearly in favour of our deciding now that if PAP have a clear win releases should be ordered forthwith by Governor and rump Council of three official members (and not in exercise of his reserve powers) and that this action should be explained in public statement as having been taken in the light of public pledges of new elected government to prevent a deadlock arising immediately new constitution is inaugurated. This should help to present our action now as taken from weakness but as based on a sensible appreciation of political realities and confirmation of our sincere intention to get new constitution off to a fair start.³

Pilihan raya telah diadakan pada 30 Mei 1959. SAP telah memasuki pilihan raya dalam keadaan yang lemah ekoran skandal bantuan politik asing dan krisis dalam UMNO ekoran isu rasuah Timbalan Ketua Menteri, Hamid Abdul. Seperti yang dijangkakan, PAP memperolehi undi terbesar dalam pilihanraya itu, iaitu 43 kerusi daripada 53 kerusi yang dipertandingkan. *Singapore Alliance Party* telah tewas teruk dengan hanya memenangi 4 daripada 39 kerusi yang dipertandingkan, termasuk kerusi Lim Yew Hock. UMNO dan MCA masing-masing memperolehi 3 kerusi. Satu lagi kerusi dimenangi oleh calon bebas.

Ekoran kekalahan itu, pada pagi 1 Jun 1959, Lim Yew Hock telah melepaskan jawatannya. Lee Kuan Yew telah diminta oleh Gabenor Sir William Goode untuk membentuk kerajaan. Tetapi Lee Kuan Yew bertegas bahawa beliau tidak akan membentuk kerajaan melainkan lapan orang tahanan politik, termasuk Lim Chin Siong, Fong Swee Suan, C.Devan Nair, S. Woodhull, James Puthuachery dibebaskan.

Lee Kuan Yew juga telah memaklumkan kepada Razak hasratnya untuk membebaskan tahanan politik serta memberi jaminan bahawa pembebasan itu tidak akan menggugat keselamatan Tanah Melayu.⁴ Antara jaminan itu termasuklah persetujuan bertulis tokoh-tokoh tersebut untuk tidak memasuki Persekutuan Tanah Melayu. Lee juga berjanji akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu yang melanggar perjanjian tersebut. Razak bagaimanapun memaklumkan bahawa kerajaan Tanah Melayu enggan terbabit dalam isu pembebasan itu.⁵

Pada 3 Jun 1959, lapan orang tahanan politik, termasuk Lim Chin Siong, S. Woodhull, James Puthuachery dan Fong Swee Suan telah dibebaskan. Sebaik saja meninggalkan pintu besar penjara, dua ekor

burung merpati putih telah dibebaskan sebagai lambang kebebasan. Dalam satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan kemudian, Lim Chin Siong menyatakan sokongan penuh kepada cita-cita PAP untuk mewujudkan sebuah negara Malaya yang merdeka, demokratik dan bercorak sosialis. Beliau juga menyatakan sokongan terhadap PAP berhubung perkara undang-undang keselamatan umum, tidak akan mencampuri politik Semenanjung serta menyokong pucuk pimpinan PAP.

Pada masa yang sama, Pejabat Gabenor Singapura telah mengeluarkan kenyataan akhbar bahawa pembebasan tahanan politik itu adalah hak Gabenor Singapura dan tidak mempunyai kaitan dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Pada 4 Jun 1959 Lee Kuan Yew membentuk kerajaannya dan beliau sendiri menjadi Perdana Menteri Singapura. Sebuah Majlis Keselamatan telah ditubuhkan bagi mengurus soal keselamatan yang membabitkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Majlis ini dianggotai oleh wakil kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Kerajaan Tanah Melayu telah diwakili oleh Menteri Dalam Negeri, Dr. Ismail Abdul Rahman.

Pembebasan lapan orang pemimpin kiri/komunis pada bulan Jun 1959 masih belum memuaskan kehendak ahli serta penyokong PAP. Lee terus didesak supaya membebaskan lebih ramai lagi tahanan politik. Keadaan ini telah meletakkan Lee Kuan Yew dalam keadaan serba salah. Sekiranya beliau tidak memenuhi tuntutan itu, kedudukannya sebagai seorang pemimpin akan terjejas. Apabila hasrat itu dimaklumkan kepada kerajaan Tanah Melayu, ternyata ia telah mendapat bantahan keras lebih-lebih lagi apabila Lee Kuan Yew membelakangkan Majlis Keselamatan Dalam Negeri. Pada pandangan Kuala Lumpur sepatutnya Lee Kuan Yew membincangkan perkara itu dalam Majlis Keselamatan Dalam Negeri sebelum satu-satu keputusan dibuat. Mengulas keputusan Lee, Dr. Ismail Abdul Rahman menyatakan bahawa *'if I.S.C were to meet after fait accompli it would either have to accept Singapore Government's action and act in effect as a rubber stamp or else it would have to apply veto'*.⁶ Bantahan kerajaan Persekutuan telah disokong oleh Setiausaha bagi Tanah Jajahan.⁷

Dalam mesyuarat pertama Majlis Keselamatan Dalam Negeri pada 28 Ogos 1959. Dr Ismail Abdul Rahman, wakil kerajaan Persekutuan,

telah secara rasmi mengemukakan bantahan terhadap cadangan itu atas alasan keselamatan Persekutuan Tanah Melayu.⁹ Bagaimanapun, Lee merayu agar Majlis meluluskan cadangannya itu sebagai memenuhi janji pilihan raya. Sekiranya beliau gagal berbuat demikian, PAP akan dituduh mengkhianati ahlinya yang telah ditahan kerana memperjuangkan hak dan nasib mereka sebagai pekerja.

Many of the present detainees were clearly associate with the PAP command very strong loyalty among Trade Union and others... Thus, in the eyes of a large body of people, many of the detainees are regarded as persons who are suffering imprisonment because of their leadership or militant agitation on behalf of the workers. They are also regarded as having been the comrades in agitation of the present government. Nor does public opinion accept without question the allegations made by the previous Government at the time of their arrest that these persons were communists.⁹

Pada pandangan Lee, pembebasan tahanan politik tersebut tidak akan menjejaskan keselamatan negara sebab pengaruh komunis tidak lagi sekuat tahun 1956 kerana mereka tidak lagi mempunyai isu untuk diperalatkan. Di samping itu mereka sedar bahawa *'should they provoke a trial of strength leading to disorders they will be whelmingly crushed.'*¹⁰ Beliau memberi jaminan bahawa pengaruh komunis dapat dibendung melalui pendekatan politik dan perang psikologi.

Nampaknya pihak berkuasa British di Singapura, khususnya Goode, terpengaruh dengan hujah Lee Kuan Yew. Pada pandangan Goode, Kerajaan Lee Kuan Yew mempunyai kemahuan politik (*political will*) dan sokongan popular yang merupakan senjata penting untuk mengalahkan komunis secara terbuka.¹¹ Dalam suratnya kepada Pejabat Tanah Jajahan, Goode secara terus terang mengakui bahawa beliau simpati serta menyokong pendekatan Lee Kuan Yew dalam menangani masalah komunis di Singapura.

Personally I am sympathetic to the Prime Minister's approach to the problem of defeating communism in Singapore. His Government has the political skill and the popular support, which alone may make it possible to defeat communism in open political battle. The previous Governments have had no alternative to repressive measures which, so far from countering the communist appeal, have only served to

strengthen its growth and to give it the added glamour of danger. At last we have a positive approach which if successful can achieve lasting results. It may well be as the Prime Minister himself admits, that this effort will fail. In that event there still remain overwhelming security forces to retrieve the situation. But I accept the Prime Minister's assessment of probable communist tactics that covert clash with the present PAP Government, and that their main object will be to win the political battle for the support of the majority of the electorate at the next general election in five years time. If we now prevent the PAP meeting the communist threat in their own way, we shall risk ensuring their failure and we might well force the present PAP leaders into an increasingly anti-British line as the only alternative to their own political defeat. Moreover, we shall ourselves be politically vulnerable for refusing to allow the release of persons who have been detained without trial for over two years.

My considered recommendation therefore is that it should be our policy to allow the present Government the maximum possible latitude in fighting the Communist threat in their own way. I have no doubt of their sincerity, and I think that they provide the most hopeful possibility of preventing communist domination of this Chinese City. I do not deny that great risks are involved. But I see no alternative which offer any real hope of possible. If this is accepted by you, our difficulty of course will be with Federal government. I recommend that we should use all the influence we have to make them support or at least acquiesce .¹²

Semasa berbincang dengan Menteri-menteri kanan Persekutuan, Geoffrey Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, berusaha untuk meyakinkan kerajaan Persekutuan agar memberi peluang kepada Lee Kuan Yew menangani masalah komunis mengikut kaedahnya sendiri. Tegas Tory: '*...given strong PAP mandate at election we might reasonably feel morally obliged to let Lee have a shot at tackling Communism in his own way.*'¹³ Dr. Ismail bagaimanapun menganggap pendekatan Lee sebagai '*ill-advised*' dan '*ineffectual*' untuk menangani ancaman komunis. Beliau tetap membantah kehendak Lee Kuan Yew untuk membebaskan lebih ramai tahanan politik yang pro-komunis.

Sejajar dengan itu, pada 10 September 1959 kerajaan Tanah Melayu melalui Kementerian Luarnya telah menyatakan pendiriannya terhadap soal pembebasan tahanan politik.

Any proposal to release in Singapore persons who constitute a security risk is matter of grave concern to Federation Government, imperil Federation's security and embarrass Federation Government in implementation of own policy in respect of Communist subversion. Federation Government not convinced that continual detention of persons who are security risk would prejudice Singapore Government having regard to facts publicly stated by Singapore Government that policy on detainees is a matter for Internal Security Council.

In paper for second meeting ISC (5) (S) 4 Singapore Government has stated in paragraphs 22 and 24 that CPM members and sympathisers if they cannot be brought round or neutralised will have to be detained or banished. It would assist Singapore Government in implementation of this policy if ISC refused to sanction release of security risks. Their release would not be in interests of Singapore or of Federation.¹⁴

Kenyataan Kerajaan Tanah Melayu kurang disenangi oleh Lee Kuan Yew. Beliau mengingatkan Goode bahawa sekiranya Tanah Melayu menghalang beliau daripada membebaskan tahanan politik beliau tidak lagi mahu bertanggung jawab dalam masalah keselamatan.¹⁵ Ancaman Lee Kuan Yew membimbangkan British. Ini kerana pihak British tidak bersedia untuk mengambil-alih tanggungjawab tersebut. Dalam telegramnya kepada Setiausaha bagi Tanah Jajahan, Goode menjelaskan:

I see great advantage in getting Lee and his Government publicly committed to definite act against the Communists and great disadvantage in allowing him to adopt policy of washing his hands of responsibility for internal security and for such repressive measures as may be needed. This would postpone the real struggle between the present leadership of the PAP and the Communists. It would merely be holding the ring and we should have to take much more repressive action than the PAP would to hold the position. It would also allow Lee to continue to exploit the political strength of seeming to be sympathetic to those in detention and thus to retain extremists and even possibly Communist support in the same way as the PAP has been able to build up its strength in the last four years. This could be very dangerous for us.¹⁶

Atas pertimbangan itu, Goode mendesak kerajaan British agar memberi peluang kepada kerajaan Singapura untuk menangani masalah komunis mengikut pendekatannya sendiri selagi ia tidak menjejaskan keselamatan Singapura dan Persekutuan. Sementara itu sebuah

Jawatankuasa *ad hoc* akan ditubuhkan oleh Majlis Keselamatan Dalam Negeri bagi meneliti individu-individu yang akan dibebaskan dengan mengambil kira pandangan dan bantahan kerajaan Persekutuan.

Pihak Persekutuan Tanah Melayu agak kecewa dengan sikap kerajaan British dan Singapura. Pendekatan Lee Kuan Yew terbukti gagal untuk membendung komunis. Malahan Lee Kuan Yew semakin terdesak apabila beliau ditekan oleh ahli PAP yang berfahaman komunis agar membebaskan lebih ramai lagi komrad mereka yang ditahan oleh Lim Yew Hock sejak tahun 1956. Kegagalan Lee Kuan Yew untuk memenuhi tuntutan itu menyebabkan puak komunis dalam PAP memberontak. Kedudukan Lee Kuan Yew sebagai Ketua Menteri dan PAP sebagai kerajaan semakin terganggu apabila Lim Chin Siong keluar daripada PAP dan menubuhkan Barisan Sosialis pada bulan Julai 1961. Terperangkap dalam kemelut itu, Lee Kuan Yew berpaling kepada Tunku Abdul Rahman untuk membantunya mempertahankan kerajaan PAP serta melumpuhkan golongan kiri/komunis melalui percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu.

NOTA

1. Singapura - CO, 15 Mei 1959, CO 1030/650.
2. Menteri Negara - Setiausaha bagi Tanah Jajahan, 27 Mei 1959, CO 1030/650.
3. Ibid.
4. Singapura - Setiausaha bagi Tanah Jajahan, 1 Jun 1959, CO 1030/650.
5. Ibid.
6. Kuala Lumpur - Pesuruhjaya Tinggi British, Singapura, 24 Jun 1959. CO 1030/650.
7. Singapura - CO, 1 Jun 1959, CO1030/650.
8. Kuala Lumpur - CRO, 5 Sept.1959, CO 1030/650.
9. Singapura - Setiausaha bagi Tanah Jajahan, 3 Sept. 1959, CO 1030/650.
10. Ibid.
11. Ibid.
12. Ibid.
13. Kuala Lumpur - Setiausaha bagi Tanah Jajahan, 5 Sept. 1959, CO 1030/650.
14. Kuala Lumpur - CRO, 10 Sept. 1959, 10 Sept. 1959, CO 1030/650.
15. Singapura - Setiausaha bagi Tanah Jajahan, 14 Sept. 1959, CO 1030/650.
16. Ibid.

IV

PAP, Komunis dan Perjuangan untuk Percantuman

Mengikut perancangan British, pada tahun 1963, Perlembagaan Negeri Singapura itu akan dikaji semula dan harus diubah. Perubahan ini merupakan satu penyerahan kuasa yang lebih besar kepada negeri Singapura oleh kerajaan British dan dibuat dengan cara yang sama ada diberi kebebasan pemerintahan sendiri tetapi masih di bawah naungan British ataupun diberi kemerdekaan penuh kepada negeri itu. Perkembangan politik di Singapura bagaimanapun menunjukkan bahawa kerajaan British terpaksa tunduk kepada tuntutan kemerdekaan penuh bagi Singapura. Namun begitu melihat kepada situasi politik dalam negeri dan antarabangsa, kerajaan British tidak bersedia untuk memberikan kemerdekaan kepada Singapura melainkan melalui percantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu. Hanya melalui percantuman sahaja kepentingan strategik dan ekonomi British di Singapura akan terjamin.

Dari sudut itu, PAP sahaja yang menjadi harapan British kerana PAP sejak awal lagi memperjuangkan percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. Dasar itu telah digaris dengan jelas dalam kertas dasar PAP bertajuk 'Ke Arah Satu Negara Malaya' yang diterbitkan pada 20 April 1959.¹ Dalam kenyataan itu PAP menyatakan bahawa percantuman Singapura dengan Tanah Melayu adalah 'satu perkara penting dan merupakan sebahagian daripada perjuangan membina sebuah negara Malaya'.

Bagi PAP, percantuman Singapura dengan Persekutuan adalah penting. Sebagai sebuah pulau kecil tanpa sebarang hasil bumi melainkan mempunyai pelabuhan semula jadi, PAP sedar bahawa kemakmuran dan keselamatan Singapura berpaut rapat dengan Persekutuan Tanah Melayu

yang berperanan menghidupkan ekonomi Singapura. Kemakmurannya adalah kerana Tanah Melayu menjadikan Singapura sebagai pelabuhan entreportnya. Singapura tidak mempunyai getah dan bijih timah atau tanah yang luas. Malah air yang diminumnya pun datang dari Tanah Melayu juga. Seperti dinyatakan oleh Lee Kuan Yew:

Kita tidak boleh hidup terencil. Sekiranya percantuman diperlambatkan, kita semua, tidak kira pekerja, kerani, tukang atau saudagar akan menderita. Perniagaan akan merosot. Keuntungan akan surut. Gaji mungkin dikurangkan. Pengangguran akan bertambah.²

Hasrat British dan PAP itu bagaimanapun disambut dingin oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, khususnya Tunku Abdul Rahman. Terdapat dua sebab utama cadangan percantuman itu tidak dilayan. Pertama, dari segi politik, UMNO tidak mahu dianggap sebagai sebuah parti yang mengkhianati perjuangan bangsa Melayu. Sikap tolak-ansurnya dengan MCA dan MIC dalam soal kerakyatan pada tahun 1957 telah menyebabkan UMNO kehilangan sokongan orang Melayu dalam pilihan raya umum 1959. Malahan UMNO telah tewas di Kelantan dan Terengganu, dua buah negeri yang majoriti penduduknya Melayu. Percantuman dengan Singapura sudah pasti akan menenggelamkan bangsa Melayu di Semenanjung yang hanya berjumlah 49% daripada keseluruhan penduduk. Justeru itu Tunku amat sensitif apabila Lee Kuan Yew membuat kenyataan terbuka mengenai percantuman Singapura dengan Tanah Melayu. Perkara ini pernah dimaklumkan oleh Tunku kepada Geoffrey Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur.

... he found it very embarrassing politically whenever Mr. Lee Kuan Yew made a public statement implying that merger was a foreseeable possibility since it gave conform and encouragement to the Tunku's political opponents, the socialists, who were mainly Chinese and who were ongoing for the day when they could join forces with the PAP across the causeway. It also, I thought embarrassed the Tunku a little in relation to the Malay nationalists, including of course those who deserted the Alliance in favour of the PMIP during the last elections, since say hint that the Alliance Government was playing with the idea of some form of approachment with Singapore might well increase their fears that the Tunku was, by his Alliance policies, allowing the Chinese to swamp the Malays.³

Oleh sebab itulah setiap kali Lee Kuan Yew menyebut mengenai percantuman sebagai satu kemungkinan atau pun sebagai matlamat perjuangan PAP, Tunku dengan segera akan menafikannya.⁴ Selain itu pimpinan Tanah Melayu juga masih meragui kesetiaan kaum bukan Melayu terhadap Tanah Melayu. Malahan Tunku pernah mengatakan bahawa *'the people of Singapore would never be the friends of Malaya or become true Malaysians in a thousand years.'* Berkaitan perkara ini, Razak menambah:

Dasar kami yang terutama sekali ialah menimbangkan kepentingan negeri ini dan warga negaranya yang taat setia kepada negeri ini.

Selagi kami belum puas hati dengan sepenuhnya bahawa warga negara Singapura akan taat setia kepada Malaya dan bekerja untuk kepentingan negeri, maka soal percantuman itu hendaklah dibuat oleh Tunku Abdul Rahman sendiri.⁵

Keduanya, kerajaan Tanah Melayu menganggap Singapura sebagai pusat gerakan komunis. Sungguhpun gerakan komunis di Tanah Melayu telah dapat dilumpuhkan, tetapi komunis masih bergerak bebas di Singapura. Kekalahan kerajaan Lim Yew Hock yang anti komunis amat mengecewakan Tunku. Tunku tidak mempercayai kerajaan PAP yang dianggap bersekongkol dengan Komunis mampu membendung kebangkitan Komunis di negara itu. Tambah mengecewakan lagi apabila Lee Kuan Yew membebaskan anggota komunis yang ditahan oleh Lim Yew Hock walaupun dibantah oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh sebab itu Tunku menganggap kerajaan PAP *'as little better than Communists.'* Adalah jelas kedua-dua kerajaan itu mempunyai pendekatan yang amat berbeza dalam menangani masalah komunis. Sebagaimana dijelaskan oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur:

The Tunku bases his policy on the support of the Malays who are firmly anti-Communist and is convinced that Communism should be ruthlessly repressed whenever it shows its head. The Prime Minister of Singapore, where the electorate is almost purely Chinese, believes that he must aim at outbidding the attractions of Communism. Neither thinks that the other's policy will produce the desired result, and the result is that the Federation Government tend to distrust not only the policy of the Singapore Government but that of the United Kingdom in relation to

Singapore, since in the last resort the United Kingdom Government are responsible for Singapore.'

Kedudukan PAP Tertekan

Walau bagaimanapun, perkembangan politik di Singapura selepas pilihan raya 1959 telah mengubah pandangan Kerajaan Tanah Melayu terhadap Singapura. Pada tahun 1960, PAP digugat dengan perpecahan dalaman. Puak kanan dalam PAP yang dipimpin oleh Menteri Pembangunan, Ong Eng Guan, telah mengkritik kepimpinan Lee Kuan Yew yang didakwa telah menyelewengkan perjuangan asal PAP yang berlandaskan dasar 'Revolusinari 1954'. Akibatnya Ong Eng Guan telah dipecat sebagai ahli PAP pada bulan Julai 1960. Turut keluar daripada PAP ialah dua orang wakil rakyat PAP. Pada bulan Disember 1960, Ong Eng Guan telah meletakkan jawatannya sebagai wakil rakyat bagi kawasan Hong Lim.

Pilihan raya telah diadakan pada 29 April 1961. Dengan sokongan puak pendidikan Cina dan pengundi setempat, bekas Datuk Bandar, Ong Eng Guan memenangi pilihan raya tersebut dengan undi yang terbanyak. Selepas kejayaan itu Ong Eng Guan menubuhkan parti baru, *United Peoples' Party* (UPP). Berbeza daripada PAP, UPP memperjuangkan pemerintahan penuh dan kemerdekaan segera bagi Singapura.

Kemenangan Ong Eng Guan memberi satu tamparan kepada Lee Kuan Yew. Kedudukannya sebagai Perdana Menteri ternyata mula tergugat. Hanya Tunku sahaja yang dapat menyelamatkan kedudukannya, iaitu dengan menerima cadangan percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. Percantuman Singapura dengan Tanah Melayu bukan sahaja akan membolehkan Singapura mencapai kemerdekaan tetapi juga menjamin keselamatan kepentingan British di pulau itu.

Sikap dingin Tunku ternyata mengecewakan Lee Kuan Yew, dan kekecewaan itu lebih dirasakan oleh British. Dalam aduannya kepada pihak British, Lee mengingatkan bahawa sekiranya Tunku masih bersikap dingin terhadap isu percantuman, orang Singapura akan memilih untuk kemerdekaan berasingan, seperti yang diperjuangkan oleh Ong Eng Guan. Lee bimbang sekiranya Singapura diberi kemerdekaan penuh tanpa

bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu, maka kerajaan Singapura yang akan muncul selepas PAP ialah kerajaan yang terlampau kiri dan menyokong blok Timur.

Sebenarnya kerajaan Persekutuan juga turut bimbang dengan perkembangan di Singapura, khususnya selepas British berundur dari pulau itu. Razak sebagai Timbalan Menteri pernah membincangkan persoalan ini dengan bekas Setiausaha Pertahanan Tanah Melayu, R.G.K. Thompson. Razak percaya bahawa satu daripada cara untuk menyelamatkan Singapura ialah dengan mencantumkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu mengikut model Ulster. Di bawah model ini Kerajaan Persekutuan akan bertanggungjawab dalam hal ehwal pertahanan, keselamatan dan hubungan luar. Kerajaan Singapura dikehendaki memberi sumbangan kewangan kepada kerajaan Pusat dalam jumlah yang akan ditetapkan. Pilihan lain ialah kerajaan Singapura diberikan kuasa penuh tetapi dihadkan perwakilannya di Parlimen Persekutuan.

(Justeru itu Lee Kuan Yew telah dinasihatkan oleh pihak British supaya berbincang dengan Razak mengenai masalah Singapura. Satu cara untuk mempengaruhi Tunku ialah dengan menghidupkan semula rancangan lama Tunku iaitu 'Grand Design' bagi menyatukan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dengan tanah jajahan British di Borneo dalam satu gagasan besar.)

Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura, P.B.C. Moore percaya bahawa idea percantuman Singapura dengan Persekutuan akan diterima jika Lee Kuan Yew dapat meyakinkan Razak bahawa pengaruh Komunis dalam PAP akan dihapuskan. Tokoh Komunis seperti Lim Chin Siong dan Fong Swee Suan, hendaklah disingkir daripada memegang sebarang jawatan penting dalam parti dan kerajaan ataupun ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kesatuan Sekerja yang dikuasai oleh penyokong komunis juga akan dikawal. Lee Kuan Yew menerima baik cadangan itu. Bagaimanapun, Lee Kuan Yew mengakui kesukaran untuk mencari alasan untuk mengambil tindakan terhadap Lim Chin Siong. Walaupun begitu, beliau berjanji untuk terlebih dahulu menahan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang rapat dengan Lim Chin Siong.

Lee Kuan Yew kemudiannya telah mengadakan pertemuan dengan Razak dan juga Dr. Ismail. Hasil daripada perbincangan itu, masalah Singapura hanya dapat diselesaikan melalui pakej 'Grand Design'. Pada pandangan Razak, penyatuan negeri-negeri berkenaan hanya dapat dilakukan secara berperingkat kerana Kerajaan Persekutuan tidak mampu untuk mengasimilasikan negeri-negeri itu secara serentak.

Sementara itu Razak dan Dr. Ismail telah mengadakan perbincangan dengan Tunku Abdul Rahman mengenai situasi di Singapura serta rancangan Lee Kuan Yew untuk menghalang Singapura daripada menjadi 'an independent Chinese City State' di bawah pemerintahan parti yang pro-Komunis. Jika berlaku kejadian itu, bererti Persekutuan Tanah Melayu akan menghadapi satu kedudukan yang amat sulit. Razak mencadangkan penyelesaian masalah Singapura itu dalam pakej 'Grand Design' yang akan mengandungi Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak. Tanpa pakej itu, 'Singapore could not be assimilated without the addition also of non-Chinese peoples from some or all of the Borneo territories.'¹⁰

(Pada 23 April 1961, Tunku telah mengadakan perbincangan dengan Lee Kuan Yew dan rombongan di Kuala Lumpur tentang situasi politik di Singapura dan Gagasan Malaysia. Selepas berbincang lanjut, Tunku telah meminta Lee Kuan Yew menyiapkan kertas cadangan mengenai gagasan tersebut serta cara untuk merealisasikannya. Persetujuan Tunku itu merupakan hadiah yang cukup bermakna kepada Lee Kuan Yew. Pada prinsipnya perjuangan percantuman telah menampakkan kejayaan.)

Dengan bantuan Moore, Lee Kuan Yew telah menyiapkan kertas cadangan dalam masa yang singkat sahaja. Kertas itu mencadangkan dua alternatif. Alternatif pertama ialah setiap wilayah mencapai taraf kemerdekaan secara berasingan, dan selepas itu bercantum dalam Gagasan Malaysia. Alternatif kedua ialah dengan mencantumkan tiga wilayah itu dalam satu gagasan. Jika alternatif pertama dipilih, Lee bimbang Singapura akan dikuasai oleh sebuah parti Cina yang pro-Komunis dalam pilihan raya yang akan datang.

In the opening phase, it may be that an independent Singapore Government may come to some defence treaty arrangements with the British, but being independent these treaty arrangements would be

discarded and revoked and replaced by ties with the Chinese mainland. This would ultimately lead to a Chinese Communist base right in the heart of South East Asia which incalculable consequences to all territories of the whole region. Knowing this, it is not unlikely that the British and even the Americans may go to great pains to prevent an independent Singapore from ever emerging. However, if the desire of the people in Singapore for political independence through merger with the Federation is constantly frustrated and no progress is apparent either in common economic links, let alone political links, then frustration and desperation would drive them to the extremes of Communist policy and help the Communist pay the price in blood if necessary, to secure their political objective of an independent Singapore from which to undermine and subvert the Federation of Malaya."

Melihat kepada kelemahan alternatif pertama, Lee mencadangkan alternatif kedua. Pada fikirannya alternatif kedua bukan sahaja dapat memenuhi hasrat penduduk di wilayah Borneo tetapi juga dapat menyelesaikan masalah Singapura.

This is the most satisfactory solution for the peoples of the three territories and also one, which the British could accede to. It would also preserve the common economic, social and political ties that have existed between these territories as part of a common Empire in this region. But in working out the constitutional arrangements, care must be taken not to upset the sense of security and stability of the people of the Federation of Malaya, nor to arouse fears among the peoples of the Borneo territories that they are being swamped by more active and sophisticated people from the big cities of Singapore and the Federation.

Lee Kuan Yew mencadangkan satu persetujuan awal perlu dicapai tentang asas-asas perlembagaan. Gagasan Malaysia memandangkan pada awal pertengahan tahun 1963, Perlembagaan Singapura akan dikaji semula. Langkah susulan selepas itu ialah pemberian kemerdekaan kepada Singapura. Yang membimbangkan Lee Kuan Yew ialah sekiranya rundingan perlembagaan itu gagal mencapai sebarang persetujuan, PAP kemungkinan akan kecundang dalam pilihanraya umum dan akan diganti oleh parti atau kerajaan yang pro-PKM atau pro-China. Pada peringkat awal kerajaan tersebut tidak akan berkonfrontasi dengan British sebelum

mendapat bantuan langsung daripada China. Jikalau keadaan ini berlaku, rusuhan kaum pasti akan berlaku di Persekutuan Tanah Melayu. Keadaan ini juga akan membawa kepada kemerdekaan Singapura.

A Singapore independent by itself must pander to its 75% Chinese population and will end up with greater appeals to Chinese chauvinism and eventually all talk of Malayan culture, national language, national solidarity and nation-building will disappear with tremendous repercussions on the Chinese in the Federation of Malaya. The consequences are incalculable and would certainly put an end to any hope of building a united community composing of Malay, Chinese, Indian and other races in Malaya. The solution lies in the larger federation, with the strength and stability from the centre. This course of events can only be avoided if Singapore is merged into the larger entity...

Dalam kertas cadangan itu, Lee Kuan Yew juga mengemukakan susunan perlembagaan bagi menjamin kepentingan wilayah serta pelbagai kaum di wilayah Borneo, serta bidang kuasa kerajaan pusat. Kertas itu seterusnya mencadangkan supaya sebuah Jawatankuasa Kerja dibentuk bagi menyediakan kertas kerja untuk dipertimbangkan.

Kertas itu telah diserahkan kepada Tunku untuk pertimbangannya. Nampaknya Tunku berpuas hati dengan kertas cadangan itu. Dalam satu pertemuan dengan Pesuruhjaya Tinggi British, Geoffrey Tory, beliau memaklumkan hasratnya untuk membuat kenyataan penting mengenai 'Grand Design'.¹²

NOTA

1. *Berita Harian*, 27 April 1959.
2. Lee Kuan Yew. *Perjuangan untuk Perchantuman*, Singapura, 1961, hal. 4-9.
3. M.J. Moynihan - Setiausaha bagi Tanah Jajahan, 13 Oktober 1961, PREM 11/3422.
4. *Ibid.*
5. *Ibid.*
6. *Berita Harian*, 14 Oktober 1961.
7. M.J. Moynihan - Setiausaha bagi Tanah Jajahan, 13 Okt. 1961, PREM 11/3422.

8. Ibid.
9. Minit oleh P.B.C. Moore, 7 Apr. 1961, CO 1030/979.
10. Ibid.
11. 'Paper on the future of the Federation of Malaya, Singapore and the Borneo territories' dlm. CO 1030/979.
12. Kuala Lumpur - CRO, 26 Mei 1961, Co 1030/979.

Tunku, Gagasan Malaysia dan Reaksi British

Pada 27 Mei 1961, semasa berucap di Kelab Wartawan Asing bagi Asia Tenggara di Singapura, Tunku telah membuat 'kejutan' dengan mengumumkan cadangan untuk mewujudkan gagasan Malaysia. Menurut Tunku :

Sebagai satu bangsa, Malaya hari ini sedar bahawa dia tidak dapat berdiri sendiri dan hidup bersendirian. Di luar bidang politik antarabangsa, maka politik kebangsaan kita hendaklah didasarkan pada konsep yang luas. Lambat-laun Malaya akan dapat mencari persefahaman dengan British dan dengan rakyat-rakyat di wilayah Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak.¹

Pengumuman Tunku tentang Gagasan Malaysia telah mengejutkan PKM. Memang telah menjadi dasar jangka panjang PKM untuk melihat Singapura bercantum dengan Tanah Melayu. Ini kerana percantuman itu akan memudahkan PKM menguasai Tanah Melayu jika percantuman itu mengikut syarat-syarat PKM, yakni apabila kedudukan barisan bersatu komunis di Tanah Melayu dan Singapura telah kuat dan berupaya untuk membentuk kerajaan. Percantuman seperti yang dicadangkan oleh Tunku itu dibimbangi akan mengukuhkan lagi kekuasaan kerajaan pusat untuk menekan kegiatan komunis di Tanah Melayu dan Singapura.

Pengumuman percantuman telah meletakkan badan-badan bersatu Komunis di Singapura dalam keadaan yang mengelirukan. Keadaan ini memaksa PKM mengkaji semula asas-asas kerjasama antara komunis dengan PAP.

Pada 3 Jun 1961, Lim Ching Siong dan penyokong-penyokongnya dalam Kesatuan Sekerja, S. Woodhull, Dominic Puthucheary, Jamit Singh, Fong Swee Suan dan S.T. Bani, telah mengeluarkan kenyataan

menuntut kerajaan British memberikan hak pemerintahan penuh serta bertanggungjawab dalam hal ehwal keselamatan.² Lim Chin Siong memberi amaran bahawa sekiranya Lee Kuan Yew enggan berbuat demikian beliau dan rakan-rakannya akan keluar daripada PAP. Tuntutan Lim telah disokong oleh lapan wakil rakyat PAP yang terdiri daripada Dr. Lee Siew Choh (Queenstown), Wong Soon Fong (Toa Payoh), Tee Kim Teng (Pasir Panjang), Tan Cheng Tong (Jalan Kayu), Teo Hock Guan (Changi), S.T. Bani (Thompson), Lin You Eng (Moulmein) dan Cik Fung Ying Ching (Stamford). Kumpulan Enam menuntut supaya persidangan khas PAP diadakan bagi membincangkan usul percantuman dan Gagasan Malaysia. Tindakan Lim Chin Siong itu bercanggah dengan dasar asal PKM untuk melihat Singapura bercantum dengan Tanah Melayu.

Lee Kuan Yew nampak panik dengan ugutan Lim Chin Siong. Berbanding dengannya Lim Chin Siong adalah seorang pemimpin yang mempunyai pengaruh besar di kalangan masyarakat Cina. Hakikat ini diakui oleh Lee Kuan Yew. Oleh sebab itu beliau tidak segan-silu mengingatkan pihak British bahawa sekiranya PAP tewas dalam pilihan raya kecil di Anson, beliau terpaksa membubarkan Parlimen bagi membolehkan satu pilihanraya baru diadakan. Tindakan itu perlu diambil atas alasan bahawa sebuah kerajaan yang telah kehilangan '*moral authority to rule*' tidak perlu lagi bergantung kepada kuasa yang sedikit untuk mempertahankan kedudukannya, sebaliknya satu pilihan raya baru perlu diadakan bagi mendapat mandat baru atau PAP akan menghadapi perpecahan yang serius.³ Bagaimanapun Lee Kuan Yew dinasihatkan supaya tidak terlalu emosional dalam menghadapi cabaran itu. Lee Kuan Yew akur dengan nasihat itu. Lee Kuan Yew juga memberi jaminan bahawa cadangannya untuk percantuman Singapura dengan Tanah Melayu akan diteruskan walaupun PAP tewas dalam pilihan raya di Anson. Bagi tujuan itu beliau akan mengemukakan kepada Dewan Legislatif pada 20 Julai 1961 usul kepercayaan kepada kerajaan berhubung dengan isu percantuman dan Gagasan Malaysia.⁴

Beliau juga meminta kerajaan British memastikan rancangan Malaysia menjadi kenyataan, sekurang-kurangnya percantuman Singapura dengan Tanah Melayu. Moore, pemangku Pesuruhjaya British, menasihatkan Lee Kuan Yew supaya bersabar dan tidak

mengambil sebarang tindakan yang akan menjejaskan hubungan baik beliau dengan Tunku Abdul Rahman. Nasihat beliau lagi:

Greater Malaysia could not be achieved over night and he would have to do his best to hold the situation in Singapore, supported by his overwhelming majority in the assembly, for some time to come.⁵

Sementara itu pada 17 Julai 1961, Lee Kuan Yew telah mengadakan pertemuan dengan Selkirk yang kemudiannya menggambarkan keadaan Lee dan rakan-rakannya pada masa itu sebagai *'pretty broken men, extremely jumpy and uncertain of their political position'*.⁶ Melihat kepada perpecahan dalam parti, Lee Kuan Yew membayangkan bahawa kerajaannya hanya dapat bertahan selama tiga bulan sahaja. Selepas itu puak Komunis di bawah pimpinan Lim Chin Siong akan mengambil alih kerajaan dengan Dr. Lee Siew Choh sebagai bakal Perdana Menteri. Dalam pertemuan itu Lee juga memaklumkan keputusannya untuk memecat setiausaha-setiausaha politiknya, termasuklah Lim Chin Siong, Fong Swee Suan dan S.Woodhull. Lee Kuan Yew juga mengulangi sekali lagi harapannya agar Tunku akan membuat komitmen untuk percantuman Singapura dengan Malaysia bagi membolehkan beliau mengadakan pungutan suara di Singapura atas isu tersebut. Setelah itu, proses percantuman Singapura dengan Tanah Melayu akan dilaksanakan dalam kadar yang segera walaupun ditentang oleh komunis. Jika anggota komunis bertindak ganas, beliau akan bertindak balas dengan menghantar Fong Swee Suan, Woodhull, D. Puthucheary dan Jamit Singh pulang ke Tanah Melayu. Tindakan itu akan memaksa Lim Chin Siong mendedahkan muslihatnya yang sebenar dan mungkin beliau akan bertindak secara terbuka. Apabila keadaan itu berlaku, kerajaan Singapura akan dibubarkan bagi membolehkan kerajaan British mengambil-alih kuasa. Mengulas cadangan Lee Kuan Yew, Selkirk berpandapat:

On the whole, I think Lee Kuan Yew is right when he says that the successors to himself, whether by internal PAP reshuffle, or by general election, will be manipulated by the Communists. Nevertheless, the plan proposed by Lee is unsavoury. We have agreed that we cannot be party to a further lie about the detainees...

Nor can we party to a policy, which envisages the certainty that we shall have to suspend the Singapore Constitution and reintroduce direct rule. I think that if Lee Kuan Yew survives, we should give him as much support as we can in pressing with the Tunku the need to make quick progress on merger between Singapore and the Federation. What is so unsatisfactory, however, is that, even if this were achieved, Lee is not himself prepared ultimately to face the music and to carry through merger in the face of Communist opposition. I pressed him strongly on this, pointing out that the effect of a plebiscite in favour of merger would be completely lost if the British or the Federation had to introduce direct rule in Singapore.

Perjumpaan Lim Chin Siong dengan Selkirk di Eden Hall

Seperti yang dijangkakan, dalam pilihan raya di Anson, calon PAP Mahmud Awang tewas di tangan David Marshall dari Parti Pekerja (*Workers' Party*). Kekalahan PAP meyakinkan Lim Chin Siong bahawa PAP telah mula kehilangan pengaruhnya di kalangan pengundi Cina, malah beliau juga yakin apabila usul kepercayaan dibawa ke Dewan Legislatif, pasti usul itu akan ditolak dan Lee Kuan Yew terpaksa melepaskan kuasanya.

Atas kepercayaan itu, Lim Chin Siong telah mengambil keputusan untuk mengadakan perjumpaan dengan Lord Selkirk di Eden Hall bagi mendapatkan penjelasan mengenai dasar British terhadap Singapura.* Turut sama dalam perjumpaan itu ialah James Puthuchearry, Fong Swee Suan dan S. Woodhull. Lord Selkirk ditemani oleh timbalannya, Moore. Puthuchearry berperanan sebagai juru cakap kumpulan itu. Tujuan utama perjumpaan itu adalah untuk mendapatkan jaminan bahawa sekiranya kerajaan Lee Kuan Yew jatuh, kerajaan British tidak akan mengambil alih Singapura. Jaminan itu perlu diperolehi kerana umum mengatakan bahawa kerajaan British tidak akan membenarkan komunis mengambil alih kerajaan, dan sekiranya berlaku perpecahan dalam PAP, kerajaan British akan mengambil-alih pemerintahan daripada membenarkan orang lain menjadi Perdana Menteri. Lord Selkirk menjawab bahawa tugas utama beliau sebagai Pesuruhjaya British ialah untuk memastikan Perlembagaan Singapura itu dilaksanakan. Selkirk memberi jaminan

bahawa mana-mana parti baru akan dibenarkan memerintah Singapura asalkan ia memenuhi kehendak Perlembagaan. Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa sekiranya Singapura hendak selamat, ia mesti mengatasi masalah ekonominya dan keadaan itu hanya akan dapat diatasi sekiranya keadaan politik stabil. Selkirk bertanya kepada Lim Chin Siong dan Fong Swee Sun sama ada mereka itu komunis atau menerima arahan dari China Komunis untuk mengambil-alih Singapura dan Tanah Melayu. Mereka menafikan bahawa mereka adalah komunis sebaliknya mereka adalah warga negara Tanah Melayu yang baik.

Lord Selkirk kemudiannya bertanya sama ada mereka menyokong percantuman Singapura dengan Tanah Melayu. Mereka menyatakan mereka menyokong tetapi tidak bersedia untuk memberi sokongan kepada Lee Kuan Yew tanpa syarat.

Puthuchery dan Woodhull kemudiannya membangkitkan soal tahanan politik, Majlis Keselamatan Dalam Negeri dan hak pemerintahan penuh, tetapi tidak dilayan oleh Selkirk.

Dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan selepas perjumpaan itu, Lim Chin Siong menegaskan bahawa beliau tidak sekali-kali menentang percantuman semula antara Singapura dengan Tanah Melayu.

I was not, I am not and I shall not be against the unification of our country (Singapore plus the Federation).

I realise that the aspiration of our people is to see a merger taking place between the Federation and Singapore. It has long been my dedication that I should do everything in my power to realise the aspiration of the people of Malaya. Mr. Lee know this to be a fact.⁹

Perjumpaan Lim Chin Siong dengan Selkirk dipandang serius oleh kerajaan Persekutuan, khususnya Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dr. Ismail Abdul Rahman. Beliau berpandangan bahawa kerajaan British pasti mempunyai muslihat tertentu dalam mengadakan perjumpaan tersebut. Dr. Ismail khuatir bahawa sekiranya Lim Chin Siong mengambil-alih teraju pemerintahan di Singapura kemungkinan besar rancangan Gagasan Malaysia tidak akan menjadi kenyataan.¹⁰ Keadaan itu juga bererti Singapura akan dikuasai oleh Komunis. Kuasa-kuasa Komunis akan mengiktiraf serta menjalinkan hubungan diplomatik dengan Singapura. Jika keadaan ini berlaku Kerajaan Persekutuan

terpaksa mengukuhkan pertahanannya. Di samping itu Dr. Ismail juga tidak bersetuju dengan cara Lee Kuan Yew menangani masalah komunis di Singapura. Pengalaman menunjukkan bahawa orang Cina hanya menghormati kekuatan dan ketegasan. *'This has been proved in emergency and was being proved again in connection with Federation Government's Chinese education policy...appeasement of Communists in Singapore would lead to slow and ignominious defeat'*, tegas Dr. Ismail.¹¹ Beliau mencadangkan kerajaan bertindak segera bagi mengelakkan komunis daripada mengambil-alih Singapura pada ketika Lee Kuan Yew masih berkuasa. Jika Singapura dikuasai oleh Komunis, kepentingan British di Singapura sama ada dari segi keselamatan ataupun ekonomi pasti akan terjejas.

Sementara itu, pada 20 Julai 1961, Lee Kuan Yew telah meminta Dewan Legislatif memberikan undi kepercayaan kepada kerajaan. Isu percantuman Singapura dengan Tanah Melayu telah dibahas dengan hangat oleh para perwakilan. Wakil pro-komunis telah menentang cadangan percantuman atas alasan ia adalah plot kuasa imperialis. Apabila undi diadakan, kerajaan memenangi 27 undi. Bagaimanapun 13 orang ahli PAP dan tiga yang lain mengambil sikap berkecuali. Pada 21 Julai 1961, Lee Kuan Yew bertindak balas dengan memecat tiga orang Setiausaha Politik, lima orang Setiausaha Parlimen, dan lapan ahli Dewan daripada PAP. Lee Kuan Yew juga telah menggantung 14 buah cawangan PAP. Sementara itu Lee Kuan Yew memaklumkan kepada Selkirk hasratnya untuk membebaskan tahanan politik seperti yang dicadangkan pada bulan Ogos 1959 dulu. Dengan cara itu, beliau percaya kedudukan kerajaannya akan menjadi kukuh. Beliau bercadang untuk membentangkan cadangan itu dalam mesyuarat Dewan Legislatif akan datang.¹² Cadangan itu tidak dipersetujui oleh pihak British dan dibantah keras oleh Kerajaan Tanah Melayu. Malah Tunku mengugut untuk menarik keluar perwakilan Tanah Melayu dalam Majlis Keselamatan Dalam Negeri jika Lee Kuan Yew membelakangi Majlis tersebut dalam mengambil sebarang keputusan. Tunku juga mula tidak percaya dengan Lee Kuan Yew yang dianggap sering memeralatkan kerajaan Persekutuan untuk kepentingannya. Ugutan Tunku telah memeranjatkan pihak British. Sekiranya Kerajaan Persekutuan menarik diri daripada Majlis itu, kerajaan British terpaksa menggantung Perlembagaan untuk

mengawal keselamatan di Singapura. Ini kerana, pihak British tidak mempunyai kuasa perlembagaan untuk mengawal keselamatan dalam negeri melainkan menggantung Perlembagaan. Perkembangan ini sudah pasti akan menguntungkan pihak komunis *'in that it would be likely to solidify resistance of entire left wing in Singapore under communist leadership against recrudescence of imperialism'*¹³. Muhammad Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Luar Tanah Melayu juga menegur pihak British kerana tidak bertindak tegas terhadap komunis, dan menuduh kerajaan British seolah-olah memberi jaminan kepada Lim Chin Siong bahawa jika kerajaan Lee Kuan Yew tumbang, parti lain akan diberi peluang untuk mengambil-alih teraju pemerintahan. Justeru jaminan British itulah yang menyebabkan pihak Komunis besar kepala.

Reaksi British terhadap Usul Gagasan Malaysia

Perkembangan di Singapura turut membimbangkan Tunku. Pada 26 Jun 1961 melalui tulisannya kepada MacMillan, Tunku meminta supaya diberikan keputusan tentang cadangannya mengenai *'Grand Design'* itu.¹⁴ Sebagai langkah awal, Brunei, Borneo Utara dan Sarawak akan dibawa masuk ke dalam Persekutuan sebagai unit yang mempunyai hak dan keistimewaan yang sama dengan negeri-negeri lain di Persekutuan Tanah Melayu. Selepas percantuman itu barulah Singapura diterima sebagai anggota Persekutuan. Tunku mencadangkan rundingan tentang kemasukan Singapura diadakan sebelum perlembagaan negeri itu dikaji pada pertengahan tahun 1963. Tunku menganggap keadaan pada ketika itu amat sesuai untuk melaksanakan gagasan tersebut. *'A delay'*, tegas Tunku, *'will only result in many undesirable consequences.'*¹⁵ Tunku mengharapkan kerajaan British memberi pertimbangan wajar terhadap cadangan *'Gagasan Malaysia'*. Pada pandangan Tunku:

*such a federation of territories as proposed will do much to arrest the spread of Communism in this region of Asia, and this is particularly urgent in view of the recent intensive Communist activities in South East Asia as a result of their success in Laos.*¹⁶

Ucapan Tunku di Singapura telah mendapat perhatian serius pegawai kerajaan British di Singapura dan di London. Sebenarnya mereka tidak

menjangka bahawa Tunku akan membuat kenyataan terbuka mengenai percantuman. Pada 26 Jun 1961 satu mesyuarat pegawai kanan British telah diadakan di Singapura yang dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Lord Selkirk. Pada prinsipnya mesyuarat menerima gagasan Malaysia, tetapi menolak pembentukan gagasan itu yang melibatkan tanah jajahan British di Borneo. Dalam memorandumnya kepada MacLeod pada 21 Julai 1961, Lord Selkirk berhujah bahawa percantuman wilayah-wilayah Borneo dengan Tanah Melayu tidak perlu disegerakan kerana beliau bimbang cadangan ini akan ditentang oleh Indonesia. Selkirk berpendapat bahawa *'the possibility cannot, however, be ignored that developments on Grand Design may antagonise the Indonesian Government and might conceivably lead them to attempt an irredendist movement in the Borneo territories'*.¹⁷ Selain itu penduduk di Wilayah tersebut juga perlu diberi peluang terlebih dahulu untuk menentukan nasib mereka. Mengikut laporan yang diterimanya, penduduk di wilayah Borneo itu tidak mahu menjadikan wilayah mereka *'an additional states of the Federation'*.¹⁸

Memorandum itu telah diteliti oleh para pegawai British di London. Lord Selkirk masih berpendapat bahawa wilayah Borneo belum sesuai untuk dicantumkan dengan Tanah Melayu dan Singapura kerana wilayah itu masih mundur.¹⁹ Selkirk menambah bahawa jika Sultan Brunei membawa negeri itu ke dalam Persekutuan tanpa persetujuan rakyat kemungkinan besar kekacauan akan berlaku. Pandangan Selkirk turut disokong oleh Geoffrey Tory. Beliau mencadangkan supaya kemasukan wilayah Borneo perlu dibuat secara berhati-hati kerana penduduk di wilayah tersebut masih lagi belum dapat menerima orang Melayu Semenanjung.

Berpandukan pandangan tersebut, pada 3 Ogos 1961 MacMillan menjawab memorandum Tunku. MacMillan menasihatkan Tunku agar bertindak secara berhati-hati berhubung dengan penyertaan wilayah Borneo. Ini penting untuk mengelakkan kerajaan British dan Tanah Melayu daripada dituduh menafikan hak penduduk di wilayah tersebut.

Tunku terbukti amat kecewa dan marah dengan jawapan MacMillan. Secara spontan Tunku mengingatkan Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, Tory bahawa Tanah Melayu tidak akan bercantum dengan Singapura melainkan melalui gagasan Malaysia.

*His Malays would never forgive him if he were by connection with Singapore alone to create at any time a Chinese majority in the two territories. To press him to agree to some bilateral arrangement with Singapore in the short term was to invite him to do great political damage to himself.*²⁰

Kenyataan Tunku itu dimaklumkan oleh Tory kepada MacMillan. Katanya: *'I know Tunku's present intention is to tell Lee plainly that Federation will have none of Singapore by itself and that it is all of Gagasan Malaysia or nothing'*.²¹

Dalam jawabannya kepada Harold Macmillan pada 11 Ogos 1961, Tunku mengulas dengan agak panjang tentang percantuman Singapura dengan Tanah Melayu.

As you know, the question of the integration of Singapore and the Federation is not a new one; indeed since independence, the idea of merger, to give its popular name, has been constantly mooted, but I have stood against it because of my fear that communal politics of Singapore based on Chinese chauvinism would upset the balance of political thinking in the Federation, and destroy our hopes for the peace and well-being and harmony of our peoples. The politics of this region, however, would not allow for isolation and the idea of greater co-operation and association between the Borneo territories, Singapore and the Federation has been exercising my mind for some considerable time.

While I agree that the pace for such a development should not be forced, I am at the same time most concerned about the Communist threat in Singapore which becomes more menacing as time goes on, and I feel very strongly that before long the question of the future of Singapore will have to be settled. I am convinced that an independent Singapore will be drawn towards China; unless that is forestalled, it is needless for me to say the Federation, as well as the region, will be exposed to grave dangers.

If we are to take in Singapore, it would be necessary first to strengthen our position, and we can only do that if the three territories of Borneo join us. This would provide a measure of such confidence in our people and would correct the imbalance in the population. The Malays and the Dayaks are of the same racial origin while the Chinese in those territories have not as yet been seriously penetrated by Chinese

Communist politics. Without the Borneo territories I would find it impossible to contemplate the integration of Singapore and the Federation and to persuade my political colleagues and the country to accept it.

You were right, of course, in emphasizing that the Borneo territories should be associated under the proposed arrangements only as a free and willing partners. I have no doubt that once they are persuaded that such a merger would be in their interest, they would only be happy to join us. The difficulties to which you have referred are no more serious than those, which existed in the Federation before independence. They are purely parochial and create no insuperable barrier. These susceptibilities and demands can be met and provided for under the Federation Constitution, and assurances to that effect will, I think, satisfy the territories concerned.²²

Dalam pada itu, Tunku telah mengadakan perbincangan dengan Lee Kuan Yew pada 23 Ogos 1961 mengenai surat MacMillan. Berasaskan perbincangan itu, dalam suratnya kepada MacMillan pada 6 September 1961, Tunku meminta supaya kerajaan British menubuhkan sebuah Jawatankuasa kerja bagi meneliti gagasan itu. Tunku mengingatkan bahawa jika perkara itu tidak dibincangkan segera kemungkinan gagasan Malaysia tidak akan dapat dilaksanakan selama-lamanya dan Singapura tidak dapat diselamatkan daripada dikuasai oleh pihak pro-Komunis.

I am fully convinced that this subject must now be pursued with the utmost vigour and urgency and I am hoping, therefore, that the working party will be able to meet in the very near future. As you are no doubt aware there are elements in Singapore owing allegiance beyond these shores who are now working very actively to arouse chauvinist and anti-merger sentiment; as they realised that the real object of the merger was to combat Communism in this region. For my part I am equally determined to keep ahead of their moves and my recent meeting with Mr. Lee was partly designed to keep the issue alive. A respite will only work to their advantage. However, before we meet it may perhaps be best to settle beforehand the basis for our talks. It is extremely important that we should do all we can in advance to ensure the success of our discussions, as their failure will be a serious setback, of which the Communists will make full use, and to their advantage. I wonder, therefore, if at this stage, you could say whether the British Government would agree to relinquish its sovereignty over the Borneo territories

*and Singapore in the immediate future to enable them to become member states of Malaysia. At the same time, I think it would be important to know whether the British Government would contemplate the use of the Singapore base within the framework of our mutual defence agreement, including the fulfillment of Commonwealth obligations.*²¹

Menjawab surat Tunku, MacMillan menyatakan bahawa beliau memerlukan masa untuk meneliti implikasi rancangan Malaysia sebelum sebarang keputusan dibuat tentangnya.

Jawapan MacMillan itu tidak memuaskan Tunku. Dalam suratnya kepada MacMillan pada 28 September 1961 Tunku menegaskan pendirian Persekutuan Tanah Melayu berhubung dengan konsep Malaysia.

...our concept of Malaysia implies the integration of the three Borneo territories on the same basis as the other existing states of the Federation of Malaya while Singapore may be merged with certain powers reserved for the state in matters of education and labour. The integration of the Borneo territories with the Federation should be agreed now and take effect before or at least simultaneously with Singapore. The main issue and in fact the only issue is whether the British Government would be ready to relinquish their sovereignty over the Borneo territories before or at least simultaneously with Singapore in favour with Malaysia. Any preliminary discussion between us would serve no useful purpose unless this issue is first settled. From my conversation with Sir Geofroy Tory I had obtained the impression that the British Government would not be able to decide until they are certain that they can get a whole hearted support from Parliament and the people of Borneo territories. I hope it is appreciated that as far as my Government is concerned the main reason for the merger of the Borneo territories is to prevent Singapore from falling into the hands of the Communists, which we are sure would happen if she were to be given independence. With the exception of the Communist elements and their proxies all Singapore politicians realise that in such an event disaster would follow which will affect the rest of South East Asia. I have emphasised that my Government would not be able to carry the idea of merger of Singapore unless the Borneo territories are merged with the Federation as well. Frankly, if we were prone to think in terms of balances, even the Borneo territories would not be an adequate compensation for our trouble in the event of a merger with Singapore.

Perhaps I should venture to propose that it would be best if you have a little time after some of the more serious of the world crises had blown over to visit those territories and this part in order that you may gather a first-hand information. If it is not possible for you to come here, then I would suggest that Mr. Lee Kuan Yew and the present leaders or representatives of the Borneo territories be invited to London for a discussion with you. Your visit to this area or a meeting in London with the leaders of Singapore and Borneo territories, I think would materially assist you in arriving at your decision. Our meeting should take place only after you are in a position to give a firm commitment to the British Government in favour of Malaysia. The question of the Singapore base within the framework of the mutual Defence Agreement, constitutional procedures and administration arrangements are matters which will naturally have to be sorted out once the position is clear regarding the future of these territories but these, as I have said before, are not insurmountable.

Mr. Lee Kuan Yew is worried about his position and the future of Singapore but I am afraid I cannot help him much until I have received a firm answer from you about the transfer of the sovereignty over the Borneo territories to the Federation.²⁴

Mengulas surat Tunku, M.J. Moynihan dari Pejabat Pesuruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur mengingatkan kerajaan British bahawa keputusan yang diambil oleh Tunku untuk membentuk Malaysia adalah 'a very big and a nicely calculated risk'.²⁵ Rakan-rakan Tunku telah memberitahunya bahawa 'the Borneo territories will not compensate him for the added problems of Singapore and he already half believes this'.²⁶

With the deterioration in Lee Kuan Yew's political position and with growing fears of the eventual loss of Singapore to Communism, merger between the Federation and Singapore, whether by itself or as part of a wider federation embracing the Borneo Territories, began to seem to us to offer the only hope of saving Singapore and of halting a process which if not checked could undermine the freedom and stability of the whole of South-East-Asia.²⁷

Atas perkiraan itu, beliau menasihatkan agar kerajaan British menimbangkan persoalan kemasukan wilayah Borneo dalam Malaysia secara praktikal.

Selkirk juga telah mengubah pandangannya terhadap kemasukan wilayah Borneo dalam Malaysia. Beliau menasihatkan Setiausaha bagi Tanah Jajahan British memberi keputusan segera tentang percantuman wilayah Borneo dengan Tanah Melayu.

If I am correct in reading the situation, there is at least some logic in what he is doing and his move has the advantage of dispelling any suggestion that Gagasan Malaysia is a deep laid plot in which the Tunku is acting as British puppet. What he wants is control over the internal security of Singapore, but he cannot sell this to his Malay political supporters unless, as he says quite blatantly in his recent letter to you, he can show some makeweight of non-Chinese to balance the solid lump of Chinese in Singapore. I do not believe he has the slightest interest in the Borneo territories as such, except to show the people of Malaya some definite and ostensible bond of association...²⁹

Atas nasihat itu, pada 4 Oktober 1961 MacMillan menegaskan sokongan kerajaan British terhadap Gagasan Malaysia yang akan merangkumi Tanah Melayu, Singapura dan tiga buah wilayah British di Borneo.

I agree with you that there would be great dangers to stability in the area as a whole and in Singapore in particular if the present opportunity is let slip. It is therefore urgent that you and we should consider jointly what means are best calculated to achieve our objectives as quickly as may be possible.

We have much to plan together. We shall wish to discuss with you what might be put the consultation position of the Borneo territories within a Gagasan Malaysia and the best means of preparing the ground in them and presenting our ideas to their peoples.

There are real problems to be surmounted in bringing it about, and I am sure that the best way of making early progress would be for us to meet as soon as possible and talk over together how best to handle them. My colleagues and I are therefore holding ourselves in readiness for a meeting in the week beginning the 23rd October.²⁹

Pada 13 Oktober 1961 Pejabat Perdana Menteri British telah mengeluarkan kenyataan rasmi mengenai gagasan Malaysia.

Tunku Abdul Rahman, Prime Minister of the Federation of Malaya, has accepted an invitation from the Prime Minister to come to London early in November for exploratory talks about the Tunku's suggestion for a closer future association between the Federation, Singapore, North Borneo, Brunei and Sarawak.

These discussions will naturally take into account the proposals published recently in Singapore and Malaya for a merger of these two territories.

Her Majesty's Government has welcomed Tunku Abdul Rahman's constructive proposals, which would bring the Federation of Malaya, Singapore, Brunei, North Borneo, and Sarawak into close political and economic association. Obviously this idea has great possibilities for the well being of all territories involved. The many important implications of such a far-reaching scheme as well as its form and timing need careful consideration. The object of the discussions with Tunku Abdul Rahman is to reach an understanding with him on the broad issues and to prepare the way for consultation with the Borneo territories, without which no commitment can be entered into.⁸

Keputusan MacMillan untuk mengadakan rundingan di London memuaskn Tunku. Dalam suratnya kepada MacMillan pada 8 Oktober 1961, Tunku berkata:

As you are already aware we have to reckon with the fact that the status of Singapore would be the subject of review in 1963. It cannot be ruled out that Mr. Lee Kuan Yew's Government might not last time and a general election might perhaps return a Government not so well disposed towards the merger of Singapore with the Federation or vice versa. This is therefore makes me feel that we cannot wait for 1963 but that Malaysia should be brought into being as early as reasonably convenient to both our Governments. Hence my anxiety that there should be a firm commitment on the part of the British Government now in the belief that a delay might defeat our common objective.⁹

Usul Gagasan Malaysia di Parlimen dan Perhimpunan Agung Khas UMNO

(Setelah mendapat persetujuan British, pada 16 Oktober 1961 Tunku mengemukakan usul gagasan Malaysia di Parlimen. Tunku meminta

Parlimen memberi persetujuan secara prinsip terhadap konsep Gagasan Malaysia yang merangkumi sebelas buah negeri, iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Borneo Utara dan Sarawak serta mengesahkan usaha Kerajaan untuk menjayakannya.³²

Tunku menganggap Singapura sebagai koloni yang penting kerana kedudukan dan keadaannya yang agak unik dan kompleks. Tunku menegaskan bahawa idea Malaysia bukan menjelma dengan tiba-tiba. Idea itu telah lama difikirkan dan dibincangkan secara serius dengan pemimpin tempatan dan Singapura dari semasa ke semasa dari sudut ekonomi, politik dan kesejahteraan bagi Tanah Melayu untuk keseluruhannya. Pada awalnya Tunku menjelaskan bahawa beliau tidak berminat dengan idea percantuman Singapura dengan Tanah Melayu kerana percantuman itu akan menimbulkan masalah politik dan keselamatan kepada Tanah Melayu. Perbezaan pandangan antara penduduk di Singapura dengan di Tanah Melayu adalah sangat ketara sekali dan keadaan itu tidak memungkinkan percantuman pada ketika itu. Penduduk di Tanah Melayu telah menerima idea kesultanan Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dan Islam sebagai agama rasmi. Tunku mengakui bahawa amat sukar baginya untuk mempengaruhi penduduk Singapura yang 70% daripadanya adalah bangsa Cina untuk menerima idea tersebut.)

Walaupun majoriti ahli Parlimen menyokong usul itu, tetapi PAS menolaknya atas alasan bahawa usul itu 'bertentangan dengan kepentingan negeri itu sendiri dan juga bertentangan dengan kepentingan rakyat Melayu yang menjadi tonggak dalam negeri ini'.³³ Wakil PAS, Zulkiflee bin Muhammad, mengingatkan Kerajaan agar tidak terperangkap dengan strategi politik Lee Kuan Yew. 'Lupakah Yang Berhormat Perdana Menteri kita bahawa Lee Kuan Yew itu adalah *politician*, seorang ahli politik yang mempunyai kepentingan politiknya sendiri, yang bila ia hendak mencantumkan diri-nya dengan Tanah Melayu yang di-fikirkan-nya ia-lah kepentingan penduduk Singapura itu' tegas Zulkiflee.³⁴

Mohamed Asri Hj. Muda, wakil PAS pula mempersoalkan kebijaksanaan mencantumkan Singapura dengan Tanah Melayu atas alasan untuk menyelamatkan koloni itu daripada jatuh ke tangan Komunis. Beliau tidak percaya bahawa dengan berbuat demikian 'orang-

orang Komunis itu akan membuang fahaman komunis, bahkan pada pandangan saya sa-balek-nya ia akan menjadi penyakit *cancer* yang akan menyebabkan seluruh badan Persekutuan Tanah Melayu akan menderita kerana-nya'.³⁵ Untuk mempertahankan ketuanan Melayu, PAS mencadangkan agar konsep Melayu Raya diperluaskan hingga meliputi juga Negara Republik Indonesia, Filipina dan gugusan pulau Melayu yang lain. Peringatan PAS itu bagaimanapun telah diketepikan oleh Kerajaan. Tunku memberi jaminan bahawa percantuman Singapura dengan Tanah Melayu dalam Malaysia tidak akan merugikan orang Melayu. Perkembangan yang berlaku kemudiannya bagaimanapun membuktikan peringatan PAS itu adalah berasas dan bukan omong kosong seperti yang didakwa oleh wakil-wakil Perikatan pada ketika itu.

Perhimpunan Agung Khas

Pada 4 November 1961 UMNO telah mengadakan Perhimpunan Agung Khas bagi membahaskan rancangan penubuhan Malaysia yang dianggap oleh Tunku sebagai 'satu masalah yang terbesar sekali yang kita hadapi dari semenjak negara kita mencapai kemerdekaan'.³⁶ Dalam ucapannya Tunku meminta ahli UMNO menyokong hasrat kerajaan yang 'mempunyai niat dan tujuan yang bersih terhadap negeri' Singapura dan Borneo 'untuk melepaskan mereka daripada takluk penjajah'. Pada mulanya pihak British hendak memberi pemerintahan sendiri terlebih dahulu kepada negeri-negeri itu dan setelah difikirkan anak negeri itu sendiri layak memegang pemerintahan, barulah percantuman dengan Tanah Melayu atas kehendak penduduk negeri itu. Sebaliknya Tunku berpendapat bahawa jalan yang hendak dibuat oleh British itu memerlukan masa yang panjang, dan kelewatan itu akan menyebabkan anasir komunis masuk menyeludup dan merebak di wilayah itu.

Merujuk pada percantuman Singapura dengan Tanah Melayu, Tunku menegaskan bahawa sekiranya Singapura diberikan kemerdekaan penuh tanpa bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu, kemungkinan besar dengan adanya aliran fahaman politik yang terlampau kiri dan menyokong blok Komunis, kerajaan Singapura yang akan muncul kelak akan bebas membuat pertalian dengan pihak Komunis. 'Jika berlaku kejadian itu', tegas Tunku, 'berertinya Persekutuan Tanah Melayu akan

menghadapi satu kedudukan yang amat sulit'.³⁷

Tunku menganggap percantuman Singapura dan Borneo sebagai patut dan munasabah 'kerana negeri kita dan negeri-negeri yang tersebut itu mempunyai penduduk-penduduk yang sama - mereka adalah saudara sedarah daging dan seketurunan dengan kita'.³⁸

Perhimpunan itu telah memberi mandat yang penuh kepada Tunku untuk berunding dengan kerajaan British bagi menghasilkan tujuan menubuhkan sebuah negara Persekutuan Malaysia yang terkandung di dalamnya sebelas buah negeri Persekutuan, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei.

Rundingan London

Setelah mendapat restu Parlimen dan UMNO, Tunku dan rombongan telah bertolak ke London pada 16 November 1961.

Rundingan telah berlangsung antara Tunku dengan Perdana Menteri British, MacMillan di London pada 19 hingga 21 November 1961. Rundingan itu bersetuju untuk melantik Suruhanjaya Penyiasat bagi meninjau pandangan penduduk di Borneo terhadap cadangan Malaysia. Suruhanjaya ini dipengerusikan oleh seorang pengerusi yang akan dilantik bersama oleh kedua-dua kerajaan dan mengandungi empat orang ahli. Laporan Suruhanjaya ini akan menjadi asas kepada kedua-dua kerajaan untuk membuat keputusan tentang kerangka atau bentuk Persekutuan itu.

Pada 23 November 1961, Perdana Menteri, MacMillan dan Tunku telah mengeluarkan kenyataan bersama.

In a series of meetings in London this week British and Malayan Ministers examined the proposal to create a 'Federation of Malaysia' which would embrace the Federation of Malaya, Singapore, North Borneo, Sarawak and Brunei.

In the light of a full study of the problem which has been going on for some months, the British and Malayan Governments are convinced that this is a desirable aim.

The Ministers took note with satisfaction of the heads of agreement recently negotiated between the Governments of Malaya and Singapore for the merging of the State of Singapore with the Federation.

Before coming to any final decision it is necessary to ascertain the views of the peoples of North Borneo and Sarawak. It has accordingly been decided to set up a Commission to carry out this tasks and to make recommendations. The Commission will be composed of a Chairman and four members, two nominated by the British Government and two by the Malayan Government. In the light of the Commission's report the two Governments will decide what further steps should be taken.

At the same time the views of the Sultan of Brunei are being sought.

In regard to defence matters it was decided that, in the event of the formation of the proposed Federation of Malaysia, the existing Defence Agreement between Britain and Malaya should be extended to embrace the other territories concerned. It was, however, agreed that the Government of the Federation of Malaysia will afford to the Government of the United Kingdom the right to continue to maintain bases at Singapore for the purpose of assisting in the defence of Malaysia, and for Commonwealth defence and for the preservation of peace in South East Asia."

NOTA

1. Kuala Lumpur - CRO, 31 Mei 1961, PREM 11/3418.
2. Lord Selkirk - Iain MacLeod (CO), 27 Jun 1961, PREM 11/3418.
3. Ibid.
4. Ibid.
5. Ibid.
6. Singapura - Setiausaha bagi Tanah Jajahan, 17 Julai 1961, CO 1030/1149.
7. Ibid.
8. 'Note of a Meeting held at Eden Hall, 18 July 1961', dlm. CO 1030/1149.
9. Straits Times, 19 Julai 1961.
10. Kuala Lumpur - CRO, 11 Ogos 1961, CO 1030/1149.
11. Ibid.
12. Ibid.
13. Ibid.
14. Tunku Abdul Rahman - Harold MacMillan, 26 Jun 1961, PREM 11/3418.
15. Ibid.
16. Ibid.
17. Lord Selkirk - Iain MacLeod, 27 Jun 1961, PREM 11/3418.

18. Ibid.
19. Note of Meeting: The Possible Future Political Association of the Federation of Malaya, Brunei, Sarawak and North Borneo, Colonial Office, 5 July 1961, CO 1030/980. Note of Meeting: The Possible Future Political Association of the Federation of Malaya, Singapore, Brunei, Sarawak and North Borneo, Colonial Office, 7 July 1961, CO 1030/980. Light jug, Note of Meeting: The Possible Future Political Association of the Federation of Malaya, Singapore, Brunei, Sarawak and North Borneo, 11 July 1961, Colonial Office, CO 1030/980.
20. Kuala Lumpur - CRO, 22 Julai 1961, CO 1030/1149.
21. Ibid.
22. Tunku Abdul Rahman kepada Harold MacMillan, 11 Ogos 1961, PREM 11/3418.
23. Kuala Lumpur - CRO, 6 Sept. 1961/CO 1030/982.
24. Kuala Lumpur - CRO, 29 Sept. 1961, PREM 11/3422.
25. Singapore - CRO, 28 Sept 1961, PREM 11/3422.
26. Ibid.
27. Ibid.
28. Selkirk - Harold MacMillan, 3 Okt 1961, PREM 11/3422.
29. CRO - Kuala Lumpur, 4 Okt 1961, PREM 11/3422.
30. CRO - Singapura, 13 Oktober 1961, PREM 11/3422.
31. Kuala Lumpur - CRO, 8 Oktober 1961, PREM 11/3422.
32. Penyata Dewan Rakyat, Oktober 1961.
33. Ibid.
34. Ibid.
35. Ibid.
36. Ucapan Tunku Abdul Rahman dlm. Persidangan Khas UMNO, 4 November 1961.
37. Ibid.
38. Ibid.
39. Kenyataan Bersama Kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu, 23 Nov. 1961, CAB 129/107.

VI

Menangani Bantahan

Parti pembangkang, khususnya, Barisan Sosialis dan Parti Pekerja, telah menyambut pengumuman London mengenai penubuhan Malaysia dengan bantahan. Kedua-dua parti itu menganggap rancangan Malaysia bertentangan dengan aspirasi rakyat yang menuntut kemerdekaan penuh bagi Singapura. Justeru, kedua-dua parti berkenaan memainkan peranan utama dalam gerakan bantahan.

Barisan Sosialis telah ditubuhkan pada 17 September 1961 dengan Dr. Lee Siew Choh sebagai Pengerusi, Lim Chin Siong sebagai Setiausaha Agungnya dan James Puthuchearry sebagai penasihatnya. Barisan Sosialis merupakan cabaran terbesar kepada PAP. Parti itu mempunyai 17 kerusi di Dewan Perwakilan.

Sejak penubuhannya Barisan Sosialis telah memainkan peranan utama dalam kempen menentang percantuman Singapura dengan Tanah Melayu. Beberapa persidangan diadakan di Singapura mengenai isu percantuman dan Gagasan Malaysia. Pada 14 Oktober 1961 satu Persidangan Kesatuan Sekerja diadakan di Singapura yang turut dihadiri oleh 6,000 orang peserta. Tujuan persidangan ini diadakan adalah untuk menunjukkan bahawa Kerajaan Lee Kuan Yew tidak mempunyai mandat untuk melaksanakan percantuman dan dengan itu tuntutan dibuat agar satu pilihan raya diadakan bagi membolehkan mandat diperolehi daripada rakyat.

Dalam menghadapi puak pembangkang, kempen 'perjuangan untuk percantuman' telah dijalankan secara besar-besaran melalui radio dan media massa. Lee telah menggunakan faktor keselamatan dan ancaman komunis sebagai senjata untuk mempengaruhi rakyat Singapura supaya menyokong rancangannya itu.

Tunku dan pemimpin Persekutuan juga turut berkempen di Singapura. Tunku mengingatkan penduduk Singapura bahawa jika mereka tidak menyokong PAP dan menolak percantuman Singapura dengan Semenanjung melalui gagasan Malaysia, beliau terpaksa menutup *causeway* bagi menghalang anasir komunis daripada menyusup ke Semenanjung

Delay in merger would increase the problem of unification of Singapore and Malaya created by extremists. The merger offer would not be open forever and he urged the people of Singapore to make up their minds. If the realisation of Malaysia proceeded smoothly and peacefully, God willing, the way would be clear for the people of the five territories to work jointly for their prosperity and happiness. But even if the extremists and opposition parties wanted to create trouble and cause bloodshed after merger and Malaysia, then it would be better not to have merger. In such an event Malaya would have to close its gateway at the Johore Causeway and many inconveniences to the people.¹

Tindak-tanduk pemimpin Sosialis dan Komunis dalam kempen anti-Malaysia amat membimbangkan Lee Kuan Yew. Ketika berbincang dengan Setiausaha bagi Tanah Jajahan pada 14 Mei 1962, Lee Kuan Yew mencadangkan supaya sebelum pembentukan Malaysia dilaksanakan, tindakan mesti diambil terhadap tokoh parti pembangkang. Tokoh pembangkang dari Tanah Melayu seperti Sydney Woodhull, Fong Swee Suan dan Dominic Puthuchearry akan dihantar pulang ke Tanah Melayu. Bagaimanapun Pejabat Tanah Jajahan tidak bersetuju dengan cadangan itu atas alasan bahawa *'such action would have the very opposite effect to that which the Malaysians wish, and that the best hope of achieving merger peaceably lies in keeping the local political temperature down, by denying the Barisan Sosialis any opportunity for provoking communal strife and by avoiding action which might cement the opposition to merger'*.² Sikap berlembah British tidak memuaskan kerajaan Persekutuan. Sikap British itu telah menyebabkan Tunku menganggap British mempunyai muslihat tertentu di Singapura.

Selain Barisan Sosialis, Parti Buruh juga telah mengemukakan bantahan terhadap cara kemasukan Singapura dalam Malaysia. Beliau menganggap pungutan suara yang sedang diatur oleh kerajaan Lee Kuan Yew sebagai tidak telus. Berdasarkan pendirian itu, pada 6 Julai 1962,

David Marshall, pemimpin Parti Buruh, telah menghantar surat kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menuntut supaya seorang pemerhati dihantar untuk meninjau pungutan suara di Singapura.

It is in this context and in the light of Resolution 1514(XV) of the United Nations which states that transfer of sovereignty must be in accordance with the will of the people freely expressed, that we appeal to you to take cognisance of the fact that the manner in which the United Kingdom will be seeking to transfer sovereignty over Singapore is not in accordance with the will of the people freely expressed, that in fact it is making arrangements with a minority government which has lost the confidence of the people and it will be transferring sovereignty in accordance with the results of a completely fraudulent referendum.

*The people of Singapore through the nineteen elected representative signatories to the letter herewith attached, two of whom have been returned in two by-elections, appeal to the United Nations and its Committee on Colonies, to send an observer to Singapore on a basis of urgency in order to ascertain the true position and to advise the nations of the world who are members of the United Nations of the perfidy which is sought to be perpetrated upon the subject people of Singapore through a dishonest referendum.*⁴

Tindakan David Marshall itu dipandang serius oleh pihak British. Pada pandangan British, Singapura adalah masalah dalaman British dan pihak luar tidak seharusnya campur tangan. Rancangan penubuhan Malaysia juga mungkin akan terjejas jika PBB campur tangan.

Walau bagaimanapun British gagal untuk menghalang PBB daripada campur tangan. Pada bulan Julai 1962, perayu dan Lee Kuan Yew telah dipanggil oleh Jawatankuasa 17 untuk disoal. Jawatankuasa ini berpuas hati dengan penjelasan Lee Kuan Yew tentang rancangan penubuhan Malaysia serta jaminan bahawa pungutan suara itu akan dijalankan dengan telus.

Pada 1 September 1962 pungutan suara telah diadakan di Singapura. Para pengundi telah dibenarkan menghantar undi kosong. Berkaitan perkara ini kerajaan Singapura mengatakan bahawa undi kosong ataupun undi rosak akan dikira sebagai undi untuk bergabung di dalam Malaysia. Keputusan pungutan suara memihak kepada PAP. Sebanyak 71 peratus undi menyokong percantuman Singapura dalam Malaysia. Dengan

keputusan selesa itu, Lee Kuan Yew tidak lagi menghadapi halangan untuk membawa masuk Singapura dalam Malaysia. Walaupun begitu Lee Kuan Yew masih bimbang dengan ancaman Barisan Sosialis terhadap kedudukan PAP.

Operasi Cold Store

Pada awal bulan Disember 1962 pemberontakan telah tercetus di Brunei. Parti pembangkang telah memberi sokongan terhadap pemberontakan tersebut serta mendakwa bahawa cadangan Malaysia ditolak oleh rakyat Brunei. Peristiwa tersebut dipandang serius oleh pihak British, Tanah Melayu dan Singapura. Pada 13 Disember 1962, satu mesyuarat tergepar diadakan di Singapura antara Lee Kuan Yew, Dr. Ismail dan Selkirk berhubung dengan pemberontakan di Brunei dan implikasinya terhadap Singapura dan Tanah Melayu. Dr. Ismail memaklumkan kebimbangan Kuala Lumpur tentang keadaan keselamatan di Singapura dan sekiranya tindakan tidak diambil terhadap komunis kemungkinan besar rancangan penubuhan Malaysia akan terjejas. Lee Kuan Yew menyokong pandangan Dr. Ismail dan turut mendesak supaya anasir komunis di Singapura ditahan. Beliau menekankan bahawa '*in view of the revolt in Brunei and the evidence of foreign participation, the action could now be presented as taken by national governments of the Federation and Singapore against anti-nationalists who had threatened the national security of Malaysia*'.² Selkirk bersetuju dengan cadangan itu. Mereka akan ditahan atas alasan keselamatan kerana sokongan mereka kepada pemberontakan di Brunei. Beberapa keputusan penting telah diambil hasil mesyuarat tersebut. Pertama, seramai 180 orang anggota pembangkang termasuk Ahmad Boestamam dan Lim Kean Siew akan ditahan. Kedua-dua penahanan itu akan dijalankan serentak di Singapura, Tanah Melayu dan Sarawak selepas Hari Raya Cina. Ketiga, penahanan itu tidak akan melibatkan ahli Dewan Legislatif dan juga pengharaman parti politik. Akhir sekali, mesyuarat juga bersetuju untuk mengharamkan penerbitan sosialis, iaitu *Plebian* dan *Barisan*.

Dalam perbincangan lain dengan Moore dan ketua *Special Branch* Singapura pada 29 Januari 1963, Lee Kuan Yew mencadangkan supaya

tiga orang ahli UPP juga turut ditahan.⁶ Lee Kuan Yew mengakui bahawa tujuan utama penahanan ahli UPP adalah untuk mengukuhkan kedudukan politiknya. Beliau bimbang apabila kerajaan melancar operasi menangkap ahli parti pembangkang dan komunis, UPP akan mengaut keuntungan. Pasti UPP akan menjadikan isu penangkapan itu untuk mengkritik PAP. Malahan UPP mungkin akan menjadi tempat perlindungan anggota Komunis atau ahli Barisan Sosialis. Dengan cara ini, Lee Kuan Yew berharap pengundi-pengundi Cina akan mengambil sikap berhati-hati dalam memberikan sokongan kepada UPP. Ketua *Special Branch* bagaimanapun tidak menyokong cadangan itu kerana kenyataan menunjukkan bahawa ahli UPP tersebut bukan komunis dan dengan itu tidak menjadi satu ancaman kepada keselamatan. Selkirk bersependapat dengan pandangan Ketua *Special Branch*.

Mereka juga berbincang tentang Lim Chin Siong, dan Lee Kuan Yew mencadangkan supaya Lim Chin Siong tidak ditahan tetapi diberi peluang untuk meninggalkan negara.⁷ Lim Chin Siong akan diberikan tempoh selama 24 jam untuk membuat keputusan itu. Tawaran itu terpaksa dibuat bersesuaian dengan adat resam masyarakat Cina terhadap rakan lama yang telah bertukar menjadi musuh. Cadangan itu bagaimanapun dibantah oleh Dr. Ismail. Kerajaan Persekutuan mahu supaya Lim Chin Siong ditahan dahulu sebelum sebarang tawaran dibuat untuk beliau meninggalkan negara.

Melalui surat yang ditulisnya kepada Geoffrey Tory pada 31 Januari 1963, Tunku mengingatkan kerajaan British bahawa jika Majlis Keselamatan Negeri tidak bersidang untuk meluluskan penahanan tersebut, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak teragak-agak untuk membatalkan cadangan percantuman Singapura dengan Malaysia.⁸

Amaran Tunku itu cukup memeranjatkan pihak British. Apabila Dr. Ismail ditanya tentang kata dua itu, beliau menjawab: *'Indeed, if Malaysia were called off, the Federation would be saved many headaches. "We are happy as we are".'*⁹

Setelah mendapat kelulusan Majlis Keselamatan, pada 2 Februari 1963, Operasi *Cold Store* untuk menahan pembangkang telah dilancarkan di Singapura. Seramai 113 orang aktivis puak kiri telah ditahan di bawah *Preservation of Public Security Ordinance*. Antara yang ditangkap ialah Fong Swee Suan Setiausaha Agung SATU, Tan

Teck Wah, Presiden Kesatuan Sekerja Gudang perniagaan Singapura, D. Puthuachary, Abd. Wahab, Setiausaha Agung Parti Rakyat, Said Zahari, bekas pengarang akhbar *Utusan Melayu*, Hussein Jahidin, bekas anggota Jabatan Pengarang *Utusan Melayu*, Arunasalam Mahadeva, Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Wartawan Singapura, dan Lim Chin Siong. Tawaran untuk meninggalkan Singapura telah dibuat kepada Lim Chin Siong tetapi tawaran itu telah tolak. Dalam masa yang sama, kerajaan Singapura telah mengeluarkan kenyataan tentang operasi penahanan itu.

Since the formation of the Barisan Sosialis in July 1961, it has been increasingly evident that the party and associated United Front organisations are under the control of the Communists. These Communists and their supporters in Singapore, working through the Barisan Sosialis and associated United Front organisations, have done their utmost to sabotage the formation of Malaysia. They have continued their subversive activities even after the referendum in September in defiance of the wishes of a decisive majority of the people of Singapore. They have professed to be working constitutionally for democratic ends. But their open support for armed revolt in Brunei and their close connections with leaders of the revolt show that they are ready when the opportunity occurs to depart from constitutional methods and to jeopardise national defence and Singapore's security by joining with groups resorting to violence and bloodshed as in the Borneo Territories.

The Government of the Federation has consistently in recent years taken action against Communist and subversive elements in the Federation, and recently this action has been intensified. The Government of Sarawak had also taken preventive security action recently. All members of the Council agreed that action must be taken to safeguard the defence and security in Singapore and of the territories of the proposed Federation of Malaysia. This action must be taken immediately and cannot be left until after 31st. August 1963. The Internal Security Council therefore decided that certain persons in Singapore known to the security authorities of the three Governments represented on the Council to be deeply implicated in the United Front working for Communist or in some cases for other subversive ends must be arrested. The Council also decided that certain Communist United Front publications must be banned.

These measures, following upon the internal security actions in the Federation of Malaya and Sarawak, will safeguard against any attempt by the Communists to mount violence or disorder in the closing stages of the establishment of the federation of Malaysia and will ensure that Singapore enters Malaysia on the 31st. August 1963, in a more secure and sound state.

The persons detained are being held under the provisions of the Preservation of Public Security Ordinance. All those of federation origin are to be sent back to the Federation of Malaya.¹⁰

Sehingga bulan April 1963, seramai 120 orang telah ditahan. Mereka ditempatkan di Penjara Changi dan Ibu Pejabat Polis Pusat. Semua tahanan tersebut seperti biasa telah dihalang daripada berhubung antara mereka sehingga selesai proses soal siasat. Dalam perkataan lain tahanan itu telah dikenakan '*solitary confinement*'.

PAS Bantah Penyertaan Singapura

Rundingan di London telah berlangsung pada 27 Jun hingga 7 Julai 1963. Pada 9 Julai 1963 perjanjian mengenai Malaysia telah ditandatangani di Rumah Marlborough. Sultan Brunei bagaimanapun telah mengambil keputusan untuk tidak menyertai Malaysia.

Pada 17 Ogos 1963, Rang Undang-Undang Malaysia telah dibawa ke sidang Parlimen untuk mendapatkan pengesahan. Rang Undang-Undang itu telah dibahas dengan hangat oleh parti pembangkang dan wakil kerajaan. Pihak PAS sekali lagi mempersoalkan kewajaran Singapura menyertai Malaysia. Zulkiflee Muhammad, wakil PAS, berpendapat bahawa di bawah rancangan Malaysia bilangan bangsa Melayu akan berkurangan dengan kemasukan Singapura dalam Malaysia. Keadaan tersebut akan menyebabkan keselamatan bangsa Melayu tidak akan terjamin. Di bawah sistem demokrasi, tegas Zulkiflee, 'peti undi tidak tahu *quality*, dia tahu *quantity*'.¹¹

Tuan Yang diPertua, kedudukan orang Melayu dalam bilangan akan kurang. Itu satu fact dan bagi sa-tengah orang yang tidak memandangkan kepada kurang lebeh-nya bangsa Melayu dalam negeri ini, ia-itu perkara kechil. Mari kita hadapi, kata-nya biar hanchor, kita hadapi. Tuan Yang diPertua, chara yang seperti ini chara yang sesat. Sa-

telah kita mengetahui bahawa perimbangan kedudukan bilangan ra'ayat negeri itu seperti yang ada sekarang ini pun berkehendakkan layanan, maka sudah pada tempat-nya kita insaf dan kita sedar, jangan oleh kerana khayal ita, maka kita melakukan sa-suatu yang akan memberi keburokan kepada bangsa kita sendiri.¹²

Berhubung dengan kedudukan orang Melayu di Singapura, Zulkiflee bertanya 'apa-kah agak-nya yang akan dibuat oleh Singapura bagi menjaga kepentingan orang Melayu Singapura'.¹³ Beliau mengingatkan bahawa di Singapura orang Melayu digolongkan sebagai kaum minoriti seperti orang Nasrani, Yahudi dan sebagainya. Beliau tidak nampak bahawa kepentingan orang Melayu dalam bidang sosial, ekonomi, pelajaran dan politik akan dijaga seperti di Persekutuan Tanah Melayu. Pada pandangan Zulkiflee, janji kerajaan Singapura untuk menaikkan ekonomi, pelajaran, hak kemasyarakatan dan politik adalah satu 'mockery' atau permainan. Dari sudut itu, beliau tidak nampak orang Melayu di Singapura akan beruntung dengan kemasukan koloni itu dalam Malaysia.

Zulkiflee juga mempersoalkan kebijaksanaan dalam memberi kuasa bersendirian kepada Singapura dalam bidang pelajaran. Mengapakah Singapura diizinkan mempunyai dasarnya sendiri sedangkan dasar pelajaran kebangsaan menuju kepada perpaduan bangsa dalam negeri.

Beliau juga mempersoalkan kesahihan dakwaan bahawa percantuman Singapura dengan Malaysia adalah bertujuan mengelakkan pulau itu daripada dikuasai oleh Komunis dan menjadikan Singapura sebagai Cuba kepada Persekutuan Tanah Melayu.

Kalau mereka itu - komunis, kechenderongan mereka kapada komunis, dan kemudian-nya akan menjadi komunis, maka sudah pada tempat-nya kita mengasingkan mereka itu supaya tidak merosakkan negeri itu.¹⁴

Sekali lagi Zulkiflee mengingatkan bahawa dalam usaha untuk menolong orang, 'maka menolong orang jangan-lah sampai kita tenggelam'.

Tunku bagaimanapun menolak dakwaan Zulkiflee bahawa selepas merdeka kedudukan orang Melayu di Semenanjung semakin terdesak.

As far as we know from the feelings of the Malay population in the country, they appear to be satisfied, and they appear to be hopeful that,

*with the present Government and with Malaysia coming into being, there is greater prospect of the Malays getting a better livelihood.*¹⁵

Razak turut melibatkan diri dalam perbahasan Rang Undang-Undang Malaysia. Beliau mengingatkan wakil PAS bahawa 'tujuan kita hendak menubuhkan Malaysia ini ia-lah hendak mengadakan keamanan dan kesenangan bagi penduduk di wilayah-wilayah ini, sebab tujuan utamanya ialah hendak memberi kemerdekaan kepada negara Singapura, Sabah dan Sarawak...'¹⁶ Mengenai kedudukan orang Melayu di Singapura, Razak memberi jaminan bahawa kedudukan mereka tidak akan terjejas malah mereka akan menikmati keistimewaan seperti orang Melayu di Semenanjung. Persoalan sama ada pihak Perikatan benar ataupun tidak dalam penubuhan Malaysia, tegas Razak, 'sejarah-lah yang boleh menentukan'. Beliau yakin bahawa dengan adanya Malaysia dapatlah diadakan keamanan, ketenteraman dan kemakmuran bagi tanah jajahan British itu.

Apabila diundi, Rang Undang-Undang Malaysia telah mendapat sokongan majoriti ahli Parlimen. Ahli PAS bagaimanapun menolak Rang Undang-undang tersebut yang dianggap merugikan bangsa Melayu.

PAP Menderhaka?

Dalam pada itu, rancangan asal untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963 terpaksa ditangguh bagi membolehkan Rombongan Sekretariat PBB di bawah Lawrence Michelmore memastikan sama ada rakyat di Sarawak dan Borneo Utara benar-benar mahu memasuki Malaysia. Keputusan penghantaran rombongan itu telah dibuat bagi memenuhi keputusan Persidangan Manila yang telah ditandatangani oleh Razak dengan Menteri Luar Indonesia dan Filipina. Berikutan dengan jaminan yang diberikan oleh U Thant, Yang diPertuan Agung telah menandatangani Pengisytiharan Diraja bahawa Malaysia akan dibentuk pada 16 September 1963.

Lee Kuan Yew bagaimanapun membantah perubahan tarikh tersebut. Beliau bertegas untuk mengisytiharkan kemerdekaan Singapura pada 31 Ogos 1963 seperti yang diputuskan dalam Rundingan London. Pendirian

Lee itu memeranatkan Tunku. Tanpa mempedulikan bantahan Tunku, pada 31 Ogos 1963, Lee mengisytiharkan kemerdekaan Singapura. Dalam ucapannya, Lee menegaskan bahawa:

Now Malaysia is to be proclaimed finally on 16 September. Nevertheless August 31st has been made a significant date in the history of Malaysia. Sabah and Sarawak elected leaders today assumed powers of self-government. All federal powers in Sabah and Sarawak will be reposed in the Governors. In Singapore on the same principle all federal powers over defence and external affairs with, as from today till the 16th September, be reposed in our Yang DiPertuan Negara. We look upon ourselves as trustees for the Federal Government of Malaysia in these 15 days. We will exercise these powers in the interests of Malaysia. And in accordance with the Malaysia Agreement signed in London on 8th July the defence arrangements have for practical purposes come into operation.¹⁷

Tindakan Lee itu melukakan hati Tunku. Kabinet Kerajaan Persekutuan dalam mesyuaratnya pada 2 September 1963 telah memutuskan bahawa tindakan kerajaan Singapura mengisytiharkan kemerdekaan itu sebagai tidak sah dan tidak berperlembagaan. Kabinet telah mengemukakan bantahan kepada kerajaan British – ‘a strong worded letter’, membantah kegagalan kerajaan British untuk merujuk kepada kerajaan Tanah Melayu berhubung perkara tersebut sambil mengingatkan bahawa kerajaan Tanah Melayu tidak lagi terikat dengan perjanjian Malaysia melainkan kerajaan British ‘repudiate categorically any change in status of new state before establishment of Malaysia’.¹⁸

The operating of internal self-government is not part of the arrangements and seriously undermine the whole basis upon what the territories were to enter Malaysia. Apart for its legal and constitutional implications this step has caused considerable apprehension to my government, which is now faced with a situation in which the Singapore Government has been given power in relation to matters, which if Malaysia is forced will be federal representatives.¹⁹

Lee tidak melayan bantahan kerajaan Persekutuan sebaliknya menganggap bantahan kerajaan Persekutuan itu sebagai sesuatu yang menyedihkan.

It is a matter of regret that the Federation Government which does not have authority over Singapore until Malaysia is officially promulgated, instead of welcoming the step forward taken in Singapore, Sabah and Sarawak on August 31, has expressed its concern over legal and constitutional niceties.²⁰

Pada 3 September 1963 kerajaan Singapura telah menasihatkan Yang diPertuan Negara untuk membubarkan Majlis Legislatif dan mengeluarkan arahan untuk mengadakan pilihan raya pada 12 September 1963.

Selkirk telah mengadakan pertemuan dengan Lee Kuan Yew pada 4 September 1963. Dengan sombongnya, Lee menegaskan:

Singapore had enough documents to show that what they had done was not only being justified but was morally right. One of the sad things about Malaysia was the naive approach of some people to whom power was handed 'a silver platter with red ribbons by British royalty in uniform'. That was not the way the new great nations of Asia and Africa had been born. The new Malaysian date was irrevocable. He had, on 31 August, proclaim de facto independence, taking over control of defence and external affairs. Proclamation this on behalf of the people whom he representative of the people whom he represented and he would like to see who would say 'no'. Power was not a little jewel, it had to be fought for, and Singapore had earned the right to independence and place in Malaysia. Great men like George Washington or Lenin did not make their nations great by getting power in ceremonial obeisance.²¹

Bantahan Tunku telah mendapat perhatian kerajaan British. Dalam suratnya kepada Tunku, MacMillan menganggap tindakan Lee Kuan Yew itu sebagai tidak sah sama ada dari segi undang-undang ataupun perlembagaan. Jaminan MacMillan itu melegakan sedikit perasaan marah Tunku terhadap Lee Kuan Yew. Jika diikuti perasaan Tunku, Malaysia akan ditubuhkan tanpa penyertaan Singapura justeru tindak tanduk Lee Kuan Yew yang angkuh dan tidak mengenang budi itu. Akibat rancangan itu juga kerajaan Persekutuan Tanah Melayu terpaksa bermasam muka dengan jirannya Indonesia dan Filipina. Walaupun begitu rancangan penubuhan Malaysia perlu diteruskan juga kerana desakan pihak British.

Pada 16 September 1963, Malaysia telah diisytiharkan penubuhannya. Dengan itu secara rasmi Singapura, Sabah dan Sarawak telah menjadi negara merdeka.

NOTA

1. Singapura - Kuala Lumpur, 14 Mei 1962, PREM/11/4346.
2. Ibid.
3. Ibid.
4. Singapura - Kuala Lumpur, 6 Julai 1962, PREM 11/4346.
5. Singapura - CRO, 14 Dis. 1962, PREM/4346.
6. Singapura - CRO, 4 Feb. 1963, PREM 11/4346.
7. Singapura - Setiausaha bagi Tanah Jajahan, 28 Januari 1963, CO 1030/1576.
8. Kuala Lumpur - CRO, 31 Januari 1963, CO 1030/1577.
9. Kuala Lumpur - Singapura, 1 Februari 1963, CO 1030/1577.
10. Singapura - CRO, 4 Februari 1963, PREM 11/4346.
11. Penyata Dewan Rakyat, 19 Ogos 1963.
12. Ibid.
13. Ibid.
14. Ibid.
15. Ibid.
16. Ibid.
17. Kuala Lumpur - Singapura, 2 Sept. 1963, PREM 11/4351
18. Ibid.
19. Ibid.
20. Ibid.
21. Singapura - CRO, 4 Sept. 1963, PREM 11/4351

VII

Duri dalam Daging

Ternyata bahawa Lee Kuan Yew telah mengambil kesempatan daripada kejujuran Tunku untuk memenuhi agenda politiknya. Dengan sokongan Tunku, Lee Kuan Yew bukan sahaja dapat membebaskan Singapura daripada penjajahan British melalui Malaysia, tetapi juga telah dapat melumpuhkan musuh politiknya baik dari sayap kiri ataupun kanan. Setelah berjaya memenuhi agenda politiknya, Lee Kuan Yew berusaha pula untuk mengukuhkan kedudukannya di Singapura dan mengembangkan pengaruhnya ke Semenanjung. Untuk mencapai matlamatnya, PAP telah menggunakan cogan kata '*Malaysian Malaysia*' yang mereka harap akan mendapat sokongan orang bukan Melayu. Perbuatan itu bagaimanapun telah menjejaskan hubungan antara Tunku dengan Lee Kuan Yew hingga membawa kepada perpisahan Singapura daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965.

PAP Mengukuhkan Kedudukan di Singapura

Setelah Singapura mencapai kemerdekaan, Lee Kuan Yew berusaha pula untuk mengukuhkan kedudukan politiknya di Singapura. Ekoran krisis yang melanda parti, kedudukan PAP dalam Majlis Legislatif agak lemah. PAP hanya mempunyai 25 daripada 51 kerusi. Kerajaan PAP pada bila-bila masa sahaja akan tumbang jika ada ahlinya yang berpaling tadah kepada pihak pembangkang. Walaupun pembangkang tidak cukup kuat, khususnya Barisan Sosialis yang menjadi lemah ekoran penahanan beberapa orang tokoh pentingnya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, tetapi pihak pembangkang masih menjadi ancaman kepada PAP. Jika Barisan Sosialis berpakat dengan Parti Perikatan Singapura, Parti

Pekerja, UMNO Singapura dan MCA, kemungkinan besar kedudukan PAP sebagai kerajaan akan tergugat. Justeru itu pada ketika rakyat Singapura sedang ghairah menyambut hari kemerdekaan, Lee Kuan Yew mengadakan pilihanraya umum pada 21 September 1963. Keadaan itu meletakkan Barisan Sosialis, UMNO, Parti Perikatan Singapura serta parti pembangkang lain dalam keadaan kelam kabut. Mereka hanya mempunyai sembilan hari berkempen.

Apabila keputusan diumumkan, PAP telah memenangi 37 daripada 51 kerusi yang dipertandingkan. Semua calon UMNO-PERIKATAN Singapura tewas di tangan calon PAP. Sementara itu parti Barisan Sosialis hanya mendapat 13 kerusi atau mendapat sebanyak 33 peratus daripada jumlah undi.

Kekalahan UMNO dan juga MCA yang bertanding atas tiket parti Perikatan Singapura amat memeranjatkan Tunku. Lebih mengecewakan lagi ialah calon UMNO itu dikalahkan oleh calon Melayu PAP.¹ Harapan Tunku untuk melihat UMNO Singapura menjadi pembela kepada orang Melayu Singapura yang daif itu berkecai. Tunku melihat parti UMNO Singapura ditolak dan dihancurkan oleh orang Melayu sendiri kerana terpengaruh dengan kempen PAP. Ketua Penerangan UMNO, Syed Jaafar Hasan Albar telah meletakkan jawatan atas kekalahan UMNO itu. Sejak itu UMNO Singapura telah diletakkan di bawah tanggung jawab Tunku.

Kemenangan besar PAP dalam pilihan raya itu telah disambut meriah di Singapura. Ibu Pejabat UMNO di Geyland Serai dikatakan telah diceroboh manakala papan tanda UMNO pula diconteng dan dikoyak oleh pihak yang tidak bertanggung jawab. Dengan itu tidaklah menghairankan apabila UMNO Singapura menerima kekalahan itu dengan penuh emosional. Patung Lee Kuan Yew telah dibakar.

PAP Bernafsu Besar

(Hasil kemenangan dalam pilihan raya umum itu, PAP telah menubuhkan sebuah kerajaan yang kuat. Setelah berasa kedudukannya kukuh, PAP mengambil keputusan untuk mengembangkan sayapnya ke Semenanjung. Cawangan PAP telah ditubuhkan di Semenanjung sebagai persiapan pilihan raya umum pada tahun 1964.) Melalui kerja kuat dan

tipu helah politik PAP menonjolkan diri sebagai pembela kaum Cina. Secara terbuka Lee Kuan Yew mengumumkan hasratnya untuk bekerjasama dengan UMNO tetapi enggan menyertai Perikatan jika MCA dan MIC terus menjadi anggota Perikatan. Kenyataan Lee Kuan Yew telah diselar oleh Tunku sebagai tidak bertanggungjawab yang bertujuan untuk memecahkan Perikatan. Tunku memberi jaminan bahawa UMNO akan tetap bersama MCA dan MIC selama-lamanya.

Apabila tidak diterima oleh UMNO, PAP mengambil keputusan untuk bertanding dalam pilihan raya umum dengan menonjolkan dirinya sebagai parti yang mewakili orang Cina. Pengumuman pertandingan itu dibuat oleh Pengerusi PAP, Toh Chin Chye pada 1 Mac 1964. Keputusan itu memeranjatkan Tunku kerana mengikut persetujuan pada bulan Ogos 1963 PAP tidak akan bertanding dalam pilihan raya di Semenanjung. Tindakan PAP dilihat sebagai suatu keputusan yang sengaja diambil bagi mencabar keutuhan kerajaan Perikatan di Semenanjung, dan juga sebagai suatu cabaran terhadap ketuanan Melayu. Para pemimpin UMNO menyelar Lee Kuan Yew sebagai menyimpan cita-cita bukan sahaja untuk memusnahkan MCA, UMNO dan MIC, tetapi juga untuk menjadi Perdana Menteri. Tunku Abdul Rahman pernah melafazkan kekecewaannya dengan sikap Lee Kuan Yew yang tidak mengenang budi. Semasa berucap di Persidangan Parti Perikatan di Kuala Lumpur pada 17 April 1964, Tunku mengingatkan kembali detik-detik keputusan dibuat untuk menerima Singapura dalam Malaysia. Kerajaan Persekutuan terpaksa berkorban bukan sahaja untuk menyelamatkan Singapura daripada komunis, tetapi juga mempertahankan PAP, sebuah parti kiri yang amat ketara disokong oleh komunis daripada kecundang dalam arena politik. Tunku terus nekad dengan rancangan itu walaupun banyak antara anggota partinya menentang cadangan tersebut. Sebaliknya setelah Singapura menyertai Malaysia, Lee Kuan Yew mendapati dia tidak mendapat kuasa seperti yang dikehendakinya iaitu mahu menjadi Perdana Menteri, dan akibatnya dia mula menimbulkan kekacauan.²

Pada 19 Mac 1964, PAP mengumumkan manifestonya. Antara lain PAP berjuang untuk menubuhkan sebuah negara sosialis Malaysia yang bersatu. PAP telah meletakkan 9 orang calon untuk menentang MCA dalam pilihanraya umum. Dalam kempen pilihanraya, Lee menyeru para pengundi supaya menyokong PAP *'so that UMNO leaders would have to*

adjust their social and economic policy to take into account the wishes of the people in the towns'.³ Kempen PAP bagaimanapun tidak berkesan. Pemimpin UMNO berjaya meyakinkan pengundi bahawa dasar PAP itu berbahaya untuk negara berbilang bangsa seperti Malaysia, dan akan memecahkan perpaduan rakyat. Malahan pengundi juga diingatkan bahawa menentang Perikatan bererti menyokong Sukarno.

Pilihan raya diadakan pada 25 April 1964. Lebih daripada 77% pengundi keluar mengundi. Seperti dijangkakan Perikatan memenangi 89 daripada 104 kerusi yang dipertandingkan manakala PAS memperolehi 9 kerusi parlimen. PAP hanya memenangi satu kerusi Parlimen di Bangsar yang ditandingi oleh Devan Nair. Kebanyakan calonnya hilang wang pertaruhan masing-masing. Dengan kekalahan itu PAP terpaksa berdiam diri untuk sementara waktu. Seorang pemerhati politik menganggap campur tangan PAP dalam politik di Semenanjung adalah satu kesilapan besar Lee Kuan Yew.⁴ Sejak itu Lee Kuan Yew mula dipandang serong oleh Perikatan.

Perhimpunan Melayu

(Sementara itu UMNO Singapura menyusun strategi untuk bangkit semula setelah ditewaskan dengan teruk oleh PAP dalam pilhan raya yang lalu. UMNO cuba menjadi juara bagi orang Melayu dalam mempertahankan hak mereka yang terjejas akibat dasar kerajaan PAP. Perasaan tidak puas hati semakin membara apabila pada awal bulan Mei 1964, penduduk di Java Road dan Palembang Road telah diarahkan supaya berpindah ke penempatan baru.) Selain kawasan itu, perintah berpindah juga telah menjalar ke kawasan lain, seperti Kallang West Coast dan Kampong Bendong. UMNO Singapura mengecam tindakan kerajaan PAP yang dianggap bertindak secara kejam dan pilih kasih. Dalam kenyataan yang diedarkan kepada ahli UMNO cawangan Rochore, Ketua Cawangan, Abdul Rahman Mohd. Din menganggap arahan berpindah yang dikeluarkan kepada penduduk di Java Road dan Palembang Road sebagai 'yang paling kejam sekali pernah dilakukan oleh kerajaan PAP terhadap orang Melayu). Ini kerana penduduk di kawasan itu tidak diberi peluang langsung untuk memikirkan cara perpindahan itu dan masa depan kehidupan mereka.)

Ahli UMNO Rochore berasa bahawa mereka menjadi sasaran Kerajaan PAP bersama-sama dengan kapitalis bangsa Cina yang sedang merancang penindasan dan pengusiran terhadap orang Melayu dari tempat-tempat yang mereka sudah mendiaminya sejak datuk nenek mereka, sedangkan kawasan-kawasan lain yang terdiri dari bangsa Cina tidak pernah diberikan arahan pemindahan.

UMNO memperingatkan para kapitalis berkenaan dan Kerajaan PAP supaya perbuatan sewenang-wenangnya untuk menindas bangsa Melayu dalam negeri ini hendaklah dihentikan dengan segera, kalau tidak maka cita-cita yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan PAP untuk menyatukan bangsa Malaysia pasti akan gagal.⁵

Pada 27 Mei 1964, Kesatuan Kebangsaan Anak-Anak Bumi Putera Singapura, dalam suratnya kepada Lee Kuan Yew memperingatkan kerajaan agar berlaku adil terhadap orang Melayu untuk mengelakkan daripada berlakunya kekacauan di pulau itu.

Jangan lupa tuan huru hara yang menggemparkan dunia sudah terjadi di Singapura dengan tidak disangka-sangka dari hal Nadra itu cuma sebahagian kecil dari kalangan pemuda-pemuda sahaja. Tetapi mungkin akan terjadi di bahagian yang besar yang luas seperti gunung berapi kalau sudah meletus membongkar alam negara ini tidak dapat sesiapa yang menahannya melainkan dengan kuasa 'Tuhan' barulah ia dapat dikawal dan ditawan. Masanya akan tiba jangan lupa kalau luka sudah hilang parutnya tinggal juga.⁶

(Memandangkan ketidakpuasan orang Melayu semakin membara justeru dasar 'diskriminasi' kerajaan PAP, maka UMNO Singapura telah mengundang pertubuhan Melayu dan Islam seluruh Singapura bagi membincangkan 'kedudukan orang Melayu Singapura' pada 12 Julai 1964. Perhimpunan itu diadakan di Panggung New Star, Pasir Panjang Road, Singapura. Lebih daripada 1000 orang hadir dalam majlis itu yang dirasmikan oleh bekas Ketua Penerangan UMNO, Syed Jaafar Albar. Dalam ucapan perasmianya yang penuh bersemangat itu, Syed Jaafar Albar telah menyeru supaya orang Melayu Singapura bersatu bagi mempertahankan hak mereka daripada dicerobohi oleh kerajaan PAP.

We Malays in Singapore have for a very long time been suppressed and oppressed, either subtly or blatantly... We Malays believed that they (the

*British) colonised us in order to protect and look after us, but they have betrayed our trust, and today, although Singapore has achieved independence through Malaysia, the fate of the Malays is even worse than it was during the Japanese occupation. This is the reason why UMNO feels it necessary to hold this convention.*⁷

Syed Jaafar seterusnya mengingatkan hadirin supaya bersatu. Dengan bersatu, tegasnya, tidak ada kuasa yang dapat memecah-belahkan mereka, 'hatta seribu Lee Kuan Yew sekali pun'.

Turut berucap ialah Hassan Adli, Naib Presiden PAS. Beliau menyeru orang Melayu supaya menentang PAP demi keselamatan mereka pada masa depan. Timbalan Setiausaha UMNO, Ali Haji Ahmad pula menuduh PAP hendak menjadikan Singapura sebuah negara Israel di Asia Tenggara.

Perhimpunan itu telah merayu Lee Kuan Yew agar tidak mengeneipkan kewajibannya terhadap orang Melayu sebagai anak bumiputera Singapura. Ini penting agar mereka tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara yang semakin pesat itu.

PAP bertindak balas dengan mengadakan perhimpunan pada 19 Julai 1964 bagi menjawab segala tohmahan yang dilemparkan terhadap PAP dan Lee Kuan Yew sendiri menafikan dakwaan UMNO bahawa PAP menganaktirikan orang Melayu di Singapura. Beliau menegaskan bahawa PAP akan terus membela nasib orang Melayu di Singapura sejajar dengan kehendak Perlembagaan.

Rusuhan

Pada petang Selasa 21 Julai 1964, lebih daripada seribu kaum Muslimin telah berkumpul di Padang untuk menyambut peristiwa keputeraan Nabi Muhammad SAW. Perhimpunan itu disusuli oleh perarakan. Lee Kuan Yew memandang serius terhadap perhimpunan itu kerana diadakan beberapa hari selepas peristiwa rusuhan di Bukit Mertajam pada 12 Julai 1964. Lebih merisaukan beliau apabila terdapat risalah-risalah haram yang dikeluarkan oleh Kesatuan Kemajuan Islam telah diedarkan di kawasan Kampung Gelam. Risalah ini menyeru orang Melayu supaya bersatu dan menghancurkan kerajaan diktator PAP.

Dalam suasana berwaspada itu, tiba-tiba rusuhan tercetus di Kampung Gelam apabila seorang anggota polis Melayu telah diserang

oleh 'ahli' PAP ketika mengawal perarakan Maulidur Rasul.⁹ Rusuhan itu mengorbankan dan mencederakan beratus orang. Kerajaan bertindak cepat untuk mengawal keadaan. Perintah berkurung diisytiharkan di kawasan terbabit.)

Sebaik sahaja mendapat berita mengenai rusuhan itu, Razak telah terbang ke Singapura. Dalam ucapannya di Radio Malaysia, Razak menyeru semua kaum di Singapura dan Tanah Melayu supaya bersatu.

I can't help but think that there must be an insidious enemy responsible for all this. The procession to celebrate the birthday of the Prophet has been held year in and year out but never has there been anything untoward which has marred the procession. So why must it happen now? It is more than a coincidence that while we are having confrontation from Indonesia these communal clashes should have all of a sudden flared up.⁹

Pada masa yang sama melalui kerjasama kerajaan Amerika Syarikat, Tunku yang berada di London, telah menyampaikan amanatnya kepada rakyat di Singapura melalui siaran *Voice of America*. Dalam ucapan ringkas itu, Tunku menyalahkan agen asing sebagai bertanggungjawab mencetuskan rusuhan.

Lee Kuan Yew bagaimanapun mempunyai pandangan yang berbeza berhubung dengan peristiwa tersebut. Beliau menyalahkan puak pelampau dalam UMNO, khususnya Syed Jaafar Albar, dan *Utusan Melayu* kerana mengapi-apikan sentimen perkauman sehingga tercetusnya rusuhan antara kaum Cina dan Melayu di Kampung Gelam.

What I want to know in the long run is whether this agitation by the Malays Action Committee or are they following...UMNO. The 22-man Malay Action Committee is going right to the brink.¹⁰

Dalam perbualannya dengan wakil asing, Lee Kuan Yew mendakwa bahawa rusuhan itu sengaja dicetuskan oleh puak pelampau dalam UMNO dengan tujuan untuk membolehkan kerajaan Pusat mengisytiharkan darurat dan kemudiannya meletakkan Singapura di bawah pemerintahan tentera.¹¹

Bagaimanapun tuduhan itu dinafikan oleh Syed Jaafar Albar yang sebaliknya menyalahkan Lee Kuan Yew yang merancang rusuhan itu

untuk memenuhi tuntutan politik peribadinya. Dalam suratnya kepada wartawan *The Observer*, Dennis Bloodworth, Syed Jaafar menulis:

*Lee's intention is to create disorder in Singapore at a time when the Malays are gathering to celebrate the Birthday of Prophet Mohammed, so as to give the impression to the world outside that the Malays are already influenced by Indonesia. And with this, he is trying to impress on the Chinese that the Malays have bad intention towards them.*¹²

Pada 28 Julai 1964 Razak telah mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Singapura, Goh Keng Swee.¹³ Razak mengemukakan dua pilihan untuk menyelesaikan masalah antara Kuala Lumpur dengan Singapura. Pertama, pembentukan kerajaan campuran tetapi dengan syarat Lee Kuan Yew melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri, dan kedua, perjanjian politik dengan kedua-dua kerajaan tidak akan campur tangan dalam urusan politik negeri masing-masing. Razak meminta PAP menguruskan hal ehwal masyarakat Melayu di Singapura melalui Ketua Penerangan UMNO, Muhammad Khir Johari. Di samping itu, PAP juga diingatkan supaya tidak mempengaruhi orang Melayu supaya menyokong PAP. Cadangan Razak itu bagaimanapun ditolak oleh PAP kerana dianggap tidak praktikal.

Campur Tangan British

(Kerajaan British memandang serius perkembangan yang berlaku di Singapura. Ekoran peristiwa itu, pada 6 Ogos 1964, Sir Alec Douglas-Home, Perdana Menteri British, telah mengadakan perbincangan dengan Tunku di London tentang situasi di Malaysia. Lord Home agak bimbang dengan kemerosotan hubungan antara Kuala Lumpur dan Singapura yang jika tidak ditangani dengan bijak kemungkinan besar akan menjejaskan keutuhan Malaysia. Lord Home mencadangkan supaya Lee dilantik sebagai anggota kabinet Kerajaan Pusat. Secara terus terang Tunku memberitahu Home bahawa beliau tidak dapat melantik Lee dalam kabinetnya kerana '*he was very unpopular among Malays and Chinese alike*'.¹⁴ Bagaimanapun Tunku bersetuju untuk menambah bilangan perwakilan dari Singapura, Sarawak dan Sabah dalam Majlis Pertahanan.

Tunku pulang ke Kuala Lumpur pada 14 Ogos 1964. Pada 18 Ogos Tunku terbang ke Singapura untuk berjumpa dengan Lee Kuan Yew. Tunku mencadangkan kepada Lee Kuan Yew supaya mengosongkan kerusi parlimennya. Sebagai balasannya kerajaan Pusat akan memberi kuasa autonomi dalam hal ekonomi, kewangan dan keselamatan kepada kerajaan Singapura.¹⁵ Selain itu, Lee Kuan Yew diminta agar tidak melibatkan diri dalam kegiatan politik di Semenanjung dan Borneo.

Perbincangan itu diketahui oleh pihak British yang tidak bersetuju dengan cadangan Tunku. Pada pandangan mereka *'Such major change would be likely to have serious repercussion on international opinion as indicating an internal weakening, and possibly ultimately collapse of the Federation. They would be a godsend to Indonesian propaganda. Relations with Sabah and Sarawak would also be upset'*.¹⁶ Dengan serta merta, Lord Home telah diarahkan supaya berjumpa dengan Tunku dan Lee untuk berbincang tentang hal tersebut.

Semasa bertemu dengan Tunku, Lord Home memaklumkan pandangan kerajaan British terhadap cadangan penyerahan kerusi parlimen Singapura kepada kerajaan pusat. Tunku menjawab bahawa perubahan status Singapura dalam Persekutuan perlu dibuat untuk menyelesaikan krisis antara Kuala Lumpur dengan Singapura.¹⁷

Apabila gagal untuk meyakinkan Tunku tentang keburukan rancangan itu, Lord Home dan Lord Mountbatten kemudiannya berjumpa pula dengan Lee Kuan Yew. Selepas mendengar pandangan Lord Home dan Lord Mountbatten, Lee Kuan Yew bersetuju untuk menolak cadangan Tunku. Sebaliknya, Lee Kuan Yew mencadangkan agar Singapura diberikan kuasa penuh berhubung urusan dalam negeri, kecuali bidang pertahanan dan hubungan luar. Dalam masa yang sama beliau akan memberikan kenyataan bertulis kepada Tunku bahawa Singapura tidak akan menggunakan kedudukannya di Parlimen untuk menyerang Kerajaan pusat, dan jika ikrar itu dilanggar, Lee bersedia untuk menyerahkan semula hak ke atas urusan dalam negeri kepada kerajaan Pusat. Berhubung dengan kerusi parlimen, Lee bersedia untuk menimbangkannya selepas tamat konfrontasi. Semua cawangan UMNO dan MCA di Singapura akan ditutup dan PAP juga akan menutup cawangannya di Semenanjung.

Sementara itu, persoalan Malaysia-Singapura telah dibincangkan dengan serius oleh Jabatan Perdana Menteri British. Jabatan Perdana Menteri berpendapat bahawa kedua-dua cadangan itu sama ada cadangan Tunku atau Lee akan membawa kepada perpecahan Persekutuan Malaysia malah cadangan tersebut bukan sahaja akan menjejaskan imej Malaysia di mata dunia tetapi juga akan menjejaskan tanggung jawab British dalam mengurus soal keselamatan dalam negeri dan pertahanan wilayah Malaysia daripada ancaman Indonesia. Jabatan itu mengesyorkan kedua-dua rancangan itu hendaklah ditolak.

Justeru itu Lord Head telah diarahkan supaya berjumpa dengan Tunku dan Lee bagi menjelaskan tentang keburukan kedua-dua cadangan tersebut.

Your immediate aim must in short be to press for abandonment of any radical changes in constitutional, defence or internal security fields. On this you will be best judge as to how far Tunku's colleagues may be of further help.

Your secondary objectives in event of Tunku proving unresponsive should be at least to ensure that he gives us firm undertaking that we shall have ample opportunity to express our views on any major changes on which he and Lee may still insist.¹⁸

Pada 23 Februari 1965, seperti yang diarahkan Lord Head telah berjumpa dengan Tunku. Dalam pertemuan itu Tunku memberi jaminan bahawa kerusi Singapura di Parlimen akan dikekalkan. Berhubung dengan soal keselamatan dalam negeri dan kewangan, Tunku memaklumkan yang beliau masih berbincang dengan anggota kabinetnya.

Selepas pertemuan itu, Lord Head telah menulis kepada Tunku mengulangi jaminan Tunku tentang kedudukan kerusi Parlimen Singapura. Surat itu berbunyi seperti berikut:

I was much encouraged in my talk with you yesterday when you said that there would be no question of the Singapore representatives leaving the Federal Parliament. As I told you my Government had considerable apprehensions about such a possibility largely because of its effect on world opinion and confidence about future unity of the Federation.¹⁹

Setelah mendapat persetujuan kabinet, pada 2 Mac 1965 Tunku telah menulis surat kepada Harold Wilson, Perdana Menteri British, memberi jaminan bahawa cadangan perubahan dalam hubungan Pusat dengan Singapura itu tidak akan memberi kesan buruk sebaliknya mengukuhkan lagi pentadbiran.

When Earl Mountbatten called on me in Kuala Lumpur recently, he discussed certain matters about which you and your colleagues have expressed deep concern, and that is with regard to the news that I was contemplating a break-up with Singapore. This news, according to him, would cause serious alarm to all those who have the interest of Malaysia at heart and if it were to leak out it would give the Indonesian s moral advantage. I have very much in mind that aspect of the matter and you can rest assured that I will do nothing to give Indonesia a sense of victory.

What I have in view is that there should be a re-arrangement of the State and Federal powers as between Singapore and the Central Government without affecting the status of Singapore as a member State of Malaysia. We found out after one and half years of experience in the working of the Constitution that this arrangement is necessary for the effective and smooth running of the administration. It would not change in any way Singapore's relation with the Central Government. On the other hand, it will give Singapore greater autonomy with which to administer the State having in mind the peculiar situation obtaining in that State. The changes, if any, will be worked out in easy stages without giving any indication that there is any conflict of interest between the State and the Central Government.

I am convinced, so does the Prime Minister of Singapore, that this reshuffling of State and Federal powers will bring about better relationship between the State and Central Governments.²⁰

Isu Malaysian Malaysia

Hubungan Kuala Lumpur-Singapura kembali tegang apabila Lee Kuan Yew mengumumkan hasratnya untuk menubuhkan pakatan parti politik untuk menentang Parti Perikatan dalam pilihan raya umum ke-4 yang dijadualkan berlangsung pada tahun 1969. Turut serta dalam mesyuarat yang berlangsung di Singapura pada 8 Mei 1965 ialah *United*

Democratic Party dan SUPP. Pada 9 Mei 1965, *Malaysian Solidarity Convention* (MSC) telah ditubuhkan dan slogan '*Malaysian Malaysia*' dijadikan sebagai dasar perjuangan mereka. Andainya menangi pilihan raya dan dapat membentuk kerajaan, Lee Kuan Yew berikrar akan mewujudkan pemerintahan yang adil dan sama rata atas semangat '*Malaysian Malaysia*'. Perlembagaan Negara akan dikaji semula bagi membasmi sebarang peruntukan yang dianggap bersifat diskriminasi terhadap kaum tertentu. Malahan Lee Kuan Yew juga mempersoalkan status orang Melayu yang didakwa bukan anak jati negeri ini.)

Ahli UMNO memandang serius terhadap penubuhan MSC yang berjuang bukan sekadar untuk menjatuhkan Perikatan tetapi untuk menghapuskan kedudukan keistimewaan orang Melayu dan bumiputera yang telah dijamin oleh Perlembagaan. (Dengan itu tidaklah menghairankan apabila terdapat ahli UMNO yang mendesak supaya Lee Kuan Yew dikenakan tahanan ISA kerana mencetuskan ketegangan dalam masyarakat. Malah PAS turut mengecam Tunku dan Dr. Ismail kerana gagal mempertahankan hak ketuanan Melayu.)

Dalam menghadapi cabaran PAP dan MSC, Tunku meminta ahli UMNO supaya tidak membesar-besarkan politik perkauman Lee Kuan Yew sebaliknya menangani isu itu secara demokratik. Semasa berucap di Perhimpunan Agung UMNO pada 15 Mei 1965, (Tunku menganggap perbuatan Lee Kuan Yew mencabar hak ketuanan Melayu sebagai melampau. Beliau juga mengulangi peringatannya kepada Lee Kuan Yew tentang pengorbanan UMNO dalam menerima Singapura ke dalam Malaysia walaupun dibantah oleh ahli UMNO sendiri, termasuk juga oleh PAS. Yang paling mengecewakan Tunku ialah apabila Lee Kuan Yew tanpa segan silu dan perasaan hormat, berani mengatakan bahawa 'orang Melayu di sini pun bukan anak jati negeri ini'.⁷ 'Ini cakapan budak-budak', tegas Tunku, 'kerana kita semua tahu bahawa menurut perlembagaan, kedudukan Raja-raja Melayu dalam negeri masing-masing ialah mengikut keturunan. Itu pun sudah cukup untuk menunjukkan bahawa orang Melayu adalah bumiputera yang jati negeri ini.)

Tunku juga menyeru orang Cina agar tidak terpengaruh dengan dakyah Lee Kuan Yew.

Orang Cina tahu semua perkara ini dan kalau mengatakan sama ada secara langsung atau tidak langsung yang orang Cina tidak diberi layanan adil, adalah tidak benar dan mereka tahu yang perkara itu tidak benar. Dasar UMNO dan rakan-rakan kita MCA dan MIC ialah bertimbang rasa dan adil kepada semua.²²

Walau bagaimanapun Tunku cukup kecewa dengan sikap Lee Kuan Yew yang tidak mengenang budi. Tunku telah mengambil risiko tinggi apabila bersetuju untuk menyelamatkan Lee Kuan Yew dan PAP daripada komunis dengan menerima Singapura sebagai sebahagian daripada Malaysia. Tindakan nekad Tunku itu telah dikecam bukan sahaja oleh PAS tetapi juga oleh ahli UMNO.

Tuan David Marshall semasa dia menjadi Ketua Menteri di Singapura dulu, cuba hendak memujuk saya mengambil Singapura kerana pada fikirannya Singapura tidak boleh bersendirian-sendiri dan katanya sangat aib bagi Singapura terus-menerus menjadi tanah jajahan. Ketua Menteri yang satu lagi Tuan Lim Yew Hock yang semakan seminum dengan saya dan bolehlah dikatakan sebagai kawan baik saya, memujuk saya mengambil Singapura.

Tetapi saya katakan pada dia ini sangat berbahaya kerana Singapura boleh dikatakan sebuah negara China dan pentadbiran Singapura mestilah berlainan dengan yang ada di Malaya. Kalau kita cuba hendak memaksa Perlembagaan Malaya ke atas Singapura, boleh jadi tidak akan diterima oleh orang Cina di sana.

Encik Lee Kuan Yew mula capai kuasa di Singapura terang-terang dengan sokongan Komunis dan orang yang bersimpati dengan Komunis. Bila dia cuba hendak mentadbirkan Singapura dengan tidak mengikut dasar komunis, separuh daripada ahli-ahlinya telah berpecah daripada PAP. Pada saya bahayanya terang, iaitu kita mesti mengambil langkah untuk menyelamatkan Singapura daripada komunis.

Oleh sebab itu anggota-anggota Perikatan telah diminta membantu kerajaan PAP supaya jangan tumbang. Memanglah nyata, hanya satu jalan sahaja untuk mengelakkan Singapura daripada menjadi Cuba yang kedua, iaitu memasukkan Singapura ke dalam Malaysia. Saya beranikan juga dengan rancangan ini sungguhpun banyak di antara anggota-anggota parti saya menentangnya. Kita telah bekerja keras menggubal perlembagaan yang kita percaya memuaskan hati semua pihak. Selepas Singapura masuk Malaysia, Encik Lee Kuan Yew dapati

dia tidak dapat kuasa ikut hatinya mahu sebagai seorang Perdana Menteri dan mulalah kacau. Kita tidak pernah menyalahgunakan perlembagaan atau mungkir janji dengan Menteri-menteri Singapura dan kita harap Encik Lee Kuan Yew pun akan berbuat demikian juga, tetapi malangnya bila dia dapati dia tidak dapat kawan UMNO dan mentadbirkan kerajaan bersama-sama dengan UMNO, dia pun menentang kita. Kadang-kadang dia menggunakan politik perkauman.²¹

Peringatan Tunku bagaimanapun tidak dipedulikan oleh Lee Kuan Yew yang sebaliknya meneruskan kempen '*Malaysian Malaysia*'nya serta bertekad untuk memastikan M.S.C berjaya dalam pilihan raya umum akan datang bagi membolehkannya menumbangkan kerajaan Perikatan.

Perdebatan di Dewan Rakyat

Persidangan Dewan Rakyat pada awal dan akhir bulan Jun 1965 adalah kemuncak kekeruhan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Singapura. Sudah menjadi tradisi, berdasarkan sistem Parlimen, setelah tamat ucapan di Raja penyokong kerajaan akan membawa usul tahniah kepada Agong. Sebaliknya sidang Dewan Rakyat bulan Jun 1965 telah mencatat sejarah apabila Lee Kuan Yew membawa usul supaya ucapan Agong dipinda. Lee Kuan Yew meminta Dewan menyatakan kekesalan kerana titah Agong tidak menyebutkan tentang kepentingan membina *Malaysian Malaysia*, satu konsep politik yang menjadi falsafah perjuangan *Malaysia Solidarity Convention*. Titah Agong dan syor pindaan Lee Kuan Yew telah menarik perhatian ahli Dewan. Bermula dari situ perdebatan tertumpu kepada soal hubungan Kuala Lumpur-Singapura, masa depan Perikatan dan PAP, dan akhir sekali kedudukan dan hak kaum Melayu dan Cina di Malaysia. Dalam arus perdebatan itu, pelbagai kenyataan yang sensitif dan menyentuh sentimen kaum tertentu telah dibangkitkan.

Dr. Mahathir Mohamad, wakil Rakyat UMNO (Kedah) telah membuka perbahasan dengan merujuk kepada titah Agong berhubung soal keselamatan negara. Semasa merasmikan pembukaan Parlimen, Agong telah menyebut :

keselamatan negara kita sedang diancam dari luar negeri ia-itu Indonesia. Dan lagi negara kita sedang menghadapi juga ancaman dari dalam negeri. Kedua2 ancaman itu tujuannya ia-lah hendak menimbulkan kekacauan, Jika pihak2 yang membuat ancaman2 itu berjaya, maka huru-hara akan timbul dan demokrasi akan berakhir.²⁴

Dr. Mahathir menganggap PAP setaraf dengan *Socialist Front*, pro-kaum Cina, condong terhadap Komunis, dan anti-orang Melayu. PAP yang gagal untuk menyertai Perikatan bagi mengambil-alih tempat MCA, dan gagal untuk menewaskan MCA dalam pilihanraya umum pada 1964, telah berusaha untuk menghancurkan Perikatan dengan cara mengasingkan orang Melayu daripada kaum yang lain. Untuk mencapai tujuan itu, PAP menggunakan formula matematik mudah, iaitu mengulangi kenyataannya bahawa tidak mungkin kaum Melayu yang hanya berjumlah 40% dapat menguasai kaum bukan Melayu yang berjumlah 60%. Yang dimaksudkan oleh PAP ialah kaum bukan Melayu yang berjumlah 60% itu dapat menguasai kaum Melayu yang hanya berjumlah 40%. PAP telah menggunakan sentimen perkauman untuk mendapatkan sokongan kaum bukan Melayu walaupun PAP mendakwa ia adalah sebuah parti bukan perkauman.

Setelah gagal mendapat sokongan di Semanjung dan juga di Malaysia Timor, PAP cuba mendapatkan pula sokongan daripada luar negara. Lee telah membisikkan kepada wartawan asing dan diplomat asing bahawa Perikatan adalah sebuah parti perkauman, berpecah dan lemah, manakala PAP adalah sebuah parti bukan perkauman, berwawasan dan dipimpin oleh seorang tokoh yang pintar, iaitu Lee Kuan Yew. Pada anggapan Dr. Mahathir tindak tanduk seperti itu membayangkan bahawa Lee Kuan Yew lebih mengutamakan kepentingan diri daripada kepentingan negara.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa Lee Kuan Yew bercita-cita untuk menjadi seorang Perdana Menteri bukan Melayu yang pertama di Malaysia. Bagaimanapun, Lee Kuan Yew gagal untuk memahami bahawa dalam sebuah negara yang bersifat majmuk, semua kaum mesti hormat-menghormati antara satu sama lain bagi menjamin keamanan. Lee berasal dari Singapura yang majoriti penduduknya terdiri daripada kaum Cina. Keadaan ini membuatkan mereka agak sukar untuk menerima pemerintahan Melayu. Demi kepentingan perpaduan nasional semua

fakta tersebut perlu disebut memandangkan PAP telah membuat tohmahan di luar negara bahawa kononnya kaum Cina telah ditekan oleh Perikatan yang induknya ialah UMNO.

All these need to be aired, to be brutally put forth in the interest of Malaysian unity. The myth of Malay domination that the PAP is building up abroad where people are in no position to know the truth must be destroyed if Malaysia is to maintain its true image a country where the indigenous people have welcomed the Chinese and despite the fact that these Chinese have done so well by themselves have not resorted to the sort of things that indigenous people are wont to do in other countries. Racial harmony, despite the odds against it, exists here and it must be shown to exist. The mad ambition of a typical Chinese must be curbed so that one important threat from within is removed and Malaysia united under His Majesty's Government to face the threat from within and democracy preserved.²⁵

Dalam jawapannya pada 27 Mei 1965, Lee Kuan Yew mempersoalkan maksud titah Agong tentang ancaman dari dalam. Lee Kuan Yew beranggapan bahawa yang dimaksudkan dari dalam itu adalah PAP. Jika itulah yang dimaksudkan oleh kerajaan, bererti beliau adalah musuh rakyat Malaysia. Lee bertanya mengapa beliau harus ditohmah sebegitu rupa. Rakan-rakan dalam *Malaysian Solidarity Convention* telah bersetuju untuk bekerjasama bagi membentuk sebuah negara bercorak *Malaysian Malaysia*. Adakah itu menjadi kesalahan? Menurut Lee Kuan Yew, PAP menyokong Fasal 153 Perlembagaan berkaitan dengan pemberian biasiswa, lesen dan pekerjaan kepada orang Melayu. Begitu juga dengan usaha untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Lee Kuan Yew juga tidak yakin bahawa kaum Melayu yang hanya berjumlah 42% daripada jumlah penduduk dapat memerintah Malaysia selama-lamanya. Beliau menegaskan bahawa Singapura tidak akan keluar daripada Malaysia. Apakah pilihan yang ada? Apakah kaum Melayu akan memilih untuk bergabung dengan Indonesia, yang mempunyai sebuah parti Komunis yang terbesar di dunia? Jika pilihan dibuat secara demokratik, mungkinkah penduduk di negara ini memilih untuk bergabung dengan Indonesia?

Berhubung dengan Fasal 153, Lee menegaskan bahawa pemberian biasiswa, lesen dan pekerjaan hanya melibatkan segelintir orang Melayu sahaja. Dalam usaha untuk memajukan orang Melayu supaya setaraf dengan orang bukan Melayu, suatu usaha yang bersungguh-sungguh serta melibatkan perubahan cara hidup orang Melayu di desa perlu dilaksanakan. Beliau mencabar kerajaan Persekutuan untuk bersaing dengannya dalam usaha untuk memajukan orang Melayu. Beliau percaya bahawa orang Melayu di Singapura akan dapat menguasai bidang sains dan pengurusan dalam tempoh 'sepuluh tahun'.

Syed Jaafar Albar juga turut melibatkan diri dalam perbahasan usul tersebut. Beliau ingin tahu mengapa Lee Kuan Yew begitu gerun dengan ayat 'ancaman dari dalam' itu. Beliau juga hairan mengapa Lee Kuan Yew bimbang perkataan itu menghala kepadanya. Syed Jaafar juga menolak tohmahan Lee bahawa beliau adalah seorang *ultra*.

Kalau pun saya meyeru orang2 Melayu bersatu, apa salah-nya? Tema ucapan saya dari semenjak UMNO di-lahirkan tahun 1946 ialah mengajak orang2 Melayu berstau, apa salah-nya, apa silap-nya - oh! *communal*, tetapi jangan pandang kepada soal seruan ini - pandang pada hasil-nya; apa yang telah di-buahkan-nya, atau di-hasilkan oleh seruan2 saya supaya orang2 Melayu bersatu. Buah-nya *harmony*, buah-nya persefahaman, buah-nya dan hasil-nya tolong menolong di-antara semua kaum dalam negeri ini.

PAP yang mendakwa tidak perkauman, berbagai2 riot dalam Singapura, di-mana hendak taroh muka?"

Syed Jaafar juga menolak dengan tegas dasar *Malaysian Malaysia* yang diperjuangkan oleh PAP.

Apa-kah ini *Malaysian Malaysia*? kalau ini satu benda baharu pada dia, itu bukan baharu kepada kita. Kita yang mulakan benda ini tetapi dengan bijak pandai-nya dia hendak tunjukkan kepada dunia konon-nya dia-lah yang *mencreate*, dia-lah yang *menchiptakan Malaysian Malaysia*. Pada hal itu-lah perjuangan Perikatan dengan tidak mengempar-gemporkan dan dengan tidak berchakap besar. Kita berjalan mengikut *plan*, kita mengikut ranchangan, kita mengikut asas2 yang kita telah tetapkan sa-hingga kita sampai kepada matlamat kita, tidak mengembar-gemborkan dalam soal *Malaysian Malaysia*. Dia bertanya, siapa-kah hendak *Malaysian Malaysia*; dia bertanya kita,

Tanya-lah diri sendiri, dia hendakkan *Malaysian Malaysia* atau tidak, dan apa yang dia hendak? ..Apakah maksud *Malaysian Malaysia* kepada mereka ini, Tuan Yang di-Pertua? Saya tidak mengerti apa itu *Malaysian Malaysia*, apa yang kurang? Kita sedang menuju ka-arah pembentokan satu bangsa yang betul2 bersatu padu.²⁷

Dalam menggulung perbahasan, Razak menafikan tuduhan Lee Kuan Yew bahawa yang dimaksudkan musuh dari dalam itu adalah PAP.

*If we had thought of him as such, as the enemy from within, we would have dealt with him as we had done with all other enemies from within.*²⁸

Razak juga menolak tohmahan Lee bahawa kerajaan Persekutuan cuba mewujudkan pemerintahan Melayu di Malaysia dengan menindas kaum lain ataupun menganggap negeri-negeri lain itu '*inferior*'.

*That was why he came to see the Prime Minister some time ago and put forward a proposal that his party should share in the administration of this Government in place of the MCA. This idea was wholly unacceptable, in fact, most objectionable to the mind of an honest and loyal leader. The MCA has been a partner since the formation of the Alliance and they have been our true friends indeed and, together with the MIC, we have worked for the independence of Malaya, which led eventually to the independence of the other States, which now make up Malaysia. It is unthinkable that the Prime Minister could discard the MCA for the PAP. He has always regarded the MCA as a true friend of UMNO and a s a partner who, together with the MIC, has worked for the well being, prosperity and happiness of this country.... This cannot be said of the PAP. As has often been said in this House in the debate, Mr. Lee Kuan Yew, in fact, thinks in terms of the Chinese, or a small section of the Chinese in Singapore, and the only Government which will be acceptable to him is one in which he can have a big say and a big share, and ultimately a Government which he alone can have a say without resort to parliamentary democracy.*²⁹

Secara terus terang Razak menyalahkan Lee atas kekalutan politik yang berlaku. Di samping itu Razak menegaskan bahawa tindak tanduk Lee telah menguntungkan Indonesia. Beliau menambah bahawa '*Lee was playing dangerous game and had embarked on reckless adventure. If despite alliance government's belief in, and work for, racial harmony trouble were to break out they must hold him fully responsible*'.³⁰

Tunku ternyata amat kecewa dengan sikap dan kegiatan Lee Kuan Yew. Kekecewaan itu kelihatan dalam kenyataannya sebelum berangkat ke London untuk menghadiri Sidang Negara-Negara Komanwel.

I wish I had not listened to all that persuasive talk before...Then Malaya would still be very happy Malaya...no confrontation, nothing'.³¹

Hubungan buruk antara kerajaan Pusat dengan Singapura turut merisaukan pihak British. Pada 1 Jun 1965, Lord Head bertemu dengan Tunku serta menasihatkan beliau berusaha untuk meredakan keadaan. *'If things went on like this, it would be hard to see how or when they would terminate; and that Malaysia seemed to be heading for a serious political clash which might have most disastrous results'.³²* Walaupun akur dengan nasihat itu, Tunku menyalahkan Lee Kuan Yew kerana memburukkan keadaan.

Lee Kuan Yew had been deliberately spreading false propaganda abroad and had now returned and was determined to attack bitterly the Federal Government in a way he must know would lead to racial trouble. The Tunku went on to say that he agreed that things could not go on like this and they must end soon.³³

Head bertanya Tunku: *'how would they end and did the Tunku think he could still treat with Lee Kuan Yew and bring about some kind of detente'*. Tunku menjawab: *'no, he was determined never again to try and treat with Lee Kuan Yew, whom he did not trust a yard and about whom he was completely disillusioned'*. Head berkata *'how then was all this going to end, to which the Tunku replied, 'I know my duty and I shall not hesitate to do it'.³⁴*

Head bertanya kepada Tunku sama ada kenyataannya itu bererti Lee Kuan Yew akan ditahan. Tunku menjawab *'that he was'.³⁵* Head menjawab bahawa *'if Lee Kuan Yew were put inside for any reason other than for reasonable activities, it would mean much shock and embarrass the British Government and would undoubtedly have far-reaching effects among world opinion. Lee Kuan Yew was now well-known in many countries which wished Malaysia well and any suggestion that he had been confined for carrying on purely political activities would have a most unfortunate effect in Britain and elsewhere'.³⁶* Tunku membalas

bahawa beliau mempunyai tanggungjawab 'to preserve the unity of this Federation and that if Lee Kuan Yew was destroying it, he knew where his duty lay'.³⁷

Pihak British memandang serius perkembangan dalam hubungan Singapura dengan kerajaan pusat. Jika kekacauan atau rusuhan berlaku di Singapura, kepentingan pangkalan British di pulau itu akan terjejas. Pada 3 Jun 1965, Lord Head telah diarahkan oleh Jabatan Komanwel agar mengingatkan Lee Kuan Yew supaya tidak mencetuskan ketegangan yang boleh melemahkan struktur kerajaan pusat dan juga menguntungkan Indonesia.³⁸

Dalam masa yang sama Head juga diarah supaya menasihatkan Tunku daripada menahap Lee Kuan Yew di bawah undang-undang darurat. Pada pandangan British:

We fully realise that such a decision would be a matter lying within the internal responsibilities of the federal Government. Further, we would not wish the Tunku to think that we do not fully realise that Lee's present behaviour must necessarily cause deep concern to the Federal Government, particularly in respect of its relationship with the States.

We feel we must let the Tunku have our frank views, because we are most concerned at the prospect of very serious consequences which would directly affect our own interests and our relations with Malaysia.

*If Lee were to be arrested and detained shock to world opinion would be profound.*³⁹

Tunku akur dengan 'nasihat' itu. Namun demikian, Tunku tidak lagi percaya kepada Lee Kuan Yew. 'Completely disillusioned' tegas Tunku. 'The time for patience and delay had passed'.⁴⁰

Satu jam kemudian Lee berjumpa dengan Head. Berdasarkan gambaran Head, Lee berada dalam keadaan 'a very emotional state'. Lee Kuan Yew memaklumkan bahawa 'time had come to fight for a Malaysia that would not be dominated by Malays'.⁴¹ Oleh sebab itulah beliau menubuhkan barisan pembangkang. Beliau juga bersedia untuk dipenjarakan kerana tindakan itu akan mengukuhkan kedudukannya.⁴² Head mengingatkan Lee bahawa dasar kontroversi itu akan hanya mencetuskan krisis.⁴³ Bagaimanapun Lee menjawab dengan sombong bahawa 'masa untuk bersabar dan bertangguh telah berlalu'.⁴⁴

Kerajaan British amat bimbang dengan perkembangan tersebut. Pesuruhjaya Tinggi British diarahkan supaya cuba mempengaruhi Tunku dan Lee Kuan Yew mencapai *detente*.

Pada 4 Jun 1965 Head bertemu sekali lagi dengan Lee Kuan Yew.⁴⁵ Head dengan terus terang menyatakan perasaan tersinggung kerajaan British terhadap sikap provokatif Lee Kuan Yew, seperti mempersoalkan siapa datang dulu ke Tanah Melayu dan cadangan perlembagaan alternatif.⁴⁶ Head mengingatkan Lee bahawa jika beliau terus mencetuskan kontroversi politik kemungkinan beliau akan kehilangan sokongan dan simpati daripada penyokongnya di luar negara. Orang Melayu tidak akan menerima dasar berbilang kaumnya malah keadaan ini akan memberi kesempatan kepada puak kiri Melayu untuk mengecap beliau sebagai seorang pemimpin Cina yang berbahaya. Dasarnya juga boleh menjejaskan kestabilan Persekutuan.

Lee Kuan Yew menjawab bahawa keadaan tersebut bukan berpunca daripada beliau.⁴⁷ Sebaliknya beliau menyalahkan akhbar-akhbar Melayu kerana sikap provokatifnya. Beliau juga menyalahkan UMNO di Singapura kerana menyebarkan dakyah. Lee Kuan Yew menegaskan bahawa beliau terpaksa bertindak balas dan melawan kerana jika beliau berdiam diri beliau akan dianggap telah menerima ketuanan Melayu.⁴⁸

Head mengingatkan Lee Kuan Yew bahawa Malaysia akan gagal jika kaum Melayu dan Cina tidak dapat bekerja sama. Untuk menjadi seorang pemimpin, Lee mesti mendapat sokongan kaum Melayu. Begitu juga jika Singapura hendak maju, Lee Kuan Yew mesti menerima konsep pasaran bersama. Lee bersedia untuk berdamai dengan Tunku dan masih berasa yakin bahawa penyelesaian terhadap kekusutan itu akan dapat diselesaikan.⁴⁹

Selanjutnya mereka berbincang tentang cara untuk meredakan keadaan. Lee Kuan Yew bersedia untuk mengambil sikap berlembut jika pasaran bersama dapat diwujudkan dan UMNO berjanji tidak akan campur tangan dalam urusan politik di Singapura.⁵⁰ Apabila Head bertanya Lee Kuan Yew adakah itu membawa maksud bahawa beliau tidak akan campur tangan dalam politik Tanah Melayu. Lee Kuan Yew tidak dapat memberi jaminan. Pakatan PAP dengan parti pembangkang di Semenanjung menyebabkan PAP terpaksa campur tangan dalam politik di Semenanjung.

Dalam pertemuan antara Head dengan Tunku selepas itu, Tunku menyatakan kebimbangannya dengan perkembangan yang berlaku. Sungguhpun begitu Tunku berasa yakin bahawa kekusutan itu akan dapat diatasi jika PAP dipimpin oleh tokoh lain. Walau bagaimanapun, keadaan telah menjadi teruk dan tidak mungkin 'political detente' atau 'disengagement' dapat dicapai.⁵¹

Head membangkitkan tentang kemungkinan Lee ditahan. Head mengingatkan Tunku bahawa jika Lee ditahan, sokongan Britain terhadap Malaysia mungkin akan terjejas. Tambahan pula Lee tidak mungkin akan berdiam diri dan pasti akan berusaha untuk mendapatkan simpati dari luar.⁵² Tunku menjawab bahawa 'I trust in God and I have been here to do my duty and I will not fear to do it but you can assure your government that I will not detain Lee without good reason which can be fully justified'.⁵³

NOTA

1. Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia*, 1963 - 1970, Kuala Lumpur, 1987, hlm. 107.
2. US Embassy, Kuala Lumpur - State Department, 17 Apr. 1964, POL. 12 Malaysia.
3. Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation*, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 193.
4. US Embassy, Kuala Lumpur - State Department, 20 Apr. 1964, POL. Malaysia.
5. Surat Pekeliling untuk Ahli -ahli UMNO Cawangan Rochore, 27 Mei 1964.
6. Kesatuan Kebangsaan Anak-Anak Bumi Putera Singapura, 27 Mei 1964.
7. Albert Lau, *A Moment of Anguish*, Times Academic Press, Singapore, 1998. hal. 147-8.
8. Tentang rusuhan di Singapura, lihat Albert Lau, *Ibid.* Bab 6.
9. *Ibid.* hal. 171-172.
10. *Ibid.* hal. 174.
11. Singapore - State Department, 27 Julai 1964, POL 18 Malaysia.
12. Surat Syed Jaafar Albar - Dennis Bloodworth.
13. Kuala Lumpur - CRO, 22 Julai 1964, PREM 11/4904.
14. Note by the Prime Minister of his private conversation with Tunku Abdul Rahman at No. 10 Downing Street on Thursday, August 6, 1964. PREM 11/4904.

15. Singapura - CRO, 18 Ogos 1964, PREM/11/4904.
16. CRO - Kuala Lumpur, 19 Feb. 1965, PREM 13/430.
17. Ibid.
18. Ibid.
19. Lord Head - Tunku Abdul Rahman, 24 Feb. 1965, PREM 11/430.
20. Tunku Abdul Rahman - Harold Wilson, 2 Mac 1965, PREM 13/430.
21. Ucapan Tunku di Persidangan Agung UMNO pada 15 Mei 1965.
22. Ibid.
23. Ibid.
24. Penyata Dewan Rakyat, Jun 1965.
25. Ibid.
26. Ibid.
27. Ibid.
28. Ibid.
29. Ibid.
30. Ibid.
31. Sunday Times, 13 Jun 1965.
32. Kuala Lumpur - CRO, 1 Jun 1965, PREM 13/430.
33. Ibid.
34. Ibid.
35. Ibid.
36. Ibid.
37. Ibid.
38. CRO - Kuala Lumpur, 3 Jun 1965, PREM 13/430.
39. Ibid.
40. Ibid.
41. Ibid.
42. Ibid.
43. Ibid.
44. Ibid.
45. Kuala Lumpur - CRO, 4 Jun 1965, PREM 13/430.
46. Ibid.
47. Ibid.
48. Ibid.
49. Ibid.
50. Ibid.
51. Ibid.
52. Ibid.
53. Ibid.

بصورتی که در میان ما و سلطان حسین محمد شاه... ان ملوک متعلقه جدا از هم و ان توان بشر کور بر نور و فیلس و ان توانا بصیر و ابلر فر کور
که اول الله توان و بطور مشهور این موافقت است که در روز ۲۰ کتب ۳۰ اورینت تحت و وقف کلیع م... ان المصلحت و ان کتبیت

فصل پنجم در تدارک استادن تان بی و اور بطهران کتبیت با ت کسبه هان و این تخیع مانع مجاورت کسب کتبیت تخیع کتبیت و ان که از ان کسب کتبیت
مهره و از ان کسب کتبیت که اول الله هان و ان کسب کتبیت بر من هفت روجه و در کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت
مطلبی که با ان حکم کتبیت
هنگامه محمد تا هر کس کتبیت

فصل ششم در تدارک استادن تان بی و اور بطهران کتبیت با ت کسبه هان و این تخیع مانع مجاورت کسب کتبیت تخیع کتبیت و ان که از ان کسب کتبیت
مهره و از ان کسب کتبیت که اول الله هان و ان کسب کتبیت بر من هفت روجه و در کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت
مطلبی که با ان حکم کتبیت
هنگامه محمد تا هر کس کتبیت

فصل هفتم در تدارک استادن تان بی و اور بطهران کتبیت با ت کسبه هان و این تخیع مانع مجاورت کسب کتبیت تخیع کتبیت و ان که از ان کسب کتبیت
مهره و از ان کسب کتبیت که اول الله هان و ان کسب کتبیت بر من هفت روجه و در کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت
مطلبی که با ان حکم کتبیت
هنگامه محمد تا هر کس کتبیت

فصل هشتم در تدارک استادن تان بی و اور بطهران کتبیت با ت کسبه هان و این تخیع مانع مجاورت کسب کتبیت تخیع کتبیت و ان که از ان کسب کتبیت
مهره و از ان کسب کتبیت که اول الله هان و ان کسب کتبیت بر من هفت روجه و در کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت
مطلبی که با ان حکم کتبیت
هنگامه محمد تا هر کس کتبیت

فصل نهم در تدارک استادن تان بی و اور بطهران کتبیت با ت کسبه هان و این تخیع مانع مجاورت کسب کتبیت تخیع کتبیت و ان که از ان کسب کتبیت
مهره و از ان کسب کتبیت که اول الله هان و ان کسب کتبیت بر من هفت روجه و در کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت
مطلبی که با ان حکم کتبیت
هنگامه محمد تا هر کس کتبیت

فصل دهم در تدارک استادن تان بی و اور بطهران کتبیت با ت کسبه هان و این تخیع مانع مجاورت کسب کتبیت تخیع کتبیت و ان که از ان کسب کتبیت
مهره و از ان کسب کتبیت که اول الله هان و ان کسب کتبیت بر من هفت روجه و در کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت
مطلبی که با ان حکم کتبیت
هنگامه محمد تا هر کس کتبیت

فصل یازدهم در تدارک استادن تان بی و اور بطهران کتبیت با ت کسبه هان و این تخیع مانع مجاورت کسب کتبیت تخیع کتبیت و ان که از ان کسب کتبیت
مهره و از ان کسب کتبیت که اول الله هان و ان کسب کتبیت بر من هفت روجه و در کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت
مطلبی که با ان حکم کتبیت
هنگامه محمد تا هر کس کتبیت

فصل بیستم در تدارک استادن تان بی و اور بطهران کتبیت با ت کسبه هان و این تخیع مانع مجاورت کسب کتبیت تخیع کتبیت و ان که از ان کسب کتبیت
مهره و از ان کسب کتبیت که اول الله هان و ان کسب کتبیت بر من هفت روجه و در کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت کتبیت
مطلبی که با ان حکم کتبیت
هنگامه محمد تا هر کس کتبیت

The bottom section of the document features four circular seals or stamps, each containing a different emblem or design. Below these seals is a handwritten signature in Persian script, which appears to be 'Stamford Raffles'.

1. Perjanjian Johor-Singapura dalam bentuk terjemahan dan salinan yang dipersetujui antara Sultan Hussin Mohamad Shah, Ungku Temenggung Abdul Rahman dengan Stamford Raffles. Perjanjian ini ditandatangani pada 26 Jun 1819.



2. Tiga tokoh PAP, Fong Swee Suan, S. Woodhull, dan Lim Chin Siong meraikan pembebasan mereka dengan melepaskan burung merpati pada 4 Jun 1959.



3. Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra membuat kejutan dengan mengumumkan Gagasan Malaysia ketika berucap di Singapura dalam majlis meraikan Kelab Wartawan Asing bagi Asia Tenggara pada 26 Mei 1961.

79 DI-TANGKAP DI-SINGAPURA

Langkah terpaksa di-ambil untuk keselamatan daerah Malaysia

'GERAKAN MAHA PENTING' sejak DHARURAT



SEMBILAN puluh tujuh orang telah di-tangkap di-Singapura semalam hari ini dalam apa yang di-sifatkan oleh Datu (Dr.) Ismail bin Dato Abul Rahman, Menteri Keselamatan Dalam Negeri, sebagai "suatu gerakan keselamatan yang maha penting" sejak tamat dharurat.

"Sejak tamat dharurat, di sini telah berlaku suatu gerakan yang maha penting untuk keselamatan dalam negeri," kata Ismail.

"Gerakan ini telah berlaku di seluruh Semenanjung Malaysia dan di Sabah dan Sarawak. Gerakan ini telah berlaku di seluruh Semenanjung Malaysia dan di Sabah dan Sarawak. Gerakan ini telah berlaku di seluruh Semenanjung Malaysia dan di Sabah dan Sarawak."

Mereka yang di-tangkap

1. Datu Ismail bin Dato Abul Rahman, Menteri Keselamatan Dalam Negeri

2. Pong Swee Suan, Menteri Agong BAPU

3. Tan Teik Wah, Pengerusi Kumpulan Pergerakan Pemuda Singapura

4. Datoon Paraharaj, Pengerusi Jawatan Pemuda Pergerakan Pemuda Singapura

5. A. Wandiath, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

6. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

7. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

8. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

9. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

10. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

11. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

12. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

13. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

14. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

15. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

16. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

17. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

18. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

19. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

20. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura

KUALA LUMPUR, Sabtu

Pergerakan 11 orang telah ditangkap semalam di Singapura. Mereka adalah: 1. Datu Ismail bin Dato Abul Rahman, Menteri Keselamatan Dalam Negeri; 2. Pong Swee Suan, Menteri Agong BAPU; 3. Tan Teik Wah, Pengerusi Kumpulan Pergerakan Pemuda Singapura; 4. Datoon Paraharaj, Pengerusi Jawatan Pemuda Pergerakan Pemuda Singapura; 5. A. Wandiath, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura; 6. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura; 7. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura; 8. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura; 9. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura; 10. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura; 11. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura.

11 orang ra'ayat Persekutuan

11 orang rakyat Persekutuan Tanah Melayu telah ditangkap semalam di Singapura. Mereka adalah: 1. Datu Ismail bin Dato Abul Rahman, Menteri Keselamatan Dalam Negeri; 2. Pong Swee Suan, Menteri Agong BAPU; 3. Tan Teik Wah, Pengerusi Kumpulan Pergerakan Pemuda Singapura; 4. Datoon Paraharaj, Pengerusi Jawatan Pemuda Pergerakan Pemuda Singapura; 5. A. Wandiath, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura; 6. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura; 7. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura; 8. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura; 9. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura; 10. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura; 11. M. Yusoff, se-orang pemimpin Gerakan Pemuda Singapura.

Sedia untuk menyimpang

"Mereka bersedia untuk menyimpang ke arah mana sahaja yang diperlukan untuk keselamatan negara," kata Datu Ismail bin Dato Abul Rahman, Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

"Mereka bersedia untuk menyimpang ke arah mana sahaja yang diperlukan untuk keselamatan negara," kata Datu Ismail bin Dato Abul Rahman, Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

"Mereka bersedia untuk menyimpang ke arah mana sahaja yang diperlukan untuk keselamatan negara," kata Datu Ismail bin Dato Abul Rahman, Menteri Keselamatan Dalam Negeri.



SAID ZAHARI



PONG SWE SUAN



MARAH BUDAR

4. Keratan akhbar menunjukkan individu yang terlibat dalam gerakan penangkapan anasir anti penubuhan Malaysia atau dikenali juga sebagai Operasi Cold Store, Peristiwa pada 2 Februari 1963 ini membabitkan penangkapan 97 orang termasuk 11 orang rakyat Persekutuan Tanah Melayu yang menetap di Singapura.



5. Tunku Abdul Rahman sedang berucap pada majlis menandatangani Perjanjian Malaysia pada 8 Julai 1963 di Pejabat Perhubungan Komanwel, Malborough House, London.



قوتی شیخ را حقیقی

در نام الله پلعه آموزه لاکه میباشما سپیدان - سکتل فرودین - ایک الهه ذهن سرور سکتوت
ماتم دلت سملاده دانس اسلام ایکی مختوش کوبت نئی گداندان ایکی سکتول کلواریک سیت صحابقت در

یهوا سن اوله کورائ سوات فرجهین بلسه فرواته که سیمان حادیول جوبله تا هورت
سرور سیمین فراتسوق ام قوله نیک انشازا فرسکتون تا میله مایلو، یونآشده کتدم، یورو بوت کلا،
سراوق دات سبلا فور املت نده فر سچوب کوب، یهوا عدله که دیگو فو سکتوت نکتدی سه
نکتدی سراوق دات نکتدی سبلا فور ا دلف فر سکتون نانه مایلو یاشده دفر
نکتدی سه، نکتدی فرکتانو، نکتدی فریاح، نکتدی جوهر، نکتدی سیمین، نکتدی کتکن،
دات یهوا فر سکتون ایت حد فله دیجات - مایلیسا -

دان یهواسن اوله کورائ ضعیف ۲۱ دالم فرجهین بلسه فر سوات نده بر سچوب یهوا مایلو
در لده هورت مایلیسا ایت نکتدی سه، نکتدی سراوق دات نکتدی سبلا فور ا
هسته کت دت در لده نهدا دی سیمان کت اوله دلف بلسه امل ایت کت مایلیسا کت
دات دواب بلسه امل ایت کت مایلیسا کت اوله دلا کی مایلو کت مکتده داتن نکتدی مایلو
دالم کت کت ۲ یوه نکتدی ایت،

دان یهواسن اوله کورائ سوات فرجهین بلسه فر سوات نده بر سچوب یهوا مایلو
فاضونت ایت مکتده ددان

دان یهواسن اوله کورائ سوات فرجهین بلسه فر سوات نده بر سچوب یهوا مایلو
دات نکتدی سه، نکتدی سراوق دات نکتدی سبلا فور ا
هسته کت دت در لده نهدا دی سیمان کت اوله دلف بلسه امل ایت کت مایلیسا کت
دات دواب بلسه امل ایت کت مایلیسا کت اوله دلا کی مایلو کت مکتده داتن نکتدی مایلو
دالم کت کت ۲ یوه نکتدی ایت،

دان یهواسن اوله کورائ سوات فرجهین بلسه فر سوات نده بر سچوب یهوا مایلو
دات نکتدی سه، نکتدی سراوق دات نکتدی سبلا فور ا
هسته کت دت در لده نهدا دی سیمان کت اوله دلف بلسه امل ایت کت مایلیسا کت
دات دواب بلسه امل ایت کت مایلیسا کت اوله دلا کی مایلو کت مکتده داتن نکتدی مایلو
دالم کت کت ۲ یوه نکتدی ایت،

متم ذهن نام الله پلعه آموزه لاکه میباشما سپیدان - سکتل فرودین - ایک الهه ذهن سرور سکتوت
ماتم دلت سملاده دانس اسلام ایکی مختوش کوبت نئی گداندان ایکی سکتول کلواریک سیت صحابقت در
یهواسن اوله کورائ سوات فرجهین بلسه فرواته که سیمان حادیول جوبله تا هورت
سرور سیمین فراتسوق ام قوله نیک انشازا فرسکتون تا میله مایلو، یونآشده کتدم، یورو بوت کلا،
سراوق دات سبلا فور املت نده فر سچوب کوب، یهوا عدله که دیگو فو سکتون نکتدی سه
نکتدی سراوق دات نکتدی سبلا فور ا دلف فر سکتون نانه مایلو یاشده دفر
نکتدی سه، نکتدی فرکتانو، نکتدی فریاح، نکتدی جوهر، نکتدی سیمین، نکتدی کتکن،
دات یهوا فر سکتون ایت حد فله دیجات - مایلیسا -
دان یهواسن اوله کورائ ضعیف ۲۱ دالم فرجهین بلسه فر سوات نده بر سچوب یهوا مایلو
در لده هورت مایلیسا ایت نکتدی سه، نکتدی سراوق دات نکتدی سبلا فور ا
هسته کت دت در لده نهدا دی سیمان کت اوله دلف بلسه امل ایت کت مایلیسا کت
دات دواب بلسه امل ایت کت مایلیسا کت اوله دلا کی مایلو کت مکتده داتن نکتدی مایلو
دالم کت کت ۲ یوه نکتدی ایت،

کوردی مکتدی
فردان مکتدی

کوردی مکتدی
فردان مکتدی



6. Dokumen Pemasyhuran Malaysia ini telah diserahkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong kepada Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka pada 16 September 1963.



7. Tunku Abdul Rahman masih boleh berbual mesra dengan Lee Kuan Yew, Dr. Goh Keng Swee (berdiri) dan Lim Kim San (kiri). Suasana ceria pada bulan Ogos 1964 ini tidak menggambarkan keadaan sebenar hubungan yang semakin tegang antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura.



8. Syed Jaafar Albar memberi sokongan kepada orang Melayu yang mengadakan demonstrasi secara aman ketika Perhimpunan Agung UMNO pada bulan Mei 1965. Selain berdemonstrasi perasaan marah orang Melayu terhadap Lee Kuan Yew juga diluahkan melalui media seperti *Utusan Melayu*.



9. Konvensyen *Malaysian Solidarity Convention* pada 6 Jun 1965 yang memperjuangkan 'Malaysian Malaysia'.



10. Perpaduan dan kesatuan semangat orang Melayu digambarkan melalui Perarakan Maulidur Rasul pada 21 Julai 1964. Upacara yang sebenarnya sudah menjadi tradisi ini menimbulkan pelbagai tafsiran dalam suasana politik dan hubungan kaum yang tegang.



11. Kesan yang dapat dilihat daripada kejadian rusuhan kaum di Singapura pada 21 Julai 1964. Di samping kerosakan harta awam rusuhan kaum ini mengorbankan 23 orang.



12. Bagi menghalang rusuhan kaum pada 21 Julai 1964 daripada merebak, sekatan jalanraya diadakan di beberapa jalan utama di Singapura.



13. Tun Abdul Razak meluangkan masa melawat Kampung Gelam untuk meninjau keadaan mangsa rusuhan pada 21 Julai 1964.



14. Tunku Abdul Rahman tertarik melihat salah satu sepanduk yang ditunjukkan oleh ahli UMNO Singapura yang mengadakan demonstrasi pada 5 Ogos 1965.



15. Pelbagai tulisan yang menyelar Lee Kuan Yew kelihatan pada sepanduk ini jelas menunjukkan penentangan terhadap tindakan dan sikap beliau terutama konsep *Malaysian Malaysia* yang diperjuangkannya.



My dear Chin Chye

I am writing to tell you that I have given the matter of our break with Singapore my utmost consideration and I find that in the interest of your friendship and the security and peace of Malaya as a whole there is absolutely no other way out.

If I were strong enough and able to exercise complete control of the situation I might perhaps have delayed action, but I am not, and so while I am able to counsel tolerance and patience I think the amicable settlement of our differences in this way is the only possible way out.

I hope you will readily agree.

Kind regards

Yours sincerely

Tunku Abdul Rahman

- 1 -

16. Surat tulisan tangan daripada Tunku Abdul Rahman yang dikirimkan kepada Dr. Toh Chin Chye pada 7 Ogos 1965. Kandungan surat ini menjelaskan sebab Tunku mengambil keputusan memisahkan Singapura daripada Malaysia.



Deputy PRIME MINISTER,
SINGAPORE.

8th August 1965

Dear Tunku,

I thank you for your excellent letter which I received yesterday explaining your position on your attitude to the present difficulties that have arisen between the Central Government and the Singapore Government. It is indeed sad that in our view our problems can be solved only by asking Singapore to quit Malaya and this barely 10 years from the day Malaya was incorporated.

My colleagues and I would prefer that Singapore remain in Malaya and we felt that there could be other solutions to the present impasse. However as you have indicated that the situation does not lend itself to any other workable settlement and as you have expressed your view that Singapore remaining in Malaya will lead to a situation you may not be able to control, we have no alternative but to be resigned to your wish that Singapore leave the Federation of Malaya.

I & my colleagues had rejoiced at the reunification of Singapore with Malaya in September 1963. It has since then been to us that the peace and security of Malaya can only be secured by the separation of Singapore from Malaya. If this is the plan for peace in Malaya and Singapore then we must accept it however agonising our inner feelings may be. Although lasting unification of Singapore and Malaya has not been achieved this time, nevertheless it is my profound belief that future generations will succeed where we have failed.

In view that my friends and political colleagues in the other States of Malaya and particularly those in the Malayan Emergency Convention may have my true feelings on this matter I may have at some future date to tell them of the true position.

With kind regards

Yours Sincerely
Tallentaye

17. Surat tulisan tangan oleh Dr. Toh Chin Chye bertarikh 8 Ogos 1965 yang dikirimkan kepada Tunku Abdul Rahman sebagai balasan kepada surat Tunku sehari sebelum itu.



18. Tunku Abdul Rahman dalam persidangan akhbar di Bangunan Parlimen pada 9 Ogos 1965, bagi memberi penjelasan tentang sebab pemisahan Singapura daripada Malaysia.



19. Pada 9 Ogos 1965 Lee Kuan Yew turut memberi penjelasan kepada wartawan di Singapura tentang sebab pemisahan Singapura daripada Malaysia.



20. Riak di wajah Lee Kuan Yew ketika memberi persidangan akhbar pada 9 Ogos 1965 dengan jelas dapat menggambarkan perasaan beliau pada hari itu.

VIII

Menyingkirkan Duri dari dalam Daging

(Semasa Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, berada di London kerana menghadiri mesyuarat Menteri-Menteri Komanwel, Lee Kuan Yew telah meminta diadakan perjumpaan dengan Razak untuk bermuafakat cara-cara hendak mententeramkan suasana yang semakin hari semakin menjadi amat berbahaya dan boleh meletup kerana terlalu hangatnya perbalahan antara Kerajaan Persekutuan dengan pemimpin PAP Singapura berkaitan kedudukan orang Melayu. Keteguhan politik dan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Singapura berada di ambang perpecahan. Pemuda UMNO mendesak Razak supaya menangguhkan pertemuan itu sehingga Lee Kuan Yew 'meminta maaf kepada bangsa Melayu'. Razak menerangkan kepada pemimpin Pemuda bahawa perjumpaan itu adalah atas permintaan Lee Kuan Yew. Sebagai pemangku Perdana Menteri beliau bersedia untuk berjumpa dengan mana-mana juga ketua kerajaan jika mereka hendak berjumpa dengannya. Dengan perjumpaan itu sekurang-kurangnya beliau akan dapat menyelami lubuk hati Lee Kuan Yew yang sebenar-benarnya.

Pada 29 Jun 1965 Razak terbang ke Singapura. Mengikut catatan Razak, dalam perjumpaan itu Lee Kuan Yew bukan bertujuan hendak mencari jalan keluar dari keadaan yang buntu itu tetapi telah mendesak supaya puak pelampau dalam UMNO mesti disingkirkan. Penyingkiran itu perlu dilakukan jika Kerajaan Persekutuan hendak mententeramkan keadaan dan memulihkan kerjasama. Razak telah menolak tuduhan-tuduhan Lee Kuan Yew terhadap 'pelampau' UMNO sebaliknya menegaskan bahawa UMNO adalah satu pertubuhan yang kemas dan mempunyai tata tertib yang baik. Ketua dan ahli UMNO patuh kepada pucuk pemimpin UMNO dan kepada dasar perjuangan UMNO. Jika Lee

Kuan Yew hendak bekerjasama mustahaklah ia menaruh kepercayaan kepada pucuk pimpinan UMNO, iaitu Tunku Abdul Rahman.

Seterusnya Razak meminta Lee Kuan Yew memberi jaminan supaya dia dan rakan-rakannya tidak melatah dan membuat kenyataan yang menikam hati orang Melayu dan mencampuri urusan dalaman UMNO. Lee Kuan Yew bagaimanapun enggan memberi jaminan itu. Akibatnya perjumpaan itu tidak membawa sebarang natijah ke arah penyelesaian masalah antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Singapura.)

Beberapa hari kemudian Alex Josey, pembantu Lee Kuan Yew, telah diusir dari Semenanjung kerana campur tangan secara aktif dalam urusan politik Malaysia dan telah melakukan pelbagai kegiatan yang bertujuan untuk memecahkan perpaduan antara kaum.² Alex Josey juga dikatakan pernah menulis dalam majalah asing, *Bulletin Australia*, yang memperkecilkan Tunku sebagai Perdana Menteri Malaysia. Alex Josey mengatakan bahawa Tunku berasal dari suatu bangsa yang tidak ada sejarah selain daripada sejarah perompak dan lanun berbanding dengan Lee Kuan Yew yang datang dari sebuah kebudayaan besar. Tetapi yang lebih membimbangkan ialah apabila Alex Josey 'terus menerus dan dengan sengaja hendak memecahkan harmoni antara kaum yang telah sedia wujud dan tercapai'.³

Ekoran pengusiran Alex Josey dari Malaysia, PAP menyebarkan pula dakyah kononnya kerajaan Persekutuan akan menahan Lee Kuan Yew. Berita angin ini dinafikan sekeras-kerasnya oleh Razak dan beliau menyifatkannya sebagai tindakan tidak bertanggungjawab.

Tuduhan PAP itu terlalu liar dan jahat untuk diulas. Rakyat negeri ini tahu bahawa kerajaan Perikatan adalah sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, adil dan saksama.

Kami tidak ke sana sini menangkap orang tanpa sebab atau alasan yang mencukupi. Kami mendokong dan menegakkan prinsip demokrasi berparlimen dan pemerintahan menurut undang-undang.

Hanya mereka yang bertindak bertentangan dengan undang-undang negara sahaja yang harus menerima akibat-akibat perbuatan mereka.*

Walaupun begitu, Razak mengingatkan pemimpin PAP, khususnya Lee Kuan Yew, supaya tidak menggunakan persoalan perkauman dalam

kegiatan politik mereka yang mungkin akan memecahkan harmoni dan hubungan baik rakyat. Tunku juga memberi jaminan bahawa Lee Kuan Yew tidak akan ditahan.⁵

Kegagalan perjumpaan Razak-Lee Kuan Yew itu telah dimaklumkan kepada Tunku yang berada di London kerana rawatan. Setelah menerima makluman itu, Tunku membuat keputusan muktamad untuk memisahkan Singapura daripada Malaysia. Mengenang peristiwa itu Tunku menulis:

I had never been in a hospital bed in my life and I never knew before what it felt like to be stretched out on a bed without being able to move one's legs or to turn to one side or the other for days on end. Every movement caused grinding pain, but my mind was alive and active; so as I lay there, I was thinking of Mr. Lee Kuan Yew... Whichever way my restless mind turned, I could not help but come to one conclusion - and that was to cut Singapore adrift from the rest of Malaysia.⁶

Pada 1 Julai 1965 Tunku mengarahkan Razak supaya berbincang dengan menteri kanan lain tentang keputusan tersebut. Razak telah mengadakan mesyuarat tertutup mengenai Singapura dengan anggota kabinet kanannya, iaitu Dato' Dr. Ismail Abdul Rahman, Tan Siew Sin dan V.T. Sambanthan. Mesyuarat telah memutuskan bahawa Kerajaan Pusat mempunyai dua pilihan untuk menangani masalah Lee Kuan Yew dan Singapura:

- (i) menggunakan kuasa darurat dengan mengambil tindakan secara kekerasan terhadap pimpinan PAP, atau
- (ii) memberikan kemerdekaan kepada Singapura.

Mereka mencapai kata sepakat bahawa Singapura mesti dipisahkan. Pada 13 Julai 1965, Razak telah memaklumkan kepada Goh Keng Swee, Menteri Perdagangan dan Industri Singapura, keputusan Kerajaan Malaysia untuk berpisah dengan Singapura.⁷ Goh telah maklumkan keputusan Kuala Lumpur itu kepada Lee Kuan Yew. Kabinet Lee telah bersidang dan dengan perasaan yang berat terpaksa bersetuju dengan kehendak Kuala Lumpur untuk kebaikan kedua-dua pihak. Persetujuan itu telah dimaklumkan kepada Razak pada 20 Julai 1965.

Pada masa yang sama Razak memaklumkan kepada Tunku keputusan tersebut. Persidangan Khas UMNO akan diadakan pada 9 Ogos 1965 untuk membahaskan Rang Undang-Undang Pemisahan.

Pada 5 Ogos 1965, Tunku pulang dari London, dan waktu tengah hari 7 Ogos 1965, Lee Kuan Yew berjumpa dengan Tunku. Dalam perjumpaan itu Lee cuba mempengaruhi Tunku agar menanggukkan keputusan berpisah. Beberapa pilihan telah dikemukakan untuk menyelesaikan masalah antara Kuala Lumpur dengan Singapura. Bagaimanapun Tunku telah membuat keputusan muktamad. Singapura perlu dipisahkan daripada Malaysia demi keselamatan dan kesejahteraan Malaysia. Pada hari itu juga, Tunku dan Lee Kuan Yew, dengan perasaan berat hati, telah memeterai perjanjian tentang pemisahan Singapura dari Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Dalam suratnya kepada Dr. Toh Chin Chye, Tunku menulis:

I am writing to tell you that I have given the matter of our break with Singapore my utmost consideration and I find that in the interest of our friendship and the security and peace of Malaysia as a whole there is absolutely no other way out.

If I were strong enough and able to exercise complete control of the situation I might perhaps have delayed action, but I am not, and so while I am able to counsel tolerance and patience I think the amicable settlement of our differences in this way is the only possible way out.³

Dengan nada yang sedih dan menyesal, Toh memaklumkan kepada Tunku hasratnya untuk mengekalkan Singapura dalam Malaysia. Tetapi disebabkan Tunku bimbang pengekalan Singapura akan mencetuskan masalah, maka pilihan yang ada ialah pemisahan.

I and my colleagues had rejoined at the reunification of Singapore with Malaya in September 1963. It has come as a blow to us that the peace and security of Malaysia can only be secured by the expulsion of Singapore from Malaysia. If this is the price for peace in Malaya and Singapore than we must accept it however agonising our inner feelings may be. Although lasting unification of Singapore and Malaya has not been achieved this time, nevertheless it is my profound belief that future generations will succeed where we have failed.⁴

Sementara itu, Lee Kuan Yew telah mengadakan perjumpaan dengan Timbalan Pesuruhannya Tinggi British, Mills, untuk menjelaskan bahawa pemisahan Singapura dari Malaysia bukanlah kerana kelemahannya ataupun kerana takut sesuatu berlaku ke atasnya. *'Conviction that the ultimate alternative was bloodshed and the triumph of Communism had alone persuaded him that there was no other way'*, tegas Lee.¹⁰

Pada 9 Ogos 1965 Tunku membawa usul 'Pemisahan' ke Parlimen. Dalam suasana tegang, Tunku berucap di Parlimen, dan sambil mengisytiharkan perpisahan Singapura, Tunku dengan masygul memperkatakan tentang 'sebuah Kerajaan Negeri yang tidak lagi memberikan, bahkan sedikit pun taat setia kepada Kerajaan Pusat'.¹¹ Antara lain, beliau menegaskan bahawa:

We have tried everything possible to avoid the separation of Singapore from the rest of Malaysia. In the end we find that there are only two courses open to us: (1) is to take repressive measures against the Singapore Government or their leaders for the behavior of some of their leaders; and (2) is the course of action, which we are taking now, to sever connection with the State Government of Singapore that has ceased to give even a measure of loyalty to the Central Government. The position of the Central Government, not only at home but worse still abroad, has been mocked and made to look ludicrous on many occasions. It is clear that for us to take repressive measures against the Singapore leaders as we consider it repulsive to our concept of a parliamentary democracy to do so. Even then, it will not solve the problems because, as I have said problem but many: and all that gives us the most concern is the communal issue which has been brought up by the leaders of Singapore. This is a matter, which concerns me most, because the peace, happiness and the security of this country depend on goodwill and understanding among the various people who have made a home of this country. Without this goodwill and this understanding this nation is bound to break up and with a consequential disaster which we have seen and read about happening elsewhere. We feel that this repressive action against a few would not, therefore, solve the problem, because the seed of discontent, fear and hatred, has been sown not only in Singapore but elsewhere: and, I feel, if we were to take repressive measure, it cannot help because it would sprout elsewhere, and with the rule of force.¹²

Tan Siew Sin, Menteri Kewangan, telah menyokong usul itu.

Dalam ucapan sokongannya, Tan Siew Sin menyatakan bahawa kepentingan antara kaum telah memuncak sekali dan kecuali sesuatu yang tegas dilakukan, mungkin berlaku pergaduhan antara orang Melayu dengan orang Cina dari Alor Setar hingga ke Singapura.¹³ Beliau menegaskan bahawa Kerajaan Pusat boleh mengambil tindakan menekan Singapura tetapi itu tidak sesuai sama sekali dengan pemerintahan secara demokrasi. Pilihan yang ada ialah memisahkan Singapura daripada Malaysia.

Dato' Muhammad Asri dari PAS menyifatkan pemisahan Singapura itu sebagai satu langkah tepat. Beliau telah menimbulkan kembali fikiran yang pernah diucapkan oleh Allahyarham Ustaz Zulkiflee Muhammad, Timbalan Yang diPertua PAS, sebelum pembentukan Malaysia yang mengatakan bahawa kemasukan Singapura ke dalam Malaysia akan mempersulitkan masalah yang sedia dihadapi oleh kerajaan Pusat.¹⁴

Setiausaha Agung UMNO, Syed Jaafar Albar tidak bersetuju dengan keputusan Tunku itu kerana 'kita tidaklah boleh mempunyai jiran dekat yang dikuasai oleh suatu parti yang memusuhi kita'.¹⁵ Beliau bimbang Singapura akan menjadi pusat gerakan bawah tanah anasir subversif komunis. Sebagai menandakan ketidakpuasan hatinya, beliau telah melepaskan jawatannya.

Namun begitu, Razak menjelaskan:

Kita terpaksa mengeluarkan Singapura dari Malaysia - dan ini-lah sa'at yang sungguh bersejarah, kerana sungguh pon kita merasa sedih dan dukachita kerana satu negeri telah terpaksa keluar, tetapi kita gembira kerana kita telah dapat menyingkirkan duri dari dalam daging kita.¹⁶

Dalam pada itu, kedua-dua kerajaan telah mencapai beberapa persetujuan untuk kepentingan bersama. Singapura dan Malaysia telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pertahanan Bersama bagi mempertahankan kedua-dua negara itu daripada ancaman luar.

Reaksi British Terhadap Pemisahan

Keputusan nekad Tunku untuk memisahkan Singapura dari Malaysia telah mengejutkan pihak British. Ini kerana keputusan itu telah dibuat tanpa berunding terlebih dahulu dengan kerajaan British seperti yang

dipersetujui sebelum ini. Tunku berkata beliau sengaja tidak berunding dengan pihak British, Australia dan pihak lain kerana bimbang mereka mungkin menahannya daripada menyingkirkan Singapura.

Pada 11 Ogos 1965 Tunku telah memaklumkan kepada Harold Wilson, Perdana Menteri British, tentang pemisahan Singapura daripada Malaysia serta langkah yang diambil oleh Malaysia bagi memastikan bahawa Singapura tidak akan menjejaskan keselamatan Malaysia.¹⁷ Di samping itu Malaysia juga bersetuju untuk menyokong kemasukan Singapura dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Singapura juga telah bersetuju untuk membenarkan Malaysia mengekal serta menggunakan pangkalan-pangkalan tentera di Singapura. Juga dipersetujui bahawa kedua-dua pihak tidak akan menjalin hubungan dengan negara asing yang mungkin akan menjejaskan kemerdekaan dan keselamatan Malaysia.

Kerajaan British agak kecewa dan marah dengan keputusan Tunku memisahkan Singapura daripada Malaysia. Ini kerana dengan pemisahan itu bererti asas utama persetujuan British untuk membentuk Malaysia dengan menyertakan Sabah dan Sarawak telah berkecai. Tujuan utama British membentuk Malaysia adalah untuk menyelamatkan Singapura daripada menjadi 'Cuba' di Asia Tenggara dan sekali gus memaksa British menutup pangkalannya di Singapura untuk kegunaan SEATO.

Dengan itu tidaklah menghairankan, sejak peristiwa itu kerajaan Buruh Britain mengambil sikap anti-Tunku dan pro-Singapura. Ini jelas tergambar daripada minit Denis Healey kepada Perdana Menteri, Harold Wilson, apabila beliau mengesyorkan supaya dasar pertahanan British terhadap Malaysia dikaji semula. Pada pandangan Denis, *'the key issue is not whether or when we leave Singapore, but how to get out of Borneo: i.e. how to end our commitment under confrontation as soon as possible'*.¹⁸

Denis juga mencadangkan supaya kedudukan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia dikaji semula di bawah pengawasan PBB sama ada kedua-dua wilayah itu mahu terus kekal dengan Tanah Melayu ataupun dengan Singapura ataupun dengan Filipina dan Indonesia, atau Brunei ataupun mencapai kemerdekaan sepenuhnya. Pada pandangan Denis: *'A readiness on our part to agree to such consultation could remove some of the obstacles to better relations with Indonesia and the Philippines'*.¹⁹

Pemisahan Singapura daripada Malaysia sememangnya memberi kesan juga kepada wilayah-wilayah di Malaysia Timur, khususnya Sabah. Terpengaruh dengan hasutan pegawai British, Donald Stephens telah mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Pusat dan juga memutuskan untuk membawa usul dalam persidangan Majlis Kebangsaan UPKO untuk membawa keluar Sabah daripada Malaysia kerana kononnya tidak berpuas hati dengan kedudukan Sabah yang dianggap diberi layanan seperti sebuah koloni. Stephen telah meminta pihak British membantunya mencapai hasrat tersebut.²⁰

Bagaimanapun pemangku Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, Bottomley, meminta Stephen menyelesaikan perkara itu secara rundingan dengan pihak Kuala Lumpur bagi mengelakkan kekacauan yang akan hanya menguntungkan Indonesia.

Apabila Bottomley bertanya Razak tentang situasi di Sabah, Razak dengan tegas menjawab bahawa *'there was no question of Malaysia acquiescing in independence for Sabah'*.²¹ Razak meminta Bottomley memberitahu Stephens bahawa kerajaan British tidak akan mempertahankan Sabah selepas ia keluar daripada Malaysia dan jika negeri itu diambil-alih oleh Indonesia, beliau percaya orang pertama yang akan digantung oleh Indonesia ialah Stephens sendiri.

Melihat kepada ketegasan Kuala Lumpur untuk menangani isu Sabah, Pejabat Hubungan Komanwel menasihatkan pegawainya di Malaysia tidak bersikap *'rash and hasty action'* sebaliknya *'to play the matter long for the time being'*.²²

Pejabat Hubungan Komanwel menjelaskan bahawa kerajaan British tidak menentang keputusan kedua-dua wilayah itu untuk berpisah ataupun menentang sebarang usaha untuk berpisah sekiranya dipersetujui oleh semua pihak dalam Persekutuan.

Bagaimanapun, kerajaan British tidak mahu perpisahan itu berlaku dalam keadaan drastik seperti Singapura.

*If a change is going to take place we wish it to happen as part of the processes of bringing confrontation to an end - i.e. we may be able to use it to assist us to achieve this objective.*²³

Sementara itu Pejabat Hubungan Komanwel menasihatkan Bottomley supaya mengingatkan Tunku agar tidak membuat sebarang

keputusan berhubung dengan Sabah tanpa berbincang terlebih dahulu dengan kerajaan British.

Pada 19 Ogos 1965, Tunku telah menjelajah ke seluruh Sabah dan Sarawak untuk menunjukkan kekuasaan kerajaan pusat sambil mengingatkan mereka bahawa beliau akan mengangang dan menghancurkan sebarang percubaan untuk memisahkan Sabah dan Sarawak dari Malaysia.

Amaran Tunku nampaknya meninggalkan kesan positif kepada Donald Stephens, Kalong Ningkan dan juga kepada British. Melihat ketegasan Tunku itu, Donald Stephens dan Kalong Ningkan membatalkan hasrat mereka untuk membawa Sabah dan Sarawak keluar daripada Persekutuan Malaysia

Dalam utusannya sempena Ulang Tahun Kedua Penubuhan Malaysia, Razak telah sekali lagi memberi penjelasan sebab pemisahan Singapura daripada Malaysia. Antara lain beliau menyebut:

However, just a little more than three weeks ago, it was found necessary by both the Central Government and the Singapore Government that Singapore should be separated from the rest of Malaysia. It was a sad and a heartbreaking decision, but the leaders of the two countries were convinced that this was the only solution in the circumstances. Since the establishment of Malaysia it was found that Singapore could not fit into the Federation and the Central Government and the Government of Singapore, due to many reasons have found it impossible to work together. Lately there was almost a deadlock and what is more the differences between the political leaders in Singapore and in Kuala Lumpur have brought racial tension. The Leaders of the PAP Government in Singapore had accused the Central Government of favouring one race against another and that it was a Malay-dominated Government. These unfounded criticisms spread throughout the country and overseas have led to a racial tension and racial troubles. The separation of Singapore may be a sad event but we should be happy in the thought that both the leaders of the Alliance Government and the PAP Government of Singapore have pledged to work together closely on all matters affecting the people of the two territories in particular defence, security, commerce and industry. The two territories are linked together so closely that it is desirable that the two Governments should work together closely for the good of their respective people.²⁴

NOTA

1. *Berita Harian*, 10 Julai 1965.
2. *Berita Harian*, 14 Julai 1965.
3. *Ibid.*
4. *Berita Harian*, 22 Julai 1965.
5. *Ibid.*
6. Tunku Abdul Rahman, *Looking Back: Monday Musings and Memories*, Pustaka Antara Kuala Lumpur, 1977. hal. 122.
7. *Ibid.* hal. 123.
8. Singapore - CRO, 9 Ogos 1965, PREM 13/589.
9. *Ibid.*
10. Mills (S'pore) - CRO, Ogos 1965, PREM 13/589.
11. Penyata Sidang Parlimen Khas, 9 Ogos 1965
12. *Ibid.*
13. *Ibid.*
14. *Ibid.*
15. *Ibid.*
16. Abdul Razak bin Hussein, 'Pemisahan Singapura dari Malaysia', dlm. *UMNO 20 Tahun*, Ibu Pejabat UMNO, Kuala Lumpur, 1966. hal. 7-11.
17. Kuala Lumpur - CRO, 14 Ogos 1965, PREM 11/431.
18. Denis Headley - Wilson, 13 Ogos 1965. PREM 13/431.
19. *Ibid.*
20. Bottomley (KL) - CRO, 17 Ogos 1965, PREM 11/431.
21. *Ibid.*
22. CRO - Kuala Lumpur, 17 Ogos 1965, PREM 11/431.
23. *Ibid.*
24. Amanat Khas Razak sempena Ulang Tahun Kedua Penubuhan Malaysia pada 28 Ogos 1965.

Kesimpulan

Sejak tahun 1961 lagi apabila idea Gagasan Malaysia diutarakan, Allahyarham Zulkifli Muhammad, seorang tokoh PAS, pernah menegur serta mengingatkan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, tentang keburukan percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. Pada pandangan PAS percantuman itu akan menimbulkan bahaya kepada Persekutuan Tanah Melayu, malahan 'akan mengakibatkan penenggelaman diri kita' memandangkan 70% daripada penduduk Singapura terdiri daripada kaum Cina. Sebagai seorang ahli politik yang pintar dan bercita-cita besar, pasti Lee Kuan Yew mempunyai agenda apabila memperjuangkan percantuman Singapura dengan Tanah Melayu. Ghairah dengan gagasan Malaysia, peringatan tokoh pembangkang Melayu itu tidak diambil peduli oleh Tunku. Sebaliknya Tunku memberi jaminan bahawa kedudukan orang Melayu tidak akan tergugat malah bertambah kukuh hasil percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. Dari sudut keselamatan pula, percantuman itu akan mengelakkan Singapura daripada menjadi 'Cuba' di Asia Tenggara. Dengan percantuman itu juga bererti Singapura dapat membebaskan dirinya daripada cengkaman penjajahan British, dan Singapura kembali ke pangkuan asal.

Perkembangan yang berlaku setelah percantuman tidak seperti yang dihasratkan oleh Tunku. Sebaliknya Lee Kuan Yew tidak mengenang jasa dan pengorbanan Tunku. Lee Kuan Yew telah berlagak seperti 'kacang lupakan kulit'. Setelah mencapai kemerdekaan, menang dalam pilihan raya dan menubuhkan sebuah kerajaan yang kuat, timbullah nafsunya untuk mengembangkan sayapnya ke Semenanjung. Dengan berslogankan '*Malaysian Malaysia*', Lee Kuan Yew berusaha untuk

mempengaruhi orang bukan Melayu, dan PAP mendakwa bahawa mereka memimpin satu perjuangan melawan kedudukan istimewa orang Melayu dan perbezaan hak antara kaum. Sebenarnya, perjuangan mewujudkan '*Malaysian Malaysia*' itu adalah perjuangan melawan UMNO dan orang Melayu.

Kesabaran Tunku ada batasnya. Setelah dua kali rusuhan kaum berlaku di Singapura dalam tahun 1964, Tunku mengambil keputusan untuk memisahkan Singapura daripada Malaysia. Jika Singapura tidak segera dikeluarkan dari Malaysia maka sudah pasti dan tidak dapat dielak lagi, Malaysia akan menjadi padang jarak padang terkukor akibat pergaduhan antara kaum sebagai hasil daripada politik 'sorong tarik' Kerajaan Singapura. Pada 9 Ogos 1965, Tunku membuat pengumuman bersejarah di Parlimen bahawa bermula pada hari itu Singapura telah menjadi sebuah negara yang merdeka. Peristiwa itu menjadi satu detik hitam dalam sejarah Malaysia. Sungguhpun begitu, Razak menganggap peristiwa pemisahan itu sebagai 'sungguh menggembarakan kerana kita telah dapat menyingkirkan duri dari dalam daging kita'.

Peristiwa itu amat berat untuk diterima oleh Lee Kuan Yew. Seperti kata Said Zahari, salah seorang mangsa kekejaman Kerajaan PAP, 'dalam sekelip mata itu juga segala mimpi Lee Kuan Yew hendak berdendang dalam arena politik Malaysia, cair ke dalam udara nipis dan lenyap di angkasa.' Oleh sebab itulah Lee Kuan Yew menangis pada pagi 9 Ogos 1965 di hadapan wartawan media tempatan dan luar negara. Dia sukar untuk menerima perpisahan itu yang telah cuba dielak sedaya mungkin dengan perjuangan yang gigih.

Lampiran I

Memorandum Gerakan Melayu Singapura (GEMALA) kepada Baginda Queen Elizabeth II bertarikh 25 April 1959 menuntut dipulihkan hak ketuanan Melayu di Singapura

Restoration of the Sovereignty of other Malay people and the proclamation and installation of a Sultan for Singapore.

On behalf of the entire Malay population of this island, numbering approximately some 197,000 people, the Singapore Malay National Movement, or in short 'GEMALA' has the honor to submit, with the most profound respect, the following points not only for the scrutiny and careful consideration but also for the immediate action of Your Majesty's Government:-

Sultan Hussein Shah has made vast constitutional changes for this island since its succession in 1819 to the British Government. What was formerly a swamp is now a thriving metropolis, one of the great bastions of British naval and military strategy, a bulwark against the encroachment of International strategy, a bulwark against the encroachment of International Communism into the sphere of South East Asian Politics. Singapore is today, an outstanding monument to past British administrative genius, British industry, courage, faith and vision, qualities that were instrumental in turning a wilderness into a mighty fortress and prosperous intrepid city. All these took shape only within the 140 years of British administration, save for a short break of the Japanese occupation from 1942-1945, when British influence almost ceased to exist in this part of the world.

The transition of this island from a swampy tract into a vitally throbbing city is justifiably a source of constant pride to Your Majesty's Government both past and present, but it must be admitted that, such a transition would not have been possible and that Singapore would not be what it is today, a hotchpotch of diverse and complex racial interfusion, facing a multiplicity of problems so perplexing, so delicate and so staggering in proportions as to defy all solutions, if the Malays had been able throughout the years of British rule, to make articulate their disapproval of whatever measures were taken by previous government of the British Crown and which they considered detrimental to their continued existence as coherent race on this island. If such had been the case, Singapore's

phenomenal growth would never have been. When Raffles took over the island from Hussein Shah he concluded a treaty with the Sultan initially on January 30th, 1819 and finally ratifying it on February 6th, of the same year. No doubt Your Majesty's Government must be fully aware of the provisions of both the Treaties, the principal burden of which was that in return for the right of the British to maintain its administration machinery on the island, they were also responsible not only to safe-guard, but also to foster and actively encourage Malay rights, special privileges and advancement in the field of education, economic, political and social development. To go into the details of the legality or otherwise of the said Treaties would be involving our people and the British Government in the futility of protracted legal battles and to go into the past would also be, in our opinion, tantamount to indulging in bitter political recriminations and would, invariably, serve no purpose. They would, in fact, only widen the gap between our two peoples and the dangers inherent in this are only too obvious to those cowering behind the dark and ominous shadows of Asian Communism. It should however be noted, that reference to British obligations towards the Malays, as stated above, must be presumed to have been implicit in the terms of the Treaties signed in 1819.

The Malay National Movement was forged and brought into existence in the crucible of political ferment. Very soon, unless events dictate that it should be otherwise, Singapore would have a new Constitution with a fully elected legislature possessing all the trappings and paraphernalia of a self-governing territory under the aegis of Your Majesty's Government. It is an impressive constitution development, a tribute to British political vision and an acknowledgement of British sincerity and intentions towards all her former Colonies. But in this hour of crucial political and constitutional changes, a question of vital import has arisen amongst those Malays who are sufficiently educated to understand that the very existence of their people as an organized community is now doomed to extinction. More and more they feel driven to give definite and concrete expression of their dissatisfaction with the adopt extreme measure which would prove suicidal to themselves and fatal to traditional British prestige of fair play and justice in this part of the world? These are gloomy thoughts and being partly emotional, they tend to cloud the vital issues at stake. What are the issues at stake that the Malay people are apprehensive of?

One apparent result, which will adversely affect the Malay people if the new constitution of Singapore came into being, is the certain deprivation of their rightful claim to ownership of this island and all that it implies. The Malays will be treated on a footing of 'equality' with the other immigrant races and we maintain that to be so placed would be to endanger our very position and would jeopardize our immediate future on this juncture compete, with them on such a

basis, because, presumably, through the accidents of history and the years of British neglect of our welfare, we are a weak people, small in number and politically and economically 'insignificant'. This is only to mention an instance of the innumerable fears that we have when we envisage the future of our people.

It will not be out of point here to mention another instance of the cavalier treatment that we had received from the present Government. This is the granting of citizenship rights some months ago to some 220,000 aliens of dubious and doubtful loyalty. This measure was literally steam-rolled through the Legislative Assembly, the Malay people, as a whole, never being consulted as to the wisdom or stupidity of such an important measure. It would be monotonous to repeat endlessly other specific examples of such high-handed actions of the present Government towards the Malays. Suffice it to say that, if its past record towards us is to be taken as an indication of the future, then we have no trust, no belief and no confidence in whatever government is formed as a result of the General Elections in May as is provided in the New Constitution. We shall consider, a Government so constituted to be highly uncounstitutional and we will protest for its consequent dissolution, and take steps for a new constitution to be prepared, in which our rights and privileges are not only safe-guarded but are also guaranteed present and sad state of affairs. Like lost children they feel inclined to lay the blame for their present predicament squarely on the shoulders of Your Majesty's Government, but the counsels or wiser and cooler heads have prevailed and in this our hour of destiny, the Malays, organized under the leadership of the Malay National Movement, feel that their salvation lies in close understanding with the British Government.

To elaborate further, the Malay people here consider that Your Majesty's Government has a moral responsibility in safeguarding Malay interests, rights and privileges, not withstanding the claims of the non-Malays on this island. How great then was their consternation and how helpless they felt, when they realized that though their rights and privileges are embodied in the Proposed Constitution, in rather loosely at that, there appeared to be no institutional guarantees that those rights and privileges would be observed and carried out by the Government in power. In simple language the party that forms the next Government is not legally bound to observe, much less to carry out its obligations towards the Malays. This is most paradoxical as the Malays, though acknowledged by the world at large, as the sons of the soil are only allowed to live in their very own country only on sufferance. The Malay people are constrained to believe that their trust in the justice and fairness of British rule has after all these years been misplaced, and those of our people who have been sincere apologists of British rule are forced to ask if it is the declared wish and intention of Your Majesty's Government to witness the unprecedented spectacle of a modern community in complete moral, economic, social and political

collapse. Will it not be said by future historians, that the British had failed lamentably in the discharge of their duties towards the Malay people here? Will it not also be said that, in as far as the Malay subjects of Your Majesty are concerned, Singapore will be a standing monument of British duplicity? Must the Malays be driven to such a stage of desperation that they are compelled, by the force of events, too?

The Malay National Movement earnestly pleads with Your Majesty's Government to wake up and take note of the extremely delicate situation that has arisen here as a result of Malay consciousness of their national destiny. We plead that Your Majesty's Government be not deaf to our urgent needs for succor.

In view of the foregoing, the Malay National Movement requests that Your Majesty's Government take immediate and effective steps to implement the following resolutions passed at a Preliminary Meeting of our Movement on the 19th April 1959.

The suspension of the New Constitution (Order in Council) 1958 and subsequently the cancellation of the General Elections as are provided for under the proposed Constitution.

The return and recognition of Malay sovereignty to the Malay people, such sovereignty to be invested in a Sultan, duly installed and recognized by Your Majesty's Government, and chosen from one of the descendants of Sultan Hussein Shah, who ceded this island to the British in 1819.

On behalf of the Malay people, the Malay National Movement is prepared in the interim period, following the suspension of the New Constitution (order in council) to enter into negotiations with Your Majesty's Government with a view to:-

The formation of a Care-taker-Government for the internal administration of this island,

The predation of a new Constitution for Singapore.

The proclamation and installation of a Sultan, chosen from a suitable descendant of Sultan Hussein Shah, such a Ruler to rule in accordance with the provisions of the Proposed New Constitution.

May it please Your Gracious Majesty to be cognizant of not only the magnitude and urgency of our legitimate and just demands, but to act effectively to convince to Your Majesty's Government that failure to comply with our request would inevitably result in the total disintegration of our people here. Let it not be said of Your Majesty's Government that though it gave help, it did so too late as to be almost ineffectual. This petition of the entire Malay people will be in the hands of Your Majesty after Nomination Day, which was held on the 25th April 1959, the date of this petition. Less than a month will be at the

disposal of Your Majesty's Government during which it can act before those General Elections to from a new Government for Singapore start in May. The exigencies of time and the extreme precariousness of our position demand that Your Majesty's Government act swiftly and purposively towards the implementation of our resolutions as stated else where in this petition.

We maintain that the future shape of Government for this island is the responsibility of our people and the British Government only. The alien races domiciled here are the accumulated results of British Colonial Policy in the days of Imperial Expansion. As such they came only to trade and logically, and in principle therefore, they possess no political rights what so ever, though they may be accorded certain Fundamental and Human Rights as are exemplified in the United Nations Charter. To them will be extended These Fundamental and Human Rights in accordance with the Principles of the United Nations Charter.

The Malay National Movement must emphasize the friendly attitude of our people towards Your Majesty's Government. It will not benefit our people to adopt an outlook of hostility towards Your Majesty's Government, though grave and provocative were some of the mistakes it had made in the past. The Malays have been loyal to the British Government during the entire 140 years of British rule.

Sumber: Koleksi Peribadi

Lampiran II

*Usul Gagasan Malaysia yang dikemukakan oleh
Tunku Abdul Rahman di Dewan Rakyat Malaysia
pada 16 Oktober 1961*

When considering the concept of Malaysia it is necessary to keep in mind that the independent Federation of Malaya has to take note of three separate elements and the special interests of each. These three elements are the State of Singapore, which is almost completely self-governing, the three Borneo territories which are still colonies, and the United Kingdom which has particular obligations or duties in relation to the peoples of these areas. I will consider Malaysia in relation to each of these elements in turn. I would like to say at this point that the word merger has generally come to be accepted as a way of expressing the future integration of constitutional relations between the Federation and Singapore, but let us not forget that the broader concept of Malaysia is, of course, a merger too, but on a larger scale. Therefore when I refer to merger it will be directly in relation to Singapore and also to Malaysia because merger with Singapore is an essential part of the Malaysia idea.

